Wassalaamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993;
2. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;
3. Akta Jualan Langsung 1993;
4. Akta Bekalan Gas 1993;
5. Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1993;
6. Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan) 1993;
7. Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 1993;
8. Akta Kewangan (No. 2) 1993;.
9. Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pindaan) 1993;
10. Akta Koperasi 1993;
11. Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1993;
12. Akta Syarikat (Pindaan) (No. 3) 1993;
13. Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
14. Akta Perubatan (Pindaan) 1993;
15. Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1993; dan
16. Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1993.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang

Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Sidang Parlimen penggal yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA KEPADA DEWAN RAKYAT

"lOhb Mac, 1993.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah menimbangkan semula Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 mengikut peruntukan Artikel 66(4A) Perlembagaan sebagaimana yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat pada 9hb Mac, 1993 dan Dewan ini telah mempersetujui Rang Undang-undang tersebut tanpa pindaan.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN
NEGARA.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LAWATAN PERDANA MENTERI KE UZBEKISTAN DAN IRAN—HASIL

1. Dato' Haji Mohamad bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah hasil yang didapati oleh Malaysia daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke negara-negara Uzbekistan dan Iran baru-baru ini;

- (b) berapa dan apakah perjanjian-perjanjian bersama yang telah ditandatangani di antara Malaysia dengan kedua-dua negara tersebut; dan
- (c) adakah benar kedua-dua negara tersebut telah menunjuk minat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara contoh kepada mereka.

23. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Perdana Menteri menyatakan apakah kesan-kesan lawatan ke Uzbekistan dan Iran seperti berikut:

- (a) dari segi perdagangan;
- (b) hubungan diplomatik;
- (c) hubungan kebudayaan; dan
- (d) bagaimana usahawan-usahawan Malaysia dapat menembusi pasaran di kedua-dua negara, khususnya Uzbekistan yang mana masih belum bersedia dengan ekonomi terbuka (open economy).

28.4.1993

17. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan dan hasil lawatan Perdana Menteri dan rombongannya ke Iran dan negara-negara CIS baru-baru ini terutama apakah faedah yang negara kita memperoleh dari lawatan tersebut.

47. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Uzbekistan dan Republik Islam Iran baru-baru ini dari segi politik, ekonomi dan sosial:

- (a) sila senaraikan deligasi yang turut serta mengiringi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan apakah fungsi-fungsi mereka; dan
- (b) sila nyatakan jumlah perbelanjaan sewaktu lawatan tersebut serta perinciannya.

5.5.7993

43. Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah hasil yang dicapai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam iawatannya ke Uzbekistan dan Iran pada awal bulan April yang lalu.

20.5.7993

4. Tuan Jason Wong Sing Nang minta Menteri Luar Negeri menyatakan kejayaan yang dicapai dalam lawatan Perdana Menteri ke Iran.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa pertanyaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara yang sama iaitu mengenai hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Uzbekistan dan Republik Iran. Pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (27hb April) Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (28hb April) Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (28hb April) Yang Berhormat Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim (5hb Mei) dan Yang Berhormat Tuan Jason Wong Sing Nang (20hb Mei, 1993).

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk memberikan jawapan secara menyeluruh untuk menjawab kesemua pertanyaan-pertanyaan tersebut.

Pada keseluruhannya, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Uzbekistan dan Republik Iran dari 30hb Mac hingga 6hb April, 1993 telah mencapai objektif yang diharapkan, iaitu:

- (i) untuk mengeratkan hubungan di antara pucuk pimpinan kedua buah negara dengan Malaysia; dan

- (ii) untuk memperluaskan hubungan dua hala dalam bidang-bidang kerjasama politik, ekonomi termasuk perdagangan dan kebudayaan.

Sebagai hasil lawatan, bukan sahaja kerjasama dua hala Malaysia dengan Uzbekistan dan Iran telah dapat diperluaskan, malah kerjasama di kalangan negara-negara Selatan iaitu kerjasama yang kita pelopori selama ini telah juga dapat dicapai.

Semasa lawatan Perdana Menteri ke Uzbekistan dan Iran, beberapa perjanjian telah ditandatangani.

Dengan Uzbekistan, Malaysia telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Penerangan bagi meningkatkan kerjasama di bidang penerangan, kebudayaan dan pelancongan.

Dengan Iran pula, pihak swasta kedua buah negara telah menandatangani tujuh Memorandum Persefahaman bagi meningkatkan perdagangan dan usahasama di antara kedua-dua buah negara:

- (i) Perjanjian di antara Technology Resources Industries Bhd. dengan Qeshm Free Area Authority di bidang kerjasama telekomunikasi;
- (ii) Perjanjian di antara Ekran Bhd. dengan Qeshm Free Authority mengenai projek pembangunan;
- (iii) Perjanjian di antara Roslan Baba Architect dengan Mines Export Development Company mengenai bekalan marmar dan granit;
- (iv) Perjanjian di antara PORIM dengan Pars Investment and Development Company of Iran mengenai bantuan teknikal;
- (v) Perjanjian di antara KOBENA-KLG and Industrial Development and Renovation Organisation of Iran;

- (vi) Perjanjian antara Malaysia-Bangladesh Investment Company Ltd. of Malaysia dengan Iran Steel Plants Group; dan

- (vii) Perjanjian di antara Iran dan Malaysia untuk menubuhkan sebuah Malaysia-Iran Business Council.

Memandangkan minat Uzbekistan dan Iran untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama Malaysia dalam rancangan mereka untuk mencapai tahap ekonomi yang lebih maju, usaha-usaha telah dibuat untuk memperluaskan kerjasama ini. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan misalnya, Uzbekistan telah bersetuju untuk memberi pertimbangan kepada cadangan Malaysia supaya diadakan Perjanjian Bilateral Payment Arrangements, dengan izin, bagi melicinkan proses perdagangan antara kedua-dua buah negara.

Perjanjian yang sama telahpun ditandatangani dan sedang dikuatkuasakan dengan Iran. Dengan adanya kerjasama ekonomi seperti ini, ia akan membuka peluang dan memudahkan usahawan-usahawan Malaysia menembusi pasaran Uzbekistan dan Iran. Uzbekistan ingin mencontohi Malaysia dalam projek-projek pembangunan telah mempelawa penyertaan syarikat-syarikat swasta dan PETRONAS dalam projek-projek pembangunan termasuk kewangan dan banking serta industri, petroleum dan gas.

Mengenai Iran pula, berdasarkan maklum balas awal, nilai perdagangan yang sedang dirundingkan dengan pihak Iran berjumlah RM20.12 juta meliputi barang-barang keluaran getah, tayar, alat-alat kelengkapan laut, pita video, kereta (Proton Saga), minyak olein dan stearin dan buah-buahan.

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG— PENSWASTAAN

2. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apabila Lapangan Terbang Antarabangsa Subang diswastakan kepada Malaysian Airport Berhad (MAB), siapakah pemilik ekuiti syarikat ini;
- (b) apakah penswastaan ini hanya pada pengurusan sahaja ataupun termasuk pemilikan hartabenda sekali; dan
- (c) apakah syarat-syarat (term) penswastaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail); Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada:

- (a) apabila lapangan-lapangan terbang termasuk Lapangan Terbang Antarabangsa Subang diswastakan kepada Syarikat Malaysia Airport Bhd. (MAB), ekuiti syarikat berkenaan adalah dimiliki 100% oleh Kementerian Kewangan.
- (b) Sukacita saya memaklumkan bahawa penswastaan tersebut adalah juga meliputi pemilikan⁷ hartabendalih atau dengan izin, movable asset.
- (c) Syarat-syarat atau terma penswastaan berhubung dengan kakitangan telah ditetapkan berdasarkan prinsip, dengan izin, no less favourable, iaitu pekerja-pekerja akan menerima kemudahan dan faedah yang tidak kurang baiknya daripada apa yang dinikmati seperti dalam perkhidmatan Kerajaan.

Kemudahan-kemudahan dan faedah-faedah yang ditawarkan kepada kakitangan adalah dengan mengambilkira keupayaan MAB untuk membayar. Syarikat juga disyaratkan untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi memastikan operasi lapangan terbang yang cekap dan berkesan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kriteria yang menjadi asas dalam Kementerian mengenai projek penswastaan LTAB Subang kepada MAB? Tuan Yang di-Pertua, apakah penswastaan ini melibatkan semua lapangan terbang di negara ini dan bilakah jangka masa saham MAB hendak dijual kepada orang ramai?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kriterianya 'saya sudah sebut tadi, iaitu pekerja-pekerjanya mestilah mendapat faedah tidak kurang daripada semasa mereka berkhidmat dalam Kerajaan, dan mestilah juga disyaratkan iaitu menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi memastikan operasi lapangan terbang yang cekap dan berkesan.

Mengenai lapangan terbang yang diswastakan ianya termasuklah Lapangan terbang-lapangan terbang di Semenanjung iaitu Pulau Pinang, Johor Bahru, Langkawi, Alor Setar, Ipoh, Melaka, Kuantan, Kuala Terengganu, Kota Bharu dan Tioman. Di Sabah, iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahat Datu, Kudat, Semporna, Long Pasia dan Labuan. Di Sarawak pula Kuching, Sibul, Bintulu, Miri, Mukah, Kapit, Pelaga, Marudi, Bario, Long Saridan, Long Lelang, Limbang, Lawas, Long Semado dan Bakalalan.

Itulah lapangan-lapangan terbang yang termasuk dalam penswastaan. Lesen yang diberikan kepada MAB ialah 30 tahun bermula daripada 1hb November, 1992

dan tiap-tiap lima tahun ianya dikaji semula, dengan izin, review dibuat tiap-tiap lima tahun sekali, dan apabila dalam review nanti didapati bahawa ianya viable boleh dimasukkan kepada pasaran saham, ianya akan dibuat demikian.

Tuan Ahmad bin Nor: Soalan tambahan. Jika sekiranya lapangan-lapangan terbang yang dinyatakan tadi telah diswastakan kepada MAB, saya ingin tahu mengapakah berbangkit lagi soalan kawalan keselamatan semua lapangan terbang ini yang juga dikaitkan dengan MAS. Jika sekiranya ada MAB mengganti DCA dahulu yang juga termasuk kawalan ke atas keselamatan, mengapa soal keselamatan dibangkitkan membabitkan MAS dalam soal ini?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat harus faham bahawa kawasan MAS yang meliputi Pejabat MAS sendiri, bangunan-bangunan yang dikuasai oleh MAS, kargo dan sebagainya adalah juga tanggungjawab MAS. Oleh yang demikian, kedua-duanyalah mesti bertanggungjawab atas tanggungjawab kawasan masing-masing.

KECUAIAN DI HOSPITAL KERAJAAN/SWASTA

3. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan kes-kes kecuaiian dalam rawatan kepada pesakit-pesakit yang berlaku di hospital Kerajaan dan hospital swasta bagi tempoh lima tahun kebelakangan yang melibatkan kematian dan hitang upaya kekal;
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menjamin supaya kes-kes kecuaiian ini tidak akan berlaku pada masa hadapan; dan
- (c) adakah Kerajaan sedar pampasan yang diberikan kepada mangsa

dan rawatan tidak setimpal dengan kesengsaraan yang ditanggung oleh mangsa terlibat. Jika sedar, apakah langkah Kerajaan bagi memastikan pampasan yang dibayar itu adalah munasabah.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah kes kecuaiian yang terbukti berlaku di hospital-hospital Kerajaan yang melibatkan kematian dan hilang upaya yang kekal bagi tempoh lima tahun, iaitu daripada tahun 1988-1992 ialah 21 kes. Kementerian ini tiada maklumat terperinci tentang jumlah kes kecuaiian di pusat-pusat rawatan swasta kerana kes-kes ini diselesaikan sama ada di mahkamah atau perundingan pihak yang terlibat dengan pusat swasta berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita mempunyai angka yang menunjukkan daripada tahun 1987 ke 1991 daripada 117,488,551 kes-kes kehadiran dan admission ke hospital dan klinik-klinik Kerajaan, terdapat hanya 29 kes kecuaiian, yang terbukti menunjukkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan perubatan di hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan masih tidak terhakis.

- (b) Bagi menghindari berlakunya kecuaiian, Kementerian ini sentiasa berusaha memperingkatkan kemahiran dan budaya kerja cemerlang kakitangannya. Langkah-langkah yang diambil antaranya:
 - (i) mewujudkan dan melaksanakan garis-garis panduan, protokol-protokol pengendalian rawatan;

- (ii) menganjurkan seminar, kursus dan latihan dalaman semasa perkhidmatan untuk kakitangan mengenai pengenalan rawatan;
- (iii) melaksanakan program "Quality Assurance", dengan izin, untuk memastikan perkhidmatan rawatan perubatan menepati sasaran piawai standard yang ditetapkan; dan
- (iv) memperkemaskan bimbingan, pengawasan dan penyeliaan kakitangan oleh pakar-pakar dan pegawai atasan.

Mengenai hospital swasta, Kementerian akan memastikan mereka mematuhi peruntukan undang-undang yang sedia ada seperti Akta Hospital Persendirian 1971, khususnya memastikan hanya mereka yang berkelayakan sahaja dibenarkan merawat pesakit. Kementerian ini juga sentiasa menjalankan pemeriksaan dari masa ke semasa seperti yang diperuntukkan oleh akta tersebut.

- (c) Bagi kes-kes kecuaihan yang dibuktikan di mahkamah, pampasan yang dibayar kepada pesakit ditetapkan oleh pihak mahkamah. Sementara kes-kes kecuaihan yang diselesaikan di luar mahkamah oleh pihak Peguam Negara, jumlah pampasan yang dibayar adalah berdasarkan kepada persetujuan kedua-dua belah pihak Kerajaan dan pesakit.

Tuan Lau Dak Kee: Soalan tambahan. Saya dapati bahawa Kementerian Kesihatan khasnya Menteri sendiri telah memberi satu jaminan bahawa Menteriannya akan menubuhkan satu pasukan khas untuk mencari punca-punca kes kecuaihan, dan pasukan khas itu akan melapor balik

kepada Menteri sendiri, dan Menteri telah menyatakan begitu pada 5hb April ini dalam satu bulan laporan itu mesti diberi kepada Menteri sendiri. Dan sekarang ini saya hendak tahu sama ada laporan itu telah disiapkan oleh pasukan khas atau belum. Kalau belum, mengapa Menteri membuat satu perjanjian yang begitu mudah dan sia-sia sahaja?

Yang kedua, saya hendak tahu, jika sudah, apakah kelemahan telah dilaporkan kepada Menteri sendiri dan apakah Menteri sendiri akan mengambil langkah-langkah yang sepatutnya berdasarkan laporan itu?

Tuan Yang di-Pertua, dan ketiga. . .

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, dua soalan sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Dua sahaja?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, memang benar, Pasukan Khas telah pun ditubuhkan untuk sesuatu kes yang timbul. Dan sebahagian daripada beberapa laporan yang telah pun disiasat sudah pun sampai kepada Kementerian. Tetapi oleh kerana ada pihak-pihak tertentu yang mungkin mengambil tindakan mahkamah, maka sebahagian daripada ataupun beberapa maklumat yang terdapat itu perlu dikawal supaya ia tidak menjadi masalah semasa timbul kes di mahkamah nanti.

Walau bagaimanapun, jika sekiranya timbul bukti-bukti yang menunjukkan terdapat kecuaihan, kita tidak akan menutupnya ataupun kita mempunyai perasaan ataupun fikiran terbuka berkenaan hal tersebut. Dan kita akan menyiasat sedalam mungkin mengenai kes-kes tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukan semua kes yang dikatakan cuai itu sebenarnya cuai, tetapi ada juga kes-kes yang timbul, tidak menunjukkan kecuaihan oleh kerana ada sebab-sebab tertentu, prosedurnya telah

pun diikuti dengan rapi, tetapi kes-kes ini timbul oleh kerana hal-hal yang berkaitan dengan hal-hal lain.

Untuk soalan kedua, terdapat juga kelemahan-kelemahan semasa menjalankan rawatan pesakit-pesakit tersebut, oleh kerana kadang-kadang kita dapati bahawa kekurangan kakitangan mungkin menyebabkan kelemahan-kelemahan tersebut, dan oleh kerana itu salah satu daripadanya, maka kita telah pun mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menentukan kelemahan-kelemahan ini diatasi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa banyak rungutan kepada keadaan di hospital dan doktor-doktor. Jadi, apa yang saya ingin pertanyakan di sini ialah, yang pertama, undang-undang berhubung dengan kecuaiian doktor ataupun pihak medical protective adalah berlandaskan undang-undang British yang mana daripada segi dasarnya adalah protective kepada medical profession.

Jadi, ini menunjukkan pula, pihak doktor dan orang-orang di hospital boleh berselindung di sebalik undang-undang yang begitu protective dan menjaga pihak-pihak doktor dan sebagainya. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk membuat satu kajian menyeluruh agar undang-undang British yang kita anggap diterima secara 'toto' ini boleh dikaji semula dan undang-undang baru dibuat, bertulis, dicodified di Parlimen, supaya pihak doktor ini tidak boleh berselindung di sebalik undang-undang yang berlandaskan undang-undang British.

Yang kedua, kebanyakan kecuaiian yang berlaku dan kita dengar dan baca di suratkhbar ialah, menunjukkan attitude pemerektis ataupun pengamal perubatan dan jururawat.

Jadi, adakah syllabus baru hendak dibuat supaya doktor ini dilatih bukan sahaja mereka ini merawat dan mengubat tetapi juga attitude mereka kepada pesakit-pesakit di hospital?

Dato' Mohamed Parid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menafikan bahawa banyak undang-undang kita masih lagi bergantung kepada undang-undang British. Dan oleh kerana itulah maka mahu tidak mahu undang-undang yang ada berkaitan dengan kecuaiian juga ada kaitannya dengan undang-undang yang kita warisi.

Jika sekiranya timbul sesuatu kecuaiian, mahu tidak mahu sekarang, jika kes ini dibawa ke mahkamah, yang mendakwa mesti membuktikan beberapa perkara yang saya tidak bertujuan untuk memperturunkannya satu persatu.

Walau bagaimanapun, yang menuntut itulah perlu menentukan bahawa yang menuntut itu mesti membuktikan kesnya. Undang-undang yang dipakai ialah undang-undang kecuaiian biasa, mungkin terpaksa kita menggunakan undang-undang yang sedemikian, sampailah kemungkinan kita menggubal undang-undang yang bercorak tempatan.

Walau bagaimanapun, pada peringkat ini, kita telah pun menjalankan langkah-langkah positif yang telah dan sedang dilaksanakan untuk mempertingkatkan sikap paramedic dan juga pihak doktor mengenai dengan layanan mereka terhadap pesakit-pesakit. Salah satu di antaranya ialah seperti berikut, iaitu, dengan izin:

- Continuing Medical Education (latihan dalam perkhidmatan);
- Sistem pengawasan oleh pakar ataupun pegawai atasan (Quality assurance programme);
- Clinical Pathological Conference;

- Garispanduan-garispanduan bagi sesuatu prosedur ataupun rawatan yang diberikan dan disediakan dan dilaksanakan.

Program-program tersebut telah dan akan diperketatkan dan dipertingkatkan demi mengukuhkan kemahiran pegawai-pegawai yang saya maksudkan.

KHUTBAH JUMAAT DI KAMPONG BUKIT MERAK, KELANTAN

4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan berhubung dengan khutbah Jumaat di Kampong Bukit Merak, Kelantan di mana beliau menjadi makmum dalam bulan Ramadhan lalu:

- (a) apakah perkara-perkara yang dibangkitkan dalam khutbah itu yang dikira menyindir politik Perdana Menteri dan Kerajaan. Sila turunkan perkara itu supaya dapat diteliti bersama;
- (b) adakah pada pandangan Perdana Menteri khutbah itu telah melanggar rukun khutbah dan boleh mencacatkan solat Jumaat hari itu;
- (c) oleh kerana khutbah itu dianggap menyindir Perdana Menteri, adakah Perdana Menteri terasa tidak terganggu berimamkan khatib berkenaan dalam solat Jumaat itu sedang redha terhadap imam ialah satu syarat penting bagi para makmum; dan
- (d) adakah Perdana Menteri mengetahui khutbah itu telah disampaikan oleh khatib dalam solat Jumaat sebelum itu di Masjid Al-Muhammadi di Kota Bharu dan ia tidak dibantah oleh penyokong-penyokong Kerajaan Pusat. Mengapa pula Perdana Menteri membangkitkannya sedang orang lain menerimanya dengan baik.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan ini secara menyeluruh keseluruhannya kerana pada pandangan saya soalan ini seolah-olah kata pepatah Melayu, 'Sudah terang lagi bersuluh', 'Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula'.

Tuan Yang di-Pertua, objektif khutbah dalam Islam ialah untuk memberi keinsafan, kesedaran, pengajaran dan pengetahuan semasa kepada umat Islam ataupun dalam erti kata yang lain sebagai zikrullah bersama-sama dengan mengerjakan sembahyang Jumaat. Sebagaimana Pirman Tuhan yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka bersegeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan meninggalkan berjual-beli (pada saat itu). " Surah Al-Jumaat Ayat 9.

Sekiranya sesuatu khutbah itu mempunyai unsur-unsur ke arah perpecahan di kalangan umat seperti mengumpat, menyindir dan menjatuhkan maruah mana-mana pihak, maka ia boleh menjejaskan keharmonian hari Jumaat yang mulia dan perbuatan ini adalah ditegah oleh Islam.

Khutbah yang dibaca di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Kampong Bukit Merak, Kelantan dalam bulan Ramadhan lalu, dibuat seolah-olah dirancang terlebih dahulu, seperti berlakunya pertukaran khatib disaat-saat akhir. Isi-isi khutbah itu juga boleh mencetuskan sentimen kepartian, menyokong ke arah berpuak-puak yang boleh menimbulkan perpecahan di kalangan umat Islam. Ini bertentangan dengan roh dan semangat perhimpunan hari Jumaat yang antara lain bertujuan

untuk meningkatkan perpaduan dan penyatuan umat Islam serta boleh dijadikan contoh kepada umat-umat yang tain.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji

Awang: Tuan Yang di-Pertua, adakah khutbah tersebut diserahkan kepada Bahagian Hal Ehwal Agama, Jabatan Perdana Menteri dan dibuat kajian oleh mereka yang benar-benar keahlian dalam bidang itu? Dan adakah kajian yang dibuat itu didapati ianya bercanggah dengan ajaran Islam dan di manakah tempat percanggahannya secara terperinci?.

Tuan Othman bin Abdul:

Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai khutbah ini, jangan anggapkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini hendak jawab soal ini secara main-main.

Tuan Yang di-Pertua, bahkan khutbah ini hanya menyebutkan soal ittaqullah di satu tempat sahaja, ittaqullah satu tempat dalam muqaddimahnyanya. Bahkan seluruh ucapan ataupun khutbah ini adalah menceritakan pengenian 'politik' semata-mata. Pengertian bersabit dengan beberapa perkara yang kalau boleh saya quote, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca sedikit, kata khatib ini: "Politik pemerintah bermakna tipu muslihat pemerintah". Ini bahasa orang Islamkah? "Politik perang bermakna tipu helah pemerintah".

Itu salah satu benda yang disebut, seolah-olah Kerajaan Barisan Nasional yang memegang kuasa politik adalah menipu rakyat. Inilah yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai menyindir ketika beliau berada di sana. Saya hendak mengatakan bahawa ini adalah suatu khutbah yang dikarang hanyalah menceritakan soal politik sejak dari mula sampailah ke akhir. Sepatutnya soal khutbah ini seperti yang telah saya jelaskan secara ringkas tadi, sepatutnya Yang Berhormat lebih tahu dan lebih arif kerana Yang

Berhormat menyebutkan bahawa ini ialah soal pengertian Islam kerana ini adalah khutbah Jumaat. Jadi, inilah yang hendak saya jelaskan bahawa isi khutbah ini adalah 100% bermotif politik dan tidak lain dari itu.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji

Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan. tambahan. Kebetulan saya berada di masjid tersebut ketika khatib membacakan khutbah itu. Sebagaimana yang selalu didakwakan oleh pemimpin-pemimpin PAS bahawa antara PAS dengan Islam itu adalah sebagai satu analogy yang diberi iaitu seperti gula dengan manisnya ataupun seperti garam dengan masinnya. Seluruh khutbah tersebut adalah

Tuan Yang di-Pertua:

Yang Berhormat, diminta kemukakan soalan.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji

Hassan: Ya. Seluruh khutbah tersebut adalah menjustifikasi dan mengukuhkan pendapat pemimpin-pemimpin PAS tersebut. Jadi, di antara salah satu yang saya ingat ialah Islam dipertandingkan.

Tuan Yang di-Pertua:

Yang Berhormat, sila kemukakan pertanyaan.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji

Hassan: Tuan Yang di-Pertua, ini satu latarbelakang yang berbentuk soalan.

Tuan Yang di-Pertua:

Ya, latarbelakang, tetapi ayatnya panjang, cukuplah sudah latarbelakang itu.

Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji

Hassan: Tuan Yang di-Pertua, itulah soalnya, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bersetuju dengan pendapat PAS tersebut?

Tuan Othman bin Abdul:

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan

bahawa kita tidak menjaga soal rukun khutbah, tetapi soalnya isi ataupun perkara-perkara yang harus ada di dalam khutbah itu haruslah mempunyai perkara-perkara, seperti yang disebutkan tadi, memberi keinsafan, kesedaran dan pengajaran, semangat persaudaraan, walaupun di dalam negeri yang diperintah oleh parti PAS. Jadi, kita tidak bersetuju dengan cara bagaimana khutbah ini dilafazkan oleh khatib, kerana ianya benar-benar menyatakan suatu pendirian politik dan menceritakan pengertian politik serta dari mana datangnya politik, itu sahaja yang terdapat dalam khutbah ini. Jadi, kita mengatakan bahawa, dengan cara yang dilakukan itu, kita tidak bersetuju dengan perbuatan mereka.

SAHAM BANK NEGARA DALAM SYARIKAT-SYARIKAT AWAM

5. Tuan Wee Choo Keong minta Menteri Kewangan menyatakan adalah menjadi fakta yang diketahui bahawa Bank Negara Malaysia (BNM) mempunyai saham dalam syarikat-syarikat awam (public listed companies) dan sila jelaskan:

- (a) satu senarai nama semua syarikat-syarikat di mana BNM adalah salah satu daripada pemegang saham dan juga sila catatkan jumlah saham-saham yang dipegang dalam tiap-tiap syarikat semenjak bulan Januari 1985 hingga sekarang;
- (b) sebab-sebab kenapa BNM memegang saham-saham dalam tiap-tiap syarikat awam (public listed companies), di mana Bank Negara adalah pemegang saham, dari bulan Januari 1985 hingga sekarang;
- (c) jumlah pelaburan BNM dalam saham-saham di dalam syarikat-syarikat awam (public listed companies) dari tahun 1985 hingga sekarang; dan
- (d) sama ada terdapat sebarang pelupusan (disposal) saham-saham dalam syarikat-syarikat awam (public listed companies) yang dipunyai oleh BNM dan juga nyatakan jumlah keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat tersebut semenjak bulan Januari 1985 hingga sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak bulan Januari, 1985 sehingga sekarang, pemilikan saham oleh Bank Negara Malaysia dalam syarikat-syarikat awam yang disenaraikan adalah melibatkan 3 buah syarikat iaitu Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad (MAS), Perbadanan Perkapalan Malaysia Berhad (MISC) dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STMB). Jumlah saham yang dipegang masing-masing adalah sebanyak 304,882,367 unit, 220.050,000 unit dan 88,658,000 unit atau 29.3%, 43.6% dan 4.5% daripada modal berbayar masing-masing syarikat tersebut.
- (b) Saham-saham MAS dan MISC adalah dibeli oleh Bank Negara daripada Menteri Kewangan (Diperbadankan) dengan tujuan membantu kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam tahun 1988 dan 1989.

Mengenai saham-saham STMB pula, pemegangan saham-saham tersebut adalah atas permintaan Perbendaharaan supaya Bank Negara Malaysia melanggan saham-saham STMB yang diperuntukkan kepada Menteri Kewangan diperbadankan sebanyak 100 juta saham pada harga RM5.00 seunit dalam tahun 1990 kerana pada masa itu Kerajaan Persekutuan tidak

mempunyai peruntukan dalam Belanjawannya untuk membeli saham-saham tersebut. Bank Negara Malaysia diminta menjadi pemegang saham-saham itu buat sementara waktu, sehingga belanjawan tambahan untuk tahun kewangan 1990 itu diluluskan oleh Parlimen.

Saham-saham itu akan dibeli semula oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dari Bank Negara Malaysia apabila belanjawan tambahan bagi tujuan tersebut diluluskan oleh Parlimen. Kini semua saham STMB itu telahpun dibeli semula oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan).

- (c) Jumlah pelaburan Bank Negara Malaysia dalam saham-saham syarikat tersebut adalah sebanyak RM1,649,361,831. 60 bagi MAS, RM1,411,987,500 bagi MISC dan RM443,290,000 bagi STMB.
- (d) Pada 24 Disember, 1990 Bank Negara Malaysia telah menjual semua saham-saham yang dimilikinya dalam STMB itu sebanyak 88,658,000 unit saham kepada Menteri Kewangan (Diperbadankan) dengan harga RM449,445,198. 89 yang mana RM6,155,198.89 adalah merupakan kos pegangan Bank Negara terhadap saham-saham tersebut.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita dapati bahawa Bank Negara telah mengalami kerugian RM12.8 bilion di pasaran International Foreign Exchange baru-baru ini. Sama ada Bank Negara ataupun Kementerian Kewangan akan mengarahkan Bank Negara untuk menjual saham-saham seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, supaya Bank Negara boleh cover-up kerugian itu.

Kalau tidak, tidak lama lagi Bank Negara akan menjadi bankrap, oleh kerana RM12.8 bilion ini sangat banyak dan reserves negara kita pun sudah hampir habis. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Bank Negara akan menjual saham-saham tersebut untuk cover kerugian ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, janganlah sewenang-wenangnya menggunakan perkataan yang tidak tentu arah terhadap Bank Negara kerana itu bukanlah satu cara yang baik untuk menjaga nama baik negara dan kedudukan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang berbangkit daripada soal asal, ia adalah merupakan cara Kerajaan menguruskan dan menggunakan aset-asetnya. Maka aset yang dimaksudkan dalam soalan asal ialah aset dalam bentuk saham dalam tiga syarikat. Dalam kes di mana di dalam keadaan Kerajaan memerlukan kerjasama dari Bank Negara sebagai penasihat kewangan dan juga banker untuk Kerajaan Pusat, maka Kerajaan telah membuat keputusan supaya Bank Negara mengambilalih dahulu saham-saham tersebut untuk disimpan buat sementara waktu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ada juga di mana aset-aset tersebut disimpan oleh Bank Negara dengan tujuan supaya ianya tidak diedarkan di pasaran terbuka, sehinggakan pasaran saham mungkin terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat wajar menerima bahawa pihak Kerajaan mempunyai banyak kebijaksanaan dan budi bicara, cara mana hendak menggunakan aset-aset yang terkumpul di Bank Negara.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, kita semua menghargai peranan yang dimainkan oleh Bank Negara, yang memainkan satu peranan

penting sebagai "guardian of public finance" dan pasaran wang di negara ini, sebab itu saya mengemukakan soalan saya supaya menolong Kerajaan membantu Bank Negara untuk menjalankan tugas mereka.

Soalan saya ialah di mana satu peraturan ataupun perkara-perkara di bawah undang-undang berkenaan yang membolehkan Bank Negara membeli atau menjual saham di pasaran saham terbuka dan jika ia ada authority, adakah ini sedikit aneh sebagai badan yang mengawal pasaran wang, dia pun menjadi satu player di dalam pasaran itu, adakah ia conflict interest? Itu satu.

Keduanya, apakah peraturan yang ada sekarang untuk memastikan bahawa Bank Negara ada had-had di dalam membeli dan menjual saham-saham supaya ia, contohnya diberi kuasa membeli saham di dalam trust company sahaja tetapi tidak akan membeli saham Renong ataupun Innovest ataupun Idris, supaya ia tidak membawa risiko kepada wang awam dan supaya ia akan menganjurkan suatu pasaran wang di pasaran saham yang betul-betul rasional? Itu soalan saya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada peruntukan Ordinan Bank Negara Malaysia tahun 1958 di mana tercatat secara eksplisit peruntukan undang-undang yang membolehkan Bank Negara membuat tindakan seperti perkara yang berbangkit di dalam soalan asal. Saya bacakan dengan izin, dalam Seksyen 31(00)(1), "Bank Negara can purchase and sell such other securities as may be approved by the Minister on the recommendation of the Board." Ini adalah peruntukan yang ada untuk mengizinkan Bank Negara memegang saham-saham tiga syarikat Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa saham-saham yang dimaksudkan bukanlah dipegang oleh Bank Negara melalui pembelian di

pasaran terbuka. Ia adalah berasal usul daripada syarikat-syarikat Kerajaan. Jadi, itu adalah diperuntukan kepada Kerajaan dan disalurkan kepada Bank Negara untuk sementara dan Yang Berhormat dari Bandar Kuching, kalau sekiranya pernah terjumpa Bank Negara masuk ke pasaran terbuka, saya minta Yang Berhormat boleh buktikanlah. Saya percaya Bank Negara memikul tanggungjawab yang begitu besar untuk menjaga kredibilitinya dan bahkan untuk menjaga kedudukan pasaran saham terbuka.

MARA—PENYERAHAN KUASA EKSEKUTIF KEPADA JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

6. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan implimentasi penyerahan kuasa eksekutif kepada satu jawatankuasa Lembaga Pengarah MARA dan apakah cara ini dapat mengelakkan penyelewengan daripada berlaku dan meningkatkan prestasi MARA.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, masalah penyerahan kuasa eksekutif kepada satu Jawatankuasa Lembaga Pengarah MARA sebenarnya tidak berbangkit kerana kuasa eksekutif tersebut tidak wujud berdasarkan kepada Akta MARA. Apa yang terjadi sebenarnya ialah wujudnya kekeliruan telah digunakan oleh seselengah pihak perkataan "Eksekutif dalam konteks kuasa Pengerusi dan Majlis MARA.

Suka saya menjelaskan di sini bahawa sejak daripada MARA mula ditubuhkan hinggalah sekarang ini, semua Pengerusinya adalah bersifat non-executive dan Pengerusi MARA dan Majlis MARA adalah menjalankan tugas sebagaimana yang diperuntukkan oleh Seksyen 5, 6 dan 11 Akta MARA. Majlis

dibolehkan menjalankan tugas-tugas bagi menunaikan segala kewajipan yang telah digariskan di dalam Akta tertakluk kepada kelulusan yang disyaratkan di dalam Seksyen 6, Ceraian 2 Akta MARA.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, seperti yang dinyatakan tadi bahawa kuasa Eksekutif telah disalahfahamkan, bahawa sebenarnya semua keputusan yang dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, mengapakah bekas Pengerusi MARA, Yang Berhormat dari Batu Berendam tidak dilanjutkan tempohnya sebagai seorang Pengerusi MARA. Sungguhpun semua penyelewengan yang dikatakan dilakukan oleh beliau berlaku dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri. Ini ialah dakwaan bekas Pengerusi MARA termasuk seperti pembelian ahli-ahli Kelab Golf, kondominium mewah, tidak tahu sama ada kereta mewah atau tidak. Tetapi semua ini didakwa mendapat kelulusan Yang Berhormat Menteri. Kalau begitu, kalau atas penyelewengan ini Yang Berhormat dari Batu Berendam telah diberhentikan atau tidak dilanjutkan tempoh sebagai Pengerusi MARA, ini saya rasa memang tepat pada masanya.

Tetapi pada masa yang sama, sebagai seorang Menteri yang juga telah meluluskan kesemua keputusan ini, bukankah sebagai seorang Menteri, Yang Berhormat Menteri mesti bertanggungjawab pada masa yang sama sebagai satu perbuatan ministerial responsibilities. Apakah tindakan yang diambil ke atas diri sendiri sedangkan tindakan sudah diambil kepada bekas Pengerusi MARA atau itu adalah sebenarnya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, satu mainan politik UMNO memandangkan bahawa pemilihan UMNO akan berlangsung pada akhir tahun ini?

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, apa kena mengena masalah Eksekutif dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan tempoh perkhidmatan seorang Pengerusi? Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu faham tentang soalan yang disebutkan, tentu beliau tidak bertanya sedemikian. Soalan beliau menunjukkan beliau tidak faham dan kalau sekiranya parti Pembangkang yang berkenaan membuat pencalonan calon-calonnya, elok mereka tapis sama ada mereka, kalau hendak menjadi calon, boleh faham soalan ataupun tidak. *(Ketawa)* Soalan yang bangkit di sini ialah mengenai dengan kuasa Eksekutif.

Masalah kuasa Eksekutif adalah perkara yang lain dan masalah tempoh seorang Pengerusi adalah perkara yang lain. Entah kamus apa yang dipakai oleh Yang Berhormat berkenaan saya tidak faham. Mungkin kamus parti sahaja tetapi perkara-perkara yang dibangkitkan di sini, kalau sekiranya hendak ditanya, kita ada ruang pertanyaan yang lain. Banyak lagi, bukan soalan ini. Kalau hendak tanya, tanyalah perkara yang berkaitan dengan kuasa Eksekutif sama ada ataupun tidak sebagaimana yang disebutkan oleh soalan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini mengikut apa yang ditanya mengenai Eksekutif, transfer of power dan sebagainya dan dengan transfernya power ini adakah fungsi dan keberkesanan MARA ini dipertingkatkan dan yang kedua setakat ini, berjuta-juta ringgit terhutang kepada MARA oleh pihak peminjam. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mendapat balik wang yang dipinjamkan yang bertahun-tahun ia tidak dibayar balik oleh ahli-ahli perniagaan dan juga oleh yang menerima biasiswa?

Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, yang ini pun lebih kurang macam yang

tadi juga tetapi sebenarnya masalah transfer of power ataupun pemindahan kuasa sebenarnya sentiasa tertakluk kepada Akta MARA iaitu dalam Akta MARA ada beberapa clause ataupun bahagian yang menyebutkan, yang maksudnya bahawa Majlis boleh membuat keputusan-keputusan dan keputusan-keputusan Majlis kalau sekiranya Majlis berpendapat bahawa wajar diberi kuasa kepada Jawatankuasa Khas yang ingin ditubuhkan oleh Majlis MARA, maka Majlis boleh membuat keputusan sedemikian tertakluk kepada keputusan daripada pihak Kementerian. Perkara ini diteliti oleh Kementerian dari masa ke semasa apabila Majlis mendapati bahawa misalnya masalah hutang terlalu berat, menjadi satu tanggungan yang besar, Majlis boleh mencadangkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Khas untuk menyelesaikan masalah hutang itu dan inilah yang berlaku.

Pada masa yang lepas Majlis sebenarnya telahpun bersetuju menubuhkan suatu Jawatankuasa khas ataupun yang dipanggil Unit Khas untuk memastikan supaya kutipan hutang itu dibuat. Sebab itulah sejak dari tahun lepas pungutan hutang telah dapat meningkat dan walaupun ada baki yang lebih, tetapi usaha kutipan hutang ini akan diteruskan sama ada oleh unit yang berkenaan atau oleh satu pendekatan baru yang boleh difikirkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

PEMBALAKAN HARAM— PENGAWASAN OLEH POLIS DAN TENTERA

7. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah usaha-usaha memberi kuasa kepada polis dan tentera untuk mengawasi pembalakan haram akan bererti Jabatan Perhutanan Negara tidak akan diperbesarkan. Adakah lebih

baik diperbesarkan bahagian penguatkuasaan Jabatan ini untuk mengawasi pembalakan haram dengan lebih profesional.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor);Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar Kerajaan mengurangkan saiz perkhidmatan awam, usaha sedang dijalankan untuk memastikan supaya langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan tahap kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri (JPN) tidak semestinya melibatkan pembesaran Jabatan-jabatan tersebut.

Di antara langkah-langkah yang sedang diambil itu ialah mengisi jawatan-jawatan kosong yang sedia ada; menyusun semula JPSM dan JPN bagi mengukuhkan lagi Bahagian Penguatkuasaan masing-masing dengan menggunakan pegawai dan kakitangan yang sedia ada; memperkemas dan memperketatkan lagi undang-undang, prosedur serta peraturan-peraturan mengenai perhutanan; mengadakan program latihan yang lebih berkesan dan berkaitan; menggunakan peralatan, sistem dan kaedah saintifik dan termoden; mendapatkan sokongan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam bidang-bidang tertentu dan menswastakan aktiviti-aktiviti tertentu yang boleh meringankan beban JPSM dan JPN.

Kerajaan yakin bahawa untuk memastikan supaya kejadian pembalakan haram dapat diawasi dengan lebih profesional, adalah jauh lebih penting bagi JPSM dan JPN meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan profesionalisme menerusi langkah-langkah yang telah saya sebutkan tadi daripada cuma memperbesarkan saiz masing-masing sahaja. Penglibatan pihak PDRM dan ATM dalam mengawasi

pembalakan haram tidak akan menjejaskan atau mengurangkan tahap profesionalisme JPSM dan JPN kerana penglibatan PDRM dan ATM adalah 'dirancang dan diselaraskan oleh JPSM dan JPN.

Sebaliknya, penglibatan PDRM dan ATM itu akan dapat membantu meningkatkan lagi tahap profesionalisme JPSM dan JPN dengan mengurangkan beban Jabatan-jabatan tersebut dan menyumbangkan pengalaman, kepakaran, keupayaan yang ada pada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan ATM dalam beberapa bidang tertentu kepada Jabatan-jabatan berkenaan.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, apakah membawa tentera dan polis untuk membantu Jabatan Perhutanan Negara ini sebagai satu langkah awal untuk mewujudkan dwi fungsi tentera dan polis dan apakah langkah ini untuk membawa tentera dan polis melibatkan dalam pentadbiran dan politik seperti yang berlaku di Indonesia pada masa yang akan datang?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tidak timbul kerana apa yang diberi oleh Polis DiRaja Malaysia dan ATM ini adalah merupakan penurunan kuasa atau delegated power pada masa-masa dan tempat-tempat tertentu sahaja. Ini tidak merupakan satu dasar sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu aktiviti-aktiviti yang hendak diswastakan oleh Jabatan Perhutanan Negara kerana sepanjang pengetahuan saya, fungsi Jabatan ini adalah fungsi regulatory? Apakah langkah penswastakan akan bercanggah dengan fungsi regulatory yang mana seseorang pegawai yang menjalankan

kerja-kerja regulatory mestilah dikaitkan dengan mana-mana Akta ataupun Undang-undang yang hendak diperkuatkuasakan?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soalan yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat iaitu penswastakan akan dilakukan pada kegiatan-kegiatan reforestry dan juga dalam soal-soal perladangan. Kerana ini, pada masa ini beban yang berat telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung. Jadi yang ini Kementerian saya memang sedang berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya penswastakan ini dapat ditimbang untuk meringankan beban JPSM.

KETEGASAN KERAJAAN MEMBENTERAS PEMBAZIRAN DAN PENYELEWENGAN PIHAK ISTANA

8. Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah wang negara yang telah dapat diselamatkan dari ketegasan Kerajaan dalam menangani masalah pembaziran dan penyelewengan pihak istana di seluruh tanahair. Berapa banyakkah kereta mewah yang telah dikesan kemasukannya menerusi penyelewengan pihak istana, berapa banyak yang telah dirampas dan berapakah jumlah cukainya.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan akan dapat menjimatkan wang negara berikutan dari ketegasan Kerajaan menangani masalah pembaziran dan penyelewengan pihak istana.

Kementerian Kewangan sedang mengumpulkan maklumat yang menyeluruh dan terperinci jumlah sebenar penjimatan ini dari kesemua Kerajaan-kerajaan Negeri. Buat masa ini

Kementerian sedang menyediakan maklumat-maklumat mengenai perbelanjaan-perbelanjaan istana yang tidak diperuntukkan dalam Perlembagaan dan Undang-undang dan juga keistimewaan-keistimewaan kepada pihak istana yang mengakibatkan Kerajaan kehilangan hasil ataupun pendapatan. Antaranya termasuklah:

- (a) pemberian konsesi balak;
- (b) kemudahan peralatan dan perkhidmatan untuk setiap aktiviti istana sama ada rasmi ataupun tidak rasmi;
- (c) kemudahan perkhidmatan dan kakitangan untuk setiap kegiatan DiRaja sama ada di istana ataupun di luar kawasan istana dan juga semasa membuat lawatan rasmi atau tidak rasmi termasuk lawatan ke luar negara;
- (d) keistimewaan mendapat nombor plet kereta dari angka 1 hingga 9 yang boleh ditenderkan untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan mendapat pulangan hasil;
- (e) pemberian saham terbitan baru dan rights issue, dengan izin;
- (f) pembinaan dan penyelenggaraan istana-istana secara sangat mewah dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri;
- (g) keistimewaan dari segi rawatan perubatan termasuk khidmat terus-menerus seorang doktor kepada pihak istana;
- (h) mendapat keutamaan dalam tawaran tender terbuka termasuk menjadikan sesuatu tender yang sewajarnya diproses secara tender terbuka menjadi tender tertutup atau secara rundingan; dan
- (i) penyelenggaraan harta-harta peribadi Sultan.

Berkaitan dengan penyelewengan pengimportan kereta oleh pihak istana, setakat ini sebanyak 58 buah kereta telah dikesan sebagai telah dibawa masuk melalui penyelewengan yang melibatkan pihak istana. Dari itu, sebanyak 38 buah kereta telah dirampas. Baki 20 buah lagi masih belum dapat dikesan oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja. Jumlah cukai yang terlibat atas kereta-kereta ini yang belum berbayar cukai ialah sebanyak RM20,636,031.43.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah kita mendapat tahu jumlah-jumlah wang yang telah dibazirkan itu adakah Kerajaan bercadang untuk memperuntukkan atau menyalurkan wang-wang yang diselamatkan itu kepada Kementerian-kementerian sebagai peruntukan tambahan untuk membangunkan kawasan-kawasan di luar bandar, tambahkan lagi peruntukari skim BPRT dan juga menolong rakyat yang miskin?

Yang kedua, adakah Kerajaan boleh memberi jaminan bahawa ketegasan Kerajaan ini untuk membanteras pembaziran dan penyalahgunaan kuasa istana ini akan diteruskan dan tidak berlembut setelah peristiwa berlalu lama?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana penjimatan dapat kita sempurnakan, maka ianya akan disalurkan kepada mereka yang lebih berhak untuk menerima kemudahan daripada pihak Kerajaan supaya kita sesungguhnya dapat menegakkan keadilan daiam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tindakan yang dibuat oleh Kerajaan merupakan satu perjuangan rakyat, arus yang dibawa oleh rakyat supaya kita dapat menegakkan kebenaran di sisi pembaziran ataupun kemungkaran, maka kita akan menghayati dan berpegang teguh kepada perjuangan rakyat dan Kerajaan kita akan terus bertegas dalam hal ini.

Tuan Haji Sukri bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ketegasan Kerajaan di dalam mendedahkan pembaziran dan penyelewengan yang dilakukan oleh pihak istana adalah suatu tindakan yang baik. Soalan yang menghairankan saya mengapa pihak istana sahaja yang didedahkan pembaziran dan penyelewengan. Mengapa penyelewengan dan pembaziran yang dilakukan oleh Kerajaan sengaja hendak disembunyikan. Misalnya baru-baru ini dalam soal kerugian oleh Bank Negara Malaysia - RM9.3 bilion. Itu diketahui di media asing, tidak dalam negara. Adakah Kerajaan di masa-masa depan, bukan sahaja mendedahkan penyelewengan pihak istana tetapi jangan bersikap berdiam diri dan mendedahkan semua penyelewengan yang dilakukan oleh orang-orang politik dan pemimpin negara sama. Adakah Kerajaan berhasrat untuk meneruskan ketegasan ini termasuk orang-orang politik sendiri?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat daripada Kok Lanas sepatutnya merasa begitu bernasib baik bahawa Yang Berhormat berada di Parlimen Yang Kelapan untuk bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk menegakkan kebenaran, walhal kita sudahpun ada tujuh Parlimen sebelum ini untuk berterus-terang dengan rakyat, untuk rakyat membuat pendirian.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan sudahpun hadir dan bersedia untuk menyambut perkara-perkara (*Ketawa*) yang boleh dibangkitkan oleh Yang Berhormat selepas soal jawab nanti.

KURSUS PERGURUAN ASAS— PEMILIHAN CALON DI SABAH

9. Dr. Osman Minudin minta Menteri Pendidikan menyatakan mengikut kenyataan Jabatan Pendidikan Sabah,

sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Sabah kekurangan guru. Oleh itu Jabatan Pendidikan Sabah mempelawa graduan dan lulusan SPM dan STPM memohon menjadi pendidik. Untuk menyahut seruan itu, ramai lulusan SPM dan STPM memohon untuk menjadi pendidik tetapi dukacita kerana ramai pemohon ditolak tanpa sebab walaupun pemohon memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh Jabatan Pendidikan; bolehkah Kementerian mengambil semua pemohon yang memenuhi syarat-syarat atau kelayakan untuk menjadi guru pelatih supaya setelah tamat latihan mereka boleh mengisi kekosongan guru di negeri Sabah agar masalah kekurangan guru di negeri ini dapat dikurangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan mempelawakan semua rakyat yang mempunyai kelayakan akademik yang ditetapkan untuk memohon Kursus Perguruan Asas melalui akhbar tempatan.

Bagi menjamin kualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia mengadakan saringan dalam bentuk ujian bertulis (Ujian Kelayakan Latihan Perguruan) yang diwajibkan ke atas semua calon yang memohon Kursus Perguruan Asas. Calon-calon yang mencapai tahap prestasi yang diperakukan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Hanya calon-calon yang mencapai prestasi yang baik sahaja ditawarkan tempat berkursus.

Calon-calon Sabah bertanding sesama mereka untuk mendapat tempat berkursus di Maktab-maktab Perguruan di negeri Sabah. Oleh itu, calon-calon yang terbaik di kalangan mereka akan dipilih memasuki maktab perguruan.

PUSAT PERUBATAN/KLINIK SWASTA—KAWALAN AKTIVITI OLEH KEMENTERIAN

10. Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa pusat-pusat perubatan dan klinik-klinik swasta sedang wujud dengan pesatnya terutama sekali di pusat-pusat bandar walaupun Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) sedar akan fenomena ini, tetapi pertumbuhan klinik swasta dan pusat perubatan dan aktiviti-nya dari segi bayaran dan khidmat yang diberi tidak dikawal oleh Kementerian dan sejauh manakah undang-undang yang ada dapat melindungi kepentingan para pesakit yang menjadi mangsa kecuai-an profesion perubatan di sektor swasta ataupun Kerajaan.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar bahawa pusat-pusat perubatan dan klinik-klinik swasta sedang wujud dengan pesatnya terutama sekali di pusat-pusat bandar. Pertumbuhan pusat perubatan swasta adalah di bawah kawalan Kementerian dari segi pengeluaran lesen bagi penubuhan sesuatu pusat perubatan itu dan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan adalah mengikut peruntukan-peruntukan Akta Hospital Persendirian 1971. Terdapat beberapa undang-undang yang sedia ada yang juga mempunyai peruntukan-peruntukan bagi mengawasi aktiviti-aktiviti profesion perubatan khususnya untuk melindungi kepentingan pesakit. Bagi mereka yang menjadi mangsa kecuai-an profesion perubatan, mereka bolehlah membawa kes mereka ke mahkamah untuk penyelesaian Majlis atau Lembaga yang menerima aduan-aduan terhadap ahli-ahli profesion juga diberi kuasa untuk bertindak ke atas ahli-ahli profesion mengikut peruntukan-peruntukan masing-masing.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa Yang Berhormatpun hadir di

dalam satu mesyuarat di mana kadar fee doktor-doktor swasta dicadangkan dan pihak Kementerianpun sudah setuju di waktu itu, kemudian menafikan menyangkalkan sudah membuat persetujuan. Apakah dasar pihak Kementerian di dalam menetapkan fee ini? Bukankah ini satu perkara di mana doktor sahaja yang lebih layak untuk membuat tafsiran yang sebenarnya?

Dato' Mohamed Parid bin Ariffin:

Tuan Yang di-Pertua, kadar fee yang telahpun disyorkan kepada Kementerian Kesihatan tidak pernah menerima persetujuan daripada Kementerian Kesihatan tetapi hanya dipanjangkan kepada Kementerian Kesihatan untuk dimaklumkan sahaja. Oleh kerana itu tidak timbul adakah Kementerian Kesihatan mempunyai peranan dalam menentukan kadar fee yang akan dikenakan oleh pihak doktor swasta.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 65 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak).

KESELAMATAN LAPANGAN TERBANG-LAPANGAN TERBANG DALAM NEGARA— LANGKAH-LANGKAH DIAMBIL

11. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan bagaimana keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan lapangan terbang yang lain dalam negara diperkuatkan selepas kejadian yang melibatkan Shamsul Ramli yang berumur 16 tahun yang mati dalam ruang roda MAS Boeing 747-200 yang menuju ke Johannesburg dan Mohamed Arif dari Seberang Prai yang dijumpai oleh pegawai keselamatan lapangan terbang di tempat duduk kapal terbang MAS Boeing 737-400 yang kosong.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti

Ismail: Sejak dari peristiwa-peristiwa Shamsul bin Ramli dijumpai mati di ruang tayar pesawat MH201 dan Mohd. Ariff bin Salleh berada dalam pesawat MH 1175, keselamatan Lapangan Terbang Antarabangsa Subang dan lain-lain lapangan terbang telah dipertingkatkan lagi. Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) Mempertanggungjawabkan Malaysia Airports Berhad sebagai agensi untuk keselamatan seluruh kawasan lapangan terbang;
- (ii) Peningkatan rondaan;
- (iii) Memperbaiki pagar keselamatan lapangan terbang;
- (iv) Pemeriksaan yang lebih rapi termasuk 'spot check' ke atas pekerja-pekerja dan pengguna-pengguna lapangan terbang;
- (v) Memperketatkan penguatkuasaan terhadap orang-orang yang dibenarkan untuk memasuki kawasan-kawasan tertentu; dan
- (vi) Pengawasan yang lebih ketat dalam pengeluaran pas bagi memasuki bilik-bilik VIP.

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan juga sedang diambil untuk memperolehi alat kelengkapan keselamatan baru seperti kereta pacuan empat roda dan motosikal untuk membolehkan anggota-anggota keselamatan menjalankan tugas meronda dengan lebih berkesan.

**ADUAN-ADUAN DARIPADA
ORANG RAMAI—TINDAKAN
DIAMBIL**

12. Tuan Robert Lau Hoi Chew minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan serta

Badan-badan Berkanun selalu melambatkan ataupun tidak menjawab permintaan-permintaan sena cadangan-cadangan terhadap berbagai isu-isu yang membangun seperti pendidikan dan ekonomi daripada organisasi rakyat seperti 'United Chinese Association' daripada Bahagian Sibul, Sarawak;

- (b) sama ada terdapat sistem untuk memastikan bahawa semua surat termasuk permohonan untuk mendapatkan permit atau lesen yang diterima oleh pejabat-pejabat Kerajaan dimaklumkan dengan segera dan diproses di dalam suatu masa yang terhad agar semua orang akan merasa bahawa cadangan-cadangan, buah fikiran dan permohonan-permohonan mereka mendapat perhatian yang serius daripada Kerajaan; dan
- (c) jika jawapan bagi (b) negatif, bolehkah Kerajaan mempertimbangkan untuk menetapkan masa (time limit) bagi semua permohonan terhadap permit dan lesen yang diluluskan dan yang tidak diluluskan agar pemohon-pemohon tidak payah menanti begitu lama kerana sistem ini dapat mengelakkan pegawai-pegawai daripada melambatkan proses permohonan dan menahan kelulusan lesen-lesen serta mengurangkan peluang berlakunya rasuah.

Tuan Othman bin Abdul,

- (a) Pihak Kerajaan memang sedar bahawa orang ramai kadangkala menghadapi masalah dalam urusan-urusan mereka dengan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan serta Badan-badan Berkanun. Perkara ini telah pun dijelaskan dalam Laporan Tahunan Biro Pengaduan Awam (BPA) 1991. BPA sedang mengendalikan pengaduan-

pengaduan yang diterima daripada orang ramai terhadap jentera perkhidmatan awam dan menentukan agensi-agensi Kerajaan mengambil tindakan yang sewajar terhadap aduan-aduan tersebut. Sebagai amalan, semua agensi-agensi Kerajaan mesti mengakui penerimaan surat daripada orang ramai dalam tempoh 2 minggu. Keputusan pada sesuatu permohonan terpalang kepada apa yang dipohon. Sesetengah Jabatan seperti Jabatan Tanah perlu masa yang lebih untuk mempertimbangkan permohonan kerana isu tanah adalah kompleks. Di samping itu, pertimbangan untuk projek-projek besar mestilah mengambil masa yang lebih supaya kajian terperinci dijalankan. Pihak Kerajaan sentiasa menerima cadangan daripada orang ramai dan sekiranya cadangan itu adalah sah dan akan membawa faedah kepada rakyat dan negara tentulah Kerajaan akan menerima cadangan itu. Setakat ini BPA tidak pernah menerima apa-apa aduan daripada pihak organisasi rakyat seperti "United Chinese Association" daripada Bahagian Sib, Sarawak.

- (b) Kerajaan telah mengadakan kempen-kempen untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti semenjak tiga tahun yang lalu dan kebanyakan anugerah-anugerah telah pun dikenalpasti. Saya suka memaklumkan bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan di seluruh negara telah memberi sokongan dan respon yang menggalakkan dalam usaha ini. Baru-baru ini Kerajaan telah memaklumkan bahawa semua Jabatan Kerajaan, khususnya mereka yang memberi perkhidmatan kaunter akan mengadakan "citizen charter" iaitu satu perjanjian kepada orang ramai bahawa mutu

perkhidmatan pada mereka akan ditingkatkan. Sejak tahun 1991, banyak Surat Perkeliling Kemajuan Pentadbiran Awam telah dikeluarkan dan sedang dilaksanakan oleh semua agensi Kerajaan.

SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA— BANTUAN

13. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok
minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) ramai ibu bapa sekarang begitu berminat menghantar anak-anak ke sekolah agama. Adakah Kementerian menyedari hal ini dan apa langkah yang diambil untuk menampung keperluan yang semakin meningkat itu;
- (b) peruntukan yang dapat diijamatkan oleh Kementerian berikutan semakin ramai pelajar yang memasuki sekolah agama rakyat;
- (c) sejauh manakah bantuan Kementerian kepada sekolah-sekolah agama rakyat. Senaraikan bentuk bantuan dan jumlah yang diberikan;
- (d) memandangkan pelajar-pelajar sekolah menengah agama mendapat keputusan peperiksaan yang cemerlang, tidakkah Kementerian berhasrat untuk menambah bilangan sekolah tersebut. Kalau berhasrat, senaraikan perancangan yang dibuat; dan
- (e) adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan sekoiah agama di peringkat rendah: Jika bercadang, bila akan dilaksanakan dan berapa banyak bilangan sekolah yang akan didirikan.

Dr leo Michael Toyad: untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa menyedari kecenderungan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah agama. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk menampung bilangan pelajar yang semakin bertambah. Di antaranya ialah dengan membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah jenis ini. Di samping itu, Kementerian juga telah memperkemaskan kurikulum sedia ada iaitu dengan memperkenalkan KBSM. Kurikulum ini menawarkan tiga mata pelajaran elektif agama iaitu 1) Tasawwur Islam; 2) Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah; 3) Pendidikan Syariah Islamiah dan dua mata pelajaran elektif Bahasa Arab. Cara ini telah membolehkan kanak-kanak mempelajari kurikulum agama di sekolah-sekolah menengah biasa.
- (b) Sungguhpun ada sebilangan pelajar yang memasuki sekolah agama rakyat, Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawab terhadap pelajar-pelajar berkenaan. Pelbagai bantuan telah diberikan dari masa ke semasa seperti bantuan buku teks dan bantuan modal bagi membina dan memperbaiki sekolah. Soal penjimatan tidak timbul bahkan wujudnya pertambahan perbelanjaan.
- (c) Bantuan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan kepada sekolah agama rakyat ialah Bantuan Pembaikan Kecil pada tahun 1992. Bantuan-bantuan lain juga turut diberi iaitu bantuan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran. Berikut ialah peruntukan pembangunan yang diberi dalam tempoh lima tahun.

1988—RM6,200,000

1989—RM6,200,000

1990—RM7,200,000

1991—RM8,538,900

1992—RM13,500,000

1993—RM20,000,000

Di samping itu, sekolah-sekolah ini juga menerima bantuan buku-buku teks dan bantuan perkhidmatan seperti bantuan latihan pengurusan diberi peluang mengikuti kursus-kursus khas pengurusan sekolah dan kursus-kursus untuk pengajaran pembelajaran.

- (d) Adalah menjadi sebahagian daripada projek Kementerian Pendidikan menambah bilangan sekolah menengah agama untuk menampung permintaan yang semakin meningkat. Kerajaan juga telah membuka kelas aliran agama di sekolah-sekolah menengah biasa. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, telah dirancang pembinaan 15 buah sekolah agama dengan anggaran peruntukan sebanyak RM465.40 juta.
- (e) Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mewujudkan sekolah agama di peringkat rendah kerana Kementerian beranggapan bahawa pendidikan Islam di bawah KBSR adalah mencukupi. Walau bagaimanapun Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri ada menganjurkan sekolah agama di peringkat rendah.

PENANGGUHAN KES-KES DI MAHKAMAH MAJISTRET MARUDI

14. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Undang-Undang menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa selama ini terdapat banyak kes di Mahkamah Majistret Marudi, Baram terpaksa ditangguh oleh sebab Majistret yang datang dari Miri juga terdesak dengan kes-kes di Mahkamah Majistret Miri sendiri;

- (b) adakah beliau juga sedar bahawa penangguhan yang kerap berlaku atas kes-kes selama ini menimbulkan ketidakadilan yang serius bagi pihak yang berbabat seperti pihak yang tertuduh dan saksi-saksi yang berulang-alik ke mahkamah yang mengakibatkan kerugian besar dari segi kewangan dan masa; dan
- (c) adakah Kementerian Undang-Undang bercadang untuk menempatkan seorang majistret di Mahkamah Majistret Marudi demi untuk mengatasi masalah-masalah tersebut di atas.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-Undang Malaysia.

- (a) Sukacita saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Baram bahawa mengikut peraturan sekarang terdapat dua jenis Mahkamah Majistret iaitu Mahkamah Majistret yang mempunyai Residen Majistret dan Mahkamah Majistret di mana Majistret dari Mahkamah lain membuat litaran (circuit) di mahkamah tersebut. Peraturan sama ada mahkamah tertentu mempunyai Residen Majistret atau Majistret Litar adalah bergantung kepada bilangan kes-kes yang berdaftar dan kes-kes yang berasal dari daerah-daerah tertentu.

Kementerian sentiasa mengawasi kedudukan bilangan kes-kes di sesuatu daerah dan sekiranya kes-kes telah bertambah kepada tahap yang memerlukan seorang residen Majistret, tindakan akan diambil oleh Kementerian untuk mewujudkan jawatan dan seterusnya menempatkan seorang Majistret.

- (b) Bagi Mahkamah Majistret di Marudi, semasa Majistret di Miri bersidang di Mahkamah Litar di Marudi, beberapa hari telah diketepikan khas untuk mendengar kes-kes dari Marudi. Dalam tempoh yang sama, tiada kes yang ditetapkan untuk beliau di Miri pada tempoh itu. Kedudukan sekarang menunjukkan bahawa penempatan seorang residen Majistret di Marudi tidak diperlukan buat masa ini memandangkan bilangan kes-kes yang berdaftar dan tertangguh.

- (c) Soalan mengenai penangguhan yang kerap berlaku ke atas kes-kes, Kerajaan sentiasa sedar bahawa keadilan kepada rakyat akan terjejas jika proses pengadilan memakan masa terlalu lama dan kes-kes tidak dapat diselesaikan dalam masa yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, beberapa faktor yang menyebabkan kes-kes tertangguh bukan sahaja dari segi mahkamah tetapi juga faktor-faktor luaran seperti masalah pihak Peguambela, Polis, Pegawai Pendakwa, Orang Kena Tuduh (OKT) dan saksi-saksi.

MISI PENGAMAN PBB— PENGLIBATAN TENTERA MALAYSIA

15. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertahanan menyatakan senarai penglibatan tentera Malaysia dengan misi pengaman PBB di seluruh dunia sejak penglibatan pertama hingga terakhir:

- (a) sila nyatakan negara-negara tersebut serta latar belakang pergolakan yang berlaku sehingga memerlukan kehadiran tentera pengaman tersebut;

- (b) apakah kesan-kesan positif dan negatif di sepanjang penglibatan itu;
- (c) sila nyatakan insiden-insiden atau tragedi-tragedi yang pernah berlaku semasa bertugas terutama sekali yang meragut nyawa dan melibatkan kecederaan, dan nyatakan jumlahnya; dan
- (d) pernahkah Malaysia menolak sebarang lawatan penyertaan tersebut dan apakah alasan-alasannya.

Menteri Pertahanan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak);

- (a) Secara umum ATM telah terlibat di dalam negara-negara berikut:
 - (i) Congo;
 - (ii) Namibia;
 - (iii) Iraq-Kuwait;
 - (iv) Sahara Barat;
 - (v) Cambodia;
 - (vi) Mozambique;
 - (vii) Angola.
- (b) Kesan Positif:
 - (i) Berganding bahu dan dihormati;
 - (ii) Berpengalaman di dalam tugas PBB;
 - (iii) Meningkatkan taraf profesionalisma anggota.
- (c) Insiden

Tiada, melainkan 2 x kematian (1 di Congo akibat mati lemas dan 1 di Kampuchea kerana diserang demam malaria - luar tugas),
- (d) Pemilihan menyertai sesebuah misi PBB adalah selektif dan Malaysia belum pernah menolaknya bila dipilih.

PRESTASI DAN PRODUKTIVITI ANGGOTA SEKTOR AWAM— PENILAIAN

16. Tuan Ahmad bin Nor minta Perdana Menteri menyatakan apakah Kerajaan berpuas hati dengan prestasi dan produktiviti pekerja-pekerja di dalam sektor awam selepas Sistem Saraan Baru (SSB) diperkenalkan, dan bilakah Kerajaan bercadang untuk membayar bonus tahunan kepada semua anggota perkhidmatan awam.

Tuan Othman bin Abdul: Adalah terlalu awal bagi Kerajaan untuk membuat penilaian secara tepat mengenai prestasi dan produktiviti anggota sektor awam selepas Sistem Saraan Baru (SSB) diperkenalkan. Namun begitu, Kerajaan berpuas hati dengan penerimaan anggota-anggota sektor awam pada keseluruhannya terhadap pembaharuan serta cabaran yang diperuntukkan di bawah SSB. Oleh itu, Kerajaan yakin bahawa prestasi dan produktiviti anggota sektor awam akan menunjukkan peningkatan yang boleh membawa kepada kemajuan dan pembangunan negara.

Berkaitan dengan bayaran imbuhan tahunan kepada anggota perkhidmatan awam, Kerajaan akan menimbangkan apabila keadaan kewangan negara mengizinkan. Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk membuat bayaran tersebut.

PENDIDIKAN MORAL DI SEKOLAH-SEKOLAH— KEBERKESANAN

17. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian membuat penilaian atas keberkesanannya pendidikan moral di sekolah-sekolah. Dan adakah benar pendidikan moral ini hanya diberi kepada murid-murid yang bukan Islam kerana kelas-kelas moral

diadakan pada masa murid-murid Islam belajar agama. Kenapakah ini berlaku dan apa tindakan penyelarasan supaya murid-murid Islam tidak ketinggalan di bidang ini;

- (b) adakah benar guru-guru yang tidak berpengetahuan, ber-pengalaman dan latihan khusus bahkan ada yang merasai diri mereka kekurangan dan dipaksa untuk mengajar kelas moral; dan
- (c) adakah guru-guru yang mengajar agama di sekolah-sekolah mempunyai latihan guru am dan khas untuk agama di dalam mengajar dan membimbing murid-murid di dalam penyampaian falsafah, pengertian dan amalan agama.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa mengesan pelaksanaan semua mata pelajaran, termasuk mata pelajaran Pendidikan Moral. Di samping itu, pelbagai pihak di bawah Kementerian Pendidikan menjalankan penilaian untuk mengetahui keberkesanan pelaksanaannya. Pendidikan Moral adalah mata pelajaran yang diajar khas kepada pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam semasa pelajar-pelajar Islam mengikuti Pendidikan Islam. Dasar ini telah diperakukan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979). Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa perkara ini tidak merugikan pelajar-pelajar Islam kerana aspek-aspek yang serupa yang terdapat dalam pendidikan moral diajarkan juga di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.
- (b) Guru-guru yang ditugaskan untuk mengajar Pendidikan Moral

adalah guru-guru yang telah

- dihantar berkursus sama ada di peringkat Kementerian, negeri atau daerah. Selain daripada itu, sekolah-sekolah juga ada menganjurkan kursus dalam (in-house training). Jika guru merasai kurang keyakinan untuk mengajar Pendidikan Moral, pihak guru besar/pengetua boleh menghantar mereka mengikuti kursus-kursus peningkatan di peringkat negeri atau daerah atau dilatih oleh sekolah dengan bimbingan Ketua Panitia Mata Pelajaran Pendidikan Moral yang faham mengenai pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut.

- (c) Guru-guru Agama Islam yang terlatih telah diberikan latihan secukupnya dalam bidang perguruan sama ada di maktab-maktab perguruan ataupun di universiti. Di samping itu, kursus-kursus peningkatan pengajaran Pendidikan Islam juga diadakan dari masa ke semasa oleh Kementerian Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Usaha-usaha sentiasa dijalankan untuk memastikan guru-guru agama dapat menjalankan pengajaran mata pelajaran pendidikan Islam dengan berkesan.

MALAYSIA SEBAGAI KAWASAN TIMBUNAN— TINDAKAN DIAMBIL

18. Tuan Chor Chee Heung minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) apakah tindakan atau tindak balas atau yang akan diambil terhadap negara maju yang menggunakan negara kita sebagai 'dumping ground' (kawasan timbunan) bagi eksport/pengeluaran mereka;

- (b) sila beritahu senarai negara-negara maju yang telah berbuat demikian (jika ada) dan apakah jenis-jenis eksport/pengeluaran yang telah di'dump' di Malaysia; dan
- (c) apakah ciri-ciri perlindungan tentang 'anti-dumping' yang akan dikandungkan di dalam suatu akta yang akan dibentang dalam Dewan yang mulia ini.

19-5-93

39. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bagaimanakah seriusnya aktiviti dumping yang dilakukan oleh negara-negara maju di negara ini;
- (b) bagaimanakah kesan aktiviti 'dumping' nya yang dilakukan oleh negara-negara maju di negara ini;
- (c) apakah langkah-langkah perlindungan dan insentif-insentif yang diberikan kepada industri tempatan untuk terus bersaing; dan
- (d) apakah penakrifan tentang barang tempatan, khususnya barang buatan tempatan oleh syarikat-syarikat asing.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz): Saya pohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin yang dijadualkan pada 19 Mei 1993.

- (a) Soalan daripada kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan telah menerima petisyen dari pengusaha-pengusaha tempatan yang mendakwa amalan lambakan (dumping) oleh pengeluar-pengluar dari negara-negara maju

dan juga pengeluar-pengeluar dari negara-negara sedang membangun bagi barangan paip tanah liat dan bahan-bahan kertas. Walaupun terdapat dakwaan-dakwaan itu, pada masa ini, Kerajaan tidak dapat menentukan secara objektif hubungkait (casual link) di antara amalan lambakan dengan kemudaratan (injury) ke atas industri tempatan. Ini adalah kerana undang-undang anti-lambakan yang sedia ada adalah tidak lengkap untuk membuat penentuan tersebut. Setakat ini, tidak ada tindakan dalam bentuk duti anti-lambakan yang pernah diambil oleh Kerajaan ke atas pengusaha-pengusaha asing. Pada masa yang lepas, cara yang dapat diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini ialah dengan menaikkan duti import barangan yang terlibat dengan tidak mengambil kira punca import.

- (b) Untuk makluman AhH-Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil menurut Undang-Undang Anti-Lambakan perlu mengikuti peraturan-peraturan antarabangsa yang telah ditetapkan. Bagi menentukan satu-satu dakwaan ke atas lambakan, ia hendaklah berasaskan kepada bukti-bukti tertentu seperti penjualan pada harga yang lebih rendah dari nilai yang sepatutnya (normal value), kemudaratan ke atas industri tempatan, dan hubungkait di antara kemudaratan tersebut dengan amalan lambakan.
- (c) Sekiranya penyiasatan menunjukkan berlakunya lambakan, Undang-undang duti Timbalbalas dan Anti-Lambakan yang akan dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini membolehkan Kerajaan mengenakan duti tambahan yang

setimpal dengan perbezaan di antara nilai yang berpatutan bagi sesuatu barangan yang diimport dengan harga barangan yang dilambakkan. Undang-undang ini bukanlah bertujuan untuk memberi perlindungan ke atas industri yang tidak cekap. Duti lambakan yang akan dikenakan hanyalah ke atas import barangan dari negara syarikat yang melakukan amalan lambakan sahaja dan tidak melibatkan import barangan tersebut dari negara-negara lain. Dengan cara ini, Kerajaan akan dapat meneruskan langkah-langkah untuk mewujudkan regim import yang lebih liberal bagi membaniu mewujudkan industri tempatan yang lebih cekap dan dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

- (d) Bagi menjawab soalan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin, saya ingin memaklumkan bahawa takrif "barang tempatan" yang digunakan oleh negara-negara pengimport adalah berasaskan kepada peratusan komponen tempatan, nilai tambah dan lain-lain kos yang berkaitan dengan pengeluaran sesuatu barang siap. Penentuan peratusan unsur-unsur tersebut daripada harga keseluruhan barang siap itu yang melayakkannya sebagai barangan tempatan adalah berbeza bagi setiap negara pengimport. Sebagai contoh, dalam penetapan Sijil Tempasal untuk kelayakan Sistem Keutamaan Am (GSP), Negara-Negara Kesatuan Eropah secara amnya mensyaratkan 40%, Amerika Syarikat 35% dan Australia 50% bagi unsur-unsur itu bagi melayakkan sesuatu barangan ditaktif sebagai barang tempatan.

MATA PELAJARAN BAHASA MALAYSIA—HASIL KAJIAN

19. Dr. T. Marimuthu minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerian Pendidikan sedar bahawa setiap tahun pengumuman keputusan SPM dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia mewujudkan rasa kebingungan dan kegelisahan di kalangan rakyat Malaysia. Kementerian Pendidikan telah mengumumkan bahawa satii kajian yang terperinci akan dijalankan atas pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah di negara ini. Apakah penemuan-penemuan daripada kajian ini dan bagaimanakah hasil kajian akan meningkatkan taraf pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan pencapaian pelajar dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Analisis laporan pencapaian mata pelajaran tersebut pada tahun 1992 menunjukkan prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu masih memuaskan. Pencapaiannya masih kekal pada tahap 86% sama seperti pencapaian pada tahun 1991.

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan sedang menjalankan kajian terperinci yang bertujuan untuk mengesan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah-sekolah menengah seluruh negara. Laporan menyeluruh tentang kajian tersebut akan dihasilkan setelah kajian ini selesai dijalankan.

PERLINDUNGAN KEPADA WARGANEGARA ASING—BILANGAN MAJIKAN

20. Puan Lim Lay Hoon minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan majikan yang telah didendakan ke atas kesalahan

- memberi pekerja kepada pekerja asing yang tidak didaftarkan; dan
- (b) sama ada pekerja asing diwajibkan melaporkan diri kepada pihak Polis tempatan di mana mereka bertugas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting);

- (a) Sejak Ops Nyah II dimulakan mulai 1hb Julai 1992, seramai 42 majikan telah ditangkap dan didakwa kerana disyaki memberi perlindungan kepada warganegara asing. 19 daripadanya telah didapati bersalah dan dikenakan denda sebanyak antara RM1,000 hingga RM5,000.
- (b) Tidak.

RAMPASAN KERETA-KERETA IMPORT—MENGELAKKAN BAYARAN CUKAI

21. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) hasil rampasan kereta-kereta import yang telah mengelakkan bayaran cukai sejak tahun 1991;
- (b) apakah jenis-jenis kereta yang terlibat dan negara-negara asal kereta dibuat;
- (c) apakah yang dilakukan ke atas kereta-kereta yang dirampas;
- (d) apakah tindakan kepada syarikat-syarikat dan individu pengimport yang terlibat; dan
- (e) sejauh manakah Kementerian boleh mengesan bahawa sesebuah kenderaan import itu "under-declare".

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim):

- (a) Hasil rampasan kereta-kereta import yang telah mengelakkan bayaran cukai sejak tahun 1991

ialah sebanyak RM857,501. Hasil ini adalah diperolehi daripada jualan secara tender dan lelong sebanyak 25 buah kereta daripada 81 yang telah dirampas sejak tahun 1991 seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Kereta Dirampas</i>
--------------	---------------------------------

1991	13
1992	68

- Proses lelong dan tender ke atas baki kereta-kereta yang telah dirampas pada tempoh tersebut masih lagi belum selesai.
- (b) Jenis-jenis kereta yang terlibat ialah BMW, Mercedes Benz, Honda, Mazda dan Toyota yang berasal dari Jepun dan Germany.
- (c) Kereta-kereta yang dirampas, jika ada pendakwaan, akan dibawa ke mahkamah. Sekiranya tidak ada pendakwaan kereta tersebut akan disifatkan sebagai lucuthak jika tidak dibuat tuntutan dalam tempoh sebulan dari tarikh rampasan dibuat. Kereta-kereta yang dilucuthak akan dilupuskan dengan cara tender atau lelong kepada orang awam lebih kurang enam bulan selepas semua rayuan berkaitannya diselesaikan.
- (d) Syarikat-syarikat yang terlibat dan individu yang telah disabitkan kesalahannya akan dikenakan tindakan mahkamah di bawah Seksyen 133, Akta Kastam 1967 ataupun denda kompaun di bawah Seksyen 131, Akta yang sama.
- (e) Pihak Jabatan mempunyai senarai harga bagi model kenderaan yang diimport. Senarai ini dibekalkan kepada semua stesen import sebagai panduan dalam membuat taksiran harga ke atas kenderaan yang diimport.

PERHIMPUNAN DI KOTA BHARU, KELANTAN

22. Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) siapakah yang bertanggungjawab cuba menganjurkan satu perhimpunan di Kota Bharu, Kelantan pada 10hb April, 1993; dan
- (b) adakah sebarang permohonan bagi mendapat permit Polis telah dibuat oleh mana-mana pihak.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Presiden Persatuan Penyelia Pembangunan Mukim Negeri Kelantan telah 'cuba' menganjurkan satu Perhimpunan di Kota Bharu, Kelantan pada 10 hb April 1993,
- (b) Presiden Persatuan Penyelia Pembangunan Mukim Negeri Kelantan telah membuat permohonan permit Polis untuk mengadakan perhimpunan pada 10hb April, 1993 mulai 8.30 pagi dan dijangka 500 orang ahli-ahli persatuan akan menghadiri perhimpunan tersebut secara aman. walau bagaimanapun, permohonan tersebut telah ditolak oleh Polis,

Soalan 23—(Sila lihat Jawapan kepada Soalan No. 1).

UNIVERSITI TEMPATAN— PERLETAKAN JAWATAN PENSYARAH

24. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) berapa ramai tenaga pengajar yang meninggalkan universiti dalam tempoh lima tahun terakhir ini. Senaraikan berdasarkan kepada bidang pengajaran dan sebab mengapa mereka berbuat demikian;

- (b) adakah Kementerian menyedari isu ini telah lama berlarutan. Apakah bentuk penyelesaian Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Setakat ini bagaimana kejayaannya; dan
- (c) apakah penghijrahan tenaga pengajar itu boleh menjejaskan kualiti siswazah yang dilahirkan oleh universiti.

4-5-93

47. Dato' Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Pendidikan menyatakan punca-punca yang menyebabkan berlakunya keruntuhan moral dan budaya kuning yang sedang menular di institusi-institusi pengajian tinggi sekarang, terutamanya dalam soal bersekedudukan dan menjadi pelacur kelas atasan. Apakah inisiatif yang diambil bagi membanteras masalah ini yang melahirkan budi pekerti yang cemerlang di kalangan intelektual.

10-5-93

39. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pendidikan menyatakan sejak 1-1-90:

- (a) berapakah orang pensyarah universiti tempatan telah meletak jawatan, mengikut pecahan bidang pengajaran;
- (b) apakah sebab-sebabnya perletakan jawatan berlaku. Adakah jumlah perletakan jawatan itu membimbangkan; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan "brain drain" di kalangan pensyarah.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat tiga soalan yang mempunyai maksud yang sama mengenai perletakan jawatan pensyarah universiti tempatan yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli

Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Saya memohon agar soalan-soalan tersebut dijawab secara serentak. Ahli-Ahli Yang Berhormat serta tarikh soalan-soalan tersebut dikemukakan di Dewan Rakyat adalah seperti berikut:

1. Yang Berhormat dari Rantau Panjang — 27-4-1993
2. Yang Berhormat dari Bagan Serai — 4-5-1993
3. Yang Berhormat dari Pasir Pinji — 10-5-1993

- (a) Jumlah pensyarah universiti yang meletakkan jawatan dari tahun 1988 sehingga kini ialah 510 orang atau lebih kurang 102 orang setiap tahun daripada jumlah semua pensyarah seramai 7,393 orang. Kebanyakan mereka daripada bidang perubatan dan kejuruteraan. Keadaan yang sedemikian adalah satu fenomena yang biaya bagi universiti-universiti yang terdapat di sesebuah negara yang sedang membangun.

Perletakan jawatan di kalangan pensyarah disebabkan oleh beberapa faktor seperti menerima tawaran gaji yang lebih lumayan di sektor swasta, mendapat tawaran pekerjaan di luar negara yang pada pendapat mereka lebih baik dan ada juga yang meletakkan jawatan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

- (b) Kementerian Pendidikan sentiasa peka dengan fenomena ini dan mengambil beberapa langkah. Antaranya mengambil tenaga pengajar baru untuk mengikuti kursus kepakaran/Ph. D, melantik pensyarah secara kontrak dari dalam dan luar negara, memperbaiki skim perkhidmatan pensyarah mengikut Skim Saraan Baru (SSB) seperti pemberian elaun kritikal, kenaikan pangkat yang tidak berdasarkan

kekosongan jawatan dan kemudahan cuti sebatikal untuk menjalankan penyelidikan.

Langkah-langkah tersebut didapati berkesan dan pihak Kementerian akan meneruskan usaha-usaha tersebut.

- (c) Kementerian Pendidikan berpendapat keadaan ini tidak menjejaskan kualiti prestasi pendidikan tinggi di universiti-universiti tempatan memandangkan jumlah pensyarah yang meletakkan jawatan adalah kurang 2 % daripada keseluruhan jumlah kakitangan akademik. Kekosongan tersebut diisi dengan perlantikan pensyarah-pensyarah baru.

PENONJOLAN IDENTITI MELAYU

25. Wan Omar bin Wan Majid minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sejak bilakah amalan memakai songkok yang biasanya dipakai oleh seorang Perdana Menteri dalam lawatan-lawatan rasminya ke luar negeri dihentikan; dan
- (b) apakah terdapat dasar baru dalam penonjolan identiti Melayu ketika lawatan-lawatan rasmi Perdana Menteri.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul)

- (a) Sebenarnya tidak ada peraturan atau amalan mengenai pemakaian songkok oleh Perdana Menteri apabila beliau melakukan lawatan ke luar negeri. Pemakaian songkok atau pakaian kebangsaan akan digunakan bila sesuai.
- (b) mengenai soalan kedua, jawapannya tidak. Lawatan itu sendiri adalah lambang Malaysia dan

hasil-hasil lawatan serta hubungan dua hala adalah lebih penting dari pakaian.

KRISIS KEKURANGAN TENAGA—JUMLAH KERUGIAN

26. Tuan Lim Guang Eng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan berkaitan dengan krisis kekurangan tenaga" di negara kita:

- (a) jumlah kerugian yang diambil sejak krisis bermula;
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya dan bila;
- (c) mengapakah satu rombongan tidak diambil dalam Kementerian dan TEN Bhd. memandangkan kedua-dua badan ini tidak dapat bekerjasama;
- (d) mengapakah Menteri yang bertanggungjawab tidak ditukar atau meletak jawatan sebagai accountable ke atas kegagalan mengatasi masalah ini; dan
- (e) mengapakah notis tidak boleh diberikan sebelum sebarang "load shedding" dikenakan.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos
(Dato' Seri S. Samy Vellu):**

- (a) jumlah unit elektrik yang tidak dapat dijual oleh TNB akibat lucutan beban sejak krisis kekurangan tenaga bermula ialah seperti berikut:
 - (i) Januari 1993 - 4.0 juta unit
 - (ii) Pebruari 1993 - 3.9 juta
 - (iii) Mac 1993 - Tiada Lurutan atau catuan beban
 - (iv) April 1993 - 0.7 juta

(Setakat 22-3-92) 8.6 juta unit.

Berdasarkan kepada harga purata 18.7 sen seunit, kehilangan hasil dari segi jualan elektrik adalah RM1,608,200. Kerugian kepada pihak pengguna tidak dapat dianggarkan.

(b) Kerajaan dan TNB telah mengambil beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan elektirk. Langkah-langkah tersebut termasuk:

(i) menambahkan keupayaan penjana dengan pelaksanaan projek berikut:

- (a) 10 x 30 mw yang akan beroperasi pada bulan Ogos dan September tahun ini.
- (b) 1,000 mw secara "fast track" yang akan beroperasi sebelum 'pertengahan tahun 1994.
- (c) 1,830 mw oleh pengeluar kuasa bebas yang akan beroperasi pada pertengahan tahun 1996.
- (d) 650 mw oleh pengeluar kuasa bebas pada pertengahan tahun 1997.

(ii) mempercepatkan kerja-kerja pengubahsuaian ke atas set-set janakuasa TNB yang lama;

(iii) menggalakkan "demand side management" dan meningkatkan kesedaran pengguna supaya lebih peka terhadap penggunaan peralatan yang lebih cekap;

- (iv) penubuhan pasukan petugas bersama di antara sektor awam dan swasta mengenai gangguan bekalan;
 - (v) melaksanakan skim insentif untuk menggalakkan pengguna-pengguna industri tersebut memindahkan sebahagian permintaan puncak mereka ke luar waktu puncak dan mengelakkan pembaziran; dan
 - (vi) telah memperkenalkan satu skim diskaun untuk menggalakkan pengguna-pengguna yang mempunyai set-set janakuasa tunggu sedia untuk menggunakannya pada waktu permintaan puncak.
- (c) mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian ini tidak dapat berkerjasama dengan TNB adalah tidak benar. Kerjasama di antara Kementerian dan semua agensi di bawahnya termasuk TNB, adalah sangat baik.
- (d) Kementerian sentiasa mengawasi dan memastikan bahawa segala tuntutan untuk bekalan elektrik dipenuhi. Masalah kekurangan yang dihadapi sekarang berpunca dari peningkatan ekonomi yang pesat dan di luar jangkaan. Walaupun diakui pada masa ini wujudnya masalah kekurangan tenaga. Namun demikian Kerajaan telah bertindak segera dengan mengambil langkah-langkah seperti yang saya terangkan sebentar tadi. Usaha-usaha itu telah membawa kesan yang positif.
- (e) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak kebelakangan ini TNB telah pun mengamalkan sistem pemberian notis melalui akhbar-akhbar tempatan mengenai lucutan beban

Notis seminggu adalah diberi kepada pengguna apabila lucutan beban perlu dilakukan apabila keupayaan penjanaan dijangka tidak dapat menampung kehendak beban semasa.

Jika keadaan sistem kembali pulih, TNB akan memberi notis penarikan bakh kepada pengguna sekurang-kurangnya tiga hari sebelum tarikh pelaksanaan lucutan beban.

Walau bagaimanapun, pada masa kecemasan TNB hanya dapat memberi notis beberapa jam sahaja kepada pengguna-penggunanya. Adakalanya tiada notis dapat diberi langsung.

MUTU DAN HARGA UBAT-UBATAN DI PASARAN

27. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Kesihatan apakah langkah yang diambil oleh Menteriannya untuk memastikan mutu dan harga dan ubat-ubat di pasaran itu di bawah kawalan dan sama ada Kerajaan telah menyiapkan-sediakan satu dasar untuk menyeragamkan harga-harga ubat-ubatan.

Timbalan Menteri (Dato' Mohamed Farid bin Ariffin): Kementerian Kesihatan melalui Pihak Berkuasa Kawalan Dadah yang ditubuhkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984, telah pun memulakan pendaftaran ubat-ubatan semenjak tahun 1985. Kehendak pendaftaran ini memberi penekanan dan memastikan supaya hanya ubat-ubatan yang selamat, bermutu dan berkesan didaftarkan untuk kegunaan orang ramai.

Di samping memastikan mutu dan harga, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha menggalakkan perkembangan perdagangan dan perindustrian farmaseutikal. Kami berpendapat bahawa harga ubat-ubatan akan sendirinya

terkawal dan stabil melalui persaingan yang sihat di dalam sektor farmaseutikal yang telah berkembang.

HOSPITAL BESAR PULAU PINANG—KEADAAN KEMUNDURAN

28. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan menyedari akan keadaan kemunduran (depleted) di Hospital Besar Pulau Pinang melainkan di ruang tambahan barunya, terutamanya di mana paip najis yang bocor, tumbuhan-tumbuhan yang naik menjalar di dinding dan tikus-tikus yang berkeliaran dengan bebasnya dibiarkan dengan begitu sahaja di kawasan hospital serta lain-lain perkara lagi dan apakah Kerajaan bercadang untuk melakukan tentangnya.

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Kementerian Kesihatan sedar akan keadaan di Hospital Besar Pulau Pinang dan sentiasa memberi perhatian sewajarnya.

Dalam Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak Rm1 juta akan dibelanjakan untuk memperbaiki sistem pembetungan dan bekalan air di Hospital ini. Kerja-kerja ini dijangka mula pada awal tahun 1994.

Mengenai tumbuhan yang naik menjalar di dinding, Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi keadaan dan telah dan sedang mengambil tindakan untuk membuangnya apabila tumbuhan tersebut menjadi terlalu besar dan merosakkan bangunan.

Kementerian Kesihatan mengambil tindakan menghapuskan tempat kediaman dan pembaikan tikus-tikus di kawasan hospital sambil memperoleh bantuan daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Khidmat dari syarikat swasta akan diperolehi untuk mengawal keadaan.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN DI SEKOLAH-SEKOLAH— TINDAKAN DIAMBIL

29. Puan Rohani bin Abdul Karim minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang matlamat Kementerian yang berlandas kepada Wawasan 2020, iaitu untuk mewujudkan sebuah negara perindustrian. Bilakah Kementerian hendak menaik taraf SMK Santubong kepada sebuah sekolah di luar bandar yang mempunyai aliran Sains atau sekurang-kurangnya mengadakan kelas beraliran Sains. Jika ya, bilakah pelaksanaannya dan apakah program pengajian yang akan dirancangan. Jika tidak, kenapa.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha menyediakan kemudahan untuk menaikkan taraf sekoiah bukan sahaja di Sarawak tetapi di seluruh negara. Di antara tindakan yang telah diambil ialah dengan mengadakan kemudahan-kemudahan fizikal di sekolah-sekolah tersebut dan mengadakan kelas-kelas aliran Sains di sekolah-sekolah yang difikirkan sesuai.

Buat masa ini Kementerian Pendidikan memang berhajat untuk mengadakan kelas-kelas aliran Sains di sekolah-sekolah pendalaman termasuk di Sekolah Menengah Santubong. Walau bagaimanapun, untuk mengadakan kelas tersebut adalah tertakluk kepada bilangan pelajar yang lulus dengan baik dalam mata pelajaran Sains di peringkat SRP/Peperiksaan Menengah Rendah dan juga kemampuan Kerajaan mengadakan kemudahan makmal sains di sekolah tersebut. Pelajar-pelajar yang layak dan benar-benar berminat untuk belajar Sains kini ditempatkan di sekolah-sekolah berhampiran.

**KAWASAN GELANG PATAH,
JOHOR—KEJADIAN
MENCEROBOHI RUANG
ANGKASA**

30. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol
minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) Mengapakah kejadian mence-
robohi ruang angkasa di kawasan
Gelang Patah, Johor oleh Tentera
Udara Singapura masih berterusan
walaupun telah ada persefahaman
bagi mengelakkan perkara-
perkara seperti ini berulang;
- (b) apakah tindakan-tindakan se-
lanjutnya yang akan diambil oleh
pihak Kementerian.

**Timbalan Menteri Pertahanan
(Dato' Wan Abu Bakar bin Wan
Mohamed):**

- (a) Sebahagian kawasan Selatan
Johor termasuklah kawasan
Gelang Patah adalah di bawah
kawalan Tengah ATZ (Air Traf-
fic Zone). Berdasarkan perse-
fahaman yang sedia ada, semua
pesawat Tentera Udara Republik
Singapura (TURS) adalah
dibenarkan menggunakan ruang
udara Selatan Johor dari paras
bumi ke paras 1,500. Ini untuk
membolehkan mereka melakukan
penerbangan mendarat/berlepas
dari Lapangan Terbang Tengah.
Kembaran A adalah menunjukkan
kawasan ruang udara di Selatan
Johor (termasuk Gelang Patah)
di bawah kawalan Lapangan
Terbang Tengah, dari paras bumi
hingga 3,000 kaki. Kembaran B
pula adalah cadangan kawasan
yang telah dipinda
(mengurangkan kawasan yang
mungkin digunakan oleh pihak
TURS) dan tahap ketinggian yang
dihadkan dari paras bumi ke
1,500 kaki sahaja.

Dalam tahun ini, pihak TUDM
belum lagi menerima sebarang
laporan rasmi mengenai sebarang
pencerobohan ruang udara
Malaysia, termasuk di Selatan
Johor yang melibatkan pesawat
TURS. Penerbangan pesawat
tentera negara asing di ruang
angkasa Malaysia, lebih-lebih lagi
di kawasan Selatan Johor adalah
kerap dilakukan apabila latihan
pertahanan udara sedang berjalan
yang melibatkan TURS, seperti
yang telah dipersetujui terlebih
awal dan dimaklumkan kepada
pihak TUDM mengenainya.

Penentuan sama ada sesuatu
penerbangan ini dapat ditakrifkan
sebagai pencerobohan, memer-
lukan maklumat yang lengkap
seperti, tarikh, masa, tempat, jenis
pesawat, ketinggian, arah
penerbangan dan kelajuan.
Dengan maklumat yang
sedemikian, pihak TUDM dapat
menyemak dan mengenalpasti
sama ada penerbangan tersebut
telah benar-benar telah diluluskan
ataupun sebaliknya. Oleh sebab
Yang Berhormat tidak mem-
berikan maklumat yang khusus
dan lengkap dalam soalan yang
telah dikemukakan, Pihak TUDM
tidak dapat memastikan sama ada
penerbangan atau insiden yang
dimaksudkan itu adalah suatu
pencerobohan atau merupakan
satu penerbangan yang telah
diluluskan.

Contohnya, pada 15hb dan
16hb April, 1993, pihak TURS
telah memohon untuk mener-
bangkan 4 x Helikopter jenis
Super Puma di kawasan Tanjung
Piai dan Gelang Patah dalam
usaha mereka menyertai Latihan
Pertahanan udara Utama (Major
Air Defence Exercise ADEX 93-
2) mulai 13hb hingga 16hb April,
1993 yang melibatkan TUDM dan
TURS. Penerbangan ini telah pun

dimaklumkan kepada Pusat Operasi Pertahanan Udara di Markas Pemerintahan Pertahanan Udara TUDM dan kelulusan telahpun diberikan. Sungguhpun penerbangan tersebut memberikan gambaran kepada penduduk di Gelang Patah seolah-olah satu pencerobohan oleh TURS tetapi pada hakikatnya, ianya adalah satu penerbangan yang telah pun diberikan kelulusan oleh pihak TUDM yang telah dimaklum terlebih dahulu. Oleh yang demikian, penerbangan 4 x Helikopter Super Puma kepunyaan TURS itu tidaklah ditakrifkan sebagai satu pencerobohan.

Sebagaimana yang telah dimaklumkan terlebih awal, semenjak bulan Januari tahun ini, pihak TUDM belum lagi menerima sebarang laporan pencerobohan oleh pesawat TURS di kawasan Gelang Patah oleh mana-mana pihak tentera atau polis yang berada di kawasan tersebut. Prosidur dan peraturan yang sedia ada yang melibatkan penerbangan oleh pesawat tentera negara asing di ruang angkasa Malaysia adalah lengkap dan telah pun dipatuhi sepenuhnya oleh negara-negara yang terbabit. Ini adalah merupakan satu langkah utama dalam usaha mengelakkan pencerobohan yang disengajakan.

- (b) Tindakan Kementerian untuk mengelakkan pencerobohan ruang angkasa Selatan Johor dalam jangka panjang adalah untuk mendapatkan semula pengawalan ruang angkasa (paras tinggi) Selatan Johor yang mana telah diserahkan kepada pihak Singapura oleh International Convention of Aeronautical Organization (ICAO). Adalah diharapkan apabila pengawasan dan pengawalan ruang angkasa

Selatan Johor dikembalikan kepada Malaysia, pengawasan dan pengawalan yang lebih positif dapat dipertingkatkan lagi.

Untuk jangka pendek, pihak TUDM akan menambahkan usaha pengawasan ruang angkasa di Selatan Johor untuk mendapatkan maklumat yang terkini supaya jika berlaku pencerobohan yang disengajakan, ianya dapat dikenalpasti dengan cepat dan tepat.

PEMUTUSAN TENAGA ELEKTRIK—JUMLAH KES

31. Dr. Kua Kia Soong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) Jumlah kes pemutusan Tenaga elektrik yang telah berlaku sejak tahun 1990 dan sama ada Kerajaan berhajat untuk membayar balik kerugian yang dialami oleh para pengguna;
- (b) Jumlah stesen kuasa yang telah usang ataupun mengalami Turbin bermasalah yang memerlukan pemeriksaan lebih daripada yang biasa; dan
- (c) Sebab mengapa Tenaga Nasional tidak dapat meramalkan permintaan yang meningkat secara besar-besaran oleh bidang industri terhadap bekalan tenaga elektrik menjelang tahun 1990.

Dato' Seri S. Samy Vellu:

- (a) Jumlah kes pemutusan tenaga elektrik semenjak tahun 1990 hingga Februari 1993 ialah seperti berikut:
 - (i) *Kerosakan Sistem Grid Penghantaran Utama*
 - 1990 — 149
 - 1991 — 249
 - 1992 — 294
 - 1993 — 61

(ii) *Gangguan Bekalan Voltan Rendah dan Voltan Tinggi yang dilaporkan akibat Kerosakan (Statistik mulai Ogos 1993).*

	<i>Voltan Rendah</i>	<i>Voltan Tinggi</i>	<i>Jumlah</i>
Ogos 1992	28,470	687	29,157
September 1992	33,068	892	22,960
Oktober 1992	28,807	661	19,368
November 1992	19,362	693	30,157
Disember 1992	30,155	967	21,122
Januari 1993	25,644	757	26,401
Februari 1993	24,939	717	25,658

(iii) *Gangguan Bekalan Voltan Rendah dan Voltan Tinggi yang berjadual Akibat kerja-kerja Penyelenggaraan (Statistik mulai Ogos 1992).*

	<i>Voltan Rendah</i>	<i>Voltan Tinggi</i>	<i>Jumlah</i>
Ogos 1992	744	224	968
September 1992	822	248	1,070
Oktober 1992	796	179	975
November 1992	1,133	174	1,307
Disember 1992	1,472	266	1,738
Januari 1993	1,046	614	1,660
Februari 1993	2,325	582	2,907

(iv) *Bilangan Gangguan Bekalan akibat Lucutan Beban (Statistik mulai Ogos 1992).*

Ogos 1992	14
September 1992	66
Oktober 1992	0
November 1992	5
Disember 1992	6
Januari 1993	176
Februari 1993	303

Mengenai soal ganti rugi, ingin dimaklumkan bahawa perjanjian di antara pengguna dengan TNB tidak mempunyai peruntukan

yang mengkehendaki TNB membayar ganti rugi bagi kerugian yang disebabkan oleh gangguan bekalan elektrik, walau bagaimanapun, Akta Bekalan Elektrik 1990 mempunyai peruntukan tertentu yang boleh mengkehendaki TNB membayar ganti rugi ke atas apa-apa kerosakan kepada mana-mana orang atau apa-apa harta sekiranya boleh dibuktikan bahawa gangguan bekalan atau pemberhentian elektrik telah disebabkan oleh kecuaiannya TNB.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setengah daripada stesen-stesen janakuasa haba yang lama seperti Prai, Pasir Gudang dan Port Dickson telah mengalami masalah kendalian. Selain daripada itu, terdapat juga masalah mula tugas di stesen-stesen tarbin gas yang baru, Stesen-stesen haba yang lama sedang dirombakrawat dan tarbin-tarbin gas yang memberi masalah sedang dibaiki dengan kerjasama pengeluar peralatan tersebut.

(c) TNB telah meramalkan pertambahan permintaan yang tinggi oleh sektor industri. Walau bagaimanapun, jumlah peralaburan asing yang di luar jangkaan telah menyebabkan pertambahan sebenar kuasa elektrik dari sektor ini melebihi apa yang diramalkan.

SISTEM SARAAN BARU (SSB)— PERGERAKAN GAJI

32. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) adakah Kementerian menyedari terdapatnya rungulan dan sikap tidak puas hati di kalangan kakitangan bawahan berhubung dengan kenaikan gaji tahunan dalam Sistem Saraan Baru; dan

- (b) apakah langkah-langkah kawalan yang diambil untuk menentukan bahawa keadilan dapat dijalankan sepenuhnya dalam menentukan Perlaksanaan Sistem Saraan Baru berjaya mencapai matlamatnya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul);

- (a) Kerajaan sedar bahawa ada rungutan dan perasaan tidak puas hati di kalangan bawahan di beberapa Kementerian/Jabatan berhubung dengan pergerakan gaji dalam Sistem Saraan Baru (SSB). Mengenai perkara ini, suka saya sebutkan di sini bahawa tahun 1993 merupakan tahun pertama anggota-anggota perkhidmatan awam mendapat pergerakan gaji di bawah SSB, dan oleh kerana ini adalah satu sistem baru, sudah tentu terdapat sedikit masalah awalan mengenainya. Adalah dipercayai masalah-masalah ini akan dapat diatasi di tahun-tahun akan datang.
- (b) Mengenai langkah-langkah yang diambil dalam menentukan keadilan pada masa ini. Ketua-Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai penilai telah diberi ingatan melalui pelbagai forum supaya lebih berhati-hati dan bertanggungjawab dalam menilai prestasi anggota-anggota di bawah jagaan masing-masing. Panel Pergerakan Gaji telah ditubuhkan untuk menilai semula mana-mana laporan yang dianggap berlebihan dan berkurangan.

SEKTOR PERTANIAN—KADAR PERTUMBUHAN

33. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan peluang-peluang" yang ditawarkan berikutan kadar pertumbuhan

yang amat menggalakkan di sektor pertanian yang sedang menuju ke arah industri yang lebih komersial selaras dengan objektif Dasar Pertanian Negara (DPN 1992-2010). Bagaimana pula dengan pembabitan pihak swasta dalam membantu menjayakan dasar tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' S. Subramaniam): Peluang-peluang yang dikenalpasti dalam Dasar Pertanian Negara (1992-2010) merupakan peluang-peluang pelaburan dalam sektor pertanian yang akan dapat menyumbang dan meningkatkan lagi pertumbuhan sektor tersebut untuk mencapai kadar pertumbuhan sebanyak 3.1% dalam tempoh 1991-2010. Bidang-bidang tersebut adalah termasuk sub-sektor buah-buahan, bunga-bunga, ternakan serta perikanan laut dalam, akuakultur, dan ikan perhiasan dalam kesemua peringkat yang termasuk pengeluaran, pemerosesan pembungkusan pengedaran dan perdagangan. Selain daripada itu, bidang 'agrotourism' juga merupakan satu lagi bidang yang mempunyai potensi yang tinggi.

Dasar Pertanian Negara (1992-2010) adalah berpandukan kepada pasaran. Oleh itu, penglibatan sektor swasta dalam sektor pertanian adalah amat penting, terutama bagi perubahan struktur sektor pertanian. Justeru itu, peluang-peluang terbuka luas kepada pihak swasta. Malahan, sektor pertanian akan didorongi dan digerakkan oleh sejauh mana sektor swasta melibatkan diri dalam sektor pertanian. Sehubungan dengan ini, pihak kerajaan akan juga memainkan peranannya yang termasuk kajian semula pakej insentif yang tersedia ada bagi menggalakkan lagi pelaburan dalam sektor pertanian serta memperbaiki lagi sistem maklumat pasaran, dan di mana perlu, memperketatkan lagi peraturan-peraturan yang bersabit dengan aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi menggalakan lagi aktiviti tersebut dalam negara kita.

KESESAKAN LALULINTAS— KAEDAH-KAEDAH

34. Tuan Wee Choo Keong minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk meluluskan satu regulasi atau undang-undang yang menetapkan bahawa masa untuk mengisi dan mengeluarkan muatan barangan untuk kenderaan-kenderaan besar komersial dihadkan daripada pukul 12.00 tengah malam hingga 6.30 pagi pada hari biasa (week days) bagi tujuan mencegah kesesakan trafik di bandaraya Kuala Lumpur. Jikalau tidak, sila berikan sebab-sebabnya; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk meluluskan satu regulasi atau undang-undang untuk kenderaan-kenderaan besar komersial yang perlu melalui Kuala Lumpur dari Utara ke Selatan supaya menggunakan jalan-jalan yang tertentu dari pukul 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari, pukul 2.00 petang hingga pukul 4.00 petang dan pukul 12.00 tengah malam hingga 6.30 pagi pada hari biasa (week days) untuk tujuan mencegah kesesakan trafik di bandaraya Kuala Lumpur. Jika tidak, sila berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):

- (a) Pihak Kerajaan telah pun mempunyai kaedah-kaedah untuk mengawal kerja punggah memunggah barangan yang dinamakan sebagai Kaedah-Kaedah Kenderaan Barangan (Punggah Memunggah) (Kuala Lumpur) 1962 yang telah diwartakan di bawah Ordinan Lalulintas Jalan 1958. Kaedah-kaedah ini telah dikuatkuasakan pada Ihb Disember 1962.

Di bawah kaedah-kaedah ini, masa-masa bagi kerja punggah memunggah barangan dari kenderaan, kecuali pada hari Ahad, adalah seperti berikut:

- (1) sehingga 7.30 pagi;
- (2) dari 9.30 pagi sehingga 12.00 tengahari; dan
- (3) dari 2.30 petang, kecuali antara pukul 4.30 petang hingga 5.30 petang.

Jalan-jalan yang tertakluk kepada kaedah-kaedah ini adalah seperti berikut:

- (1) Jalan Tuanku Abdul Rahman;
- (2) Jalan Dang Wangi;
- (3) Jalan Tun Perak;
- (4) Jalan Pudu;
- (5) Jalan Sultan;
- (6) Jalan Tun H.S. Lee;
- (7) Jalan Petaling;
- (8) Jalan Hang Lekiu;
- (9) Leboh Ampang;
- (10) Medan Pasar;
- (11) Leboh Pasar Besar;
- (12) Benteng;
- (13) Jalan Melaka;
- (14) Jalan Gereja;
- (15) Jalan Mahkamah Tinggi;
- (16) Jalan Silang;
- (17) Jalan Ampang antara persimpangannya dengan Jalan Melaka dan Jalan Gereja; dan
- (18) Jalan Hang Kasturi antara persimpangannya dengan Jalan Yap Ah Loy dan Jalan Cheng Lock.

Disebabkan pertambahan kesesakan lalulintas, pihak DBKL akan membuat kajian untuk meminda kaedah-kaedah sedia ada untuk memasukkan jalan-jalan lain yang mengalami kesesakan lalulintas di bawah peruntukan-peruntukan kaedah-kaedah ini.

- (b) Pihak Kerajaan telah pun mempunyai perintah yang dinamakan sebagai Perintah (Kereta Berjalan Lambat) (Sekatan Penggunaan Jalan) Kuala Lumpur 1972 bertujuan melarang penggunaan jalan-jalan tertentu oleh kereta berjalan lambat pada waktu puncak pagi dan petang. Perintah ini telah diwartakan di bawah Ordinan Lalulintas Jalan 1958 pada 23hb Oktober 1972.

Di bawah Perintah ini, kereta berjalan lambat tidak dibenar menggunakan jalan-jalan tertentu seperti yang telah disenaraikan di dalam warta, pada waktu puncak pagi (7.00 pagi hingga 9.30 pagi) dan waktu puncak petang (4.00 petang hingga 6.00 petang) pada setiap hari kecuali pada hari Ahad dan hari kelepasan am.

Jalan-jalan yang telah disenaraikan di dalam Perintah (Kereta Berjalan Lambat) (Sekatan Penggunaan Jalan) Kuala Lumpur 1972 adalah seperti berikut:

- (1) Jalan Syed Putra;
- (2) Jalan Pudu (antara simpangannya dengan Jalan Tun Perak dan simpangannya dengan Jalan Sungai Besi);
- (3) Jalan Tun Razak;
- (4) Jalan Ampang;
- (5) Jalan Pahang;

- (6) Jalan Ipoh;
- (7) Jalan Tuanku Abdul Rahman;
- (8) Jalan Tun Ismail;
- (9) Jalan Bangsar;
- (10) Jalan Travers;
- (11) Jalan Sultan Hishamuddin;
- (12) Jalan Sulaiman;
- (13) Jalan Hang Jebat;
- (14) Jalan Hang Tuah;
- (15) Jalan Bukit Bintang;
- (16) Jalan Raja Chulan;
- (17) Jalan Sultan Ismail;
- (18) Jalan P. Ramlee;
- (19) Jalan Kampung Attap; dan
- (20) Semua jalan raya yang termasuk ' di dalam kawasan Perdagangan Pusat Kuala Lumpur.

Memandangkan pertambahan bilangan kenderaan telah menyebabkan kesesakan lalulintas pada jalan-jalan lain selain dari jalan-jalan yang telah disenaraikan di dalam perintah berkenaan, kajian akan dilaksanakan oleh DBKL untuk memasukkan jalan-jalan tersebut ke dalam Perintah ini.

KEGIATAN PEMBALAKAN— GARIS PANDUAN

35. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan garis panduan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri mengenai kegiatan pembalakan.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Garis panduan mengenai kegiatan pembalakan telah disediakan kepada Kerajaan Negeri

supaya kegiatan tersebut dapat dijalankan mengikut prinsip pengurusan hutan secara berkekalan berdasarkan kaedah perolehan berkekalan (dengan izin, sustained yield) dan tanpa mengakibatkan kerosakan dan pencemaran yang berlebihan kepada sumber hutan serta persekitaran. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri adalah sentiasa dinasihatkan supaya memastikan semua pembukaan kawasan hutan dibuat mengikut fasa atau blok berasaskan Unit Pengurusan Hutan (dengan izin, Porest Management Unit) secara berkelompok di semua daerah pentadbiran hutan dengan mematuhi sepenuhnya Catuan Tebangan Tahunan (CTT) yang ditetapkan bagi sesuatu daerah sejajar dengan Rancangan Kerja Hutan (Porest Working Plan) yang telah diluluskan.

PINDAAN PERLEMBAGAAN— URUSAN PERSEMPADAN

36. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan Suruhanjaya Pilihanraya sudah menarik balik cadangan persempadanan semula bahagian pilihanraya sebagai satu cara untuk menyelamatkan diri sendiri daripada terus menjadi malu dan kalah kerana tindakan DAP untuk mendapat perintah mahkamah tentang kesalahan persempadanan, adakah Kerajaan ber-setuju untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan kebebasan dan integriti Suruhanjaya Pilihanraya dengan menjadikannya bertanggungjawab kepada Parlimen dan bukan kepada Kerajaan sebagaimana yang ditunjukkan menerusi cara yang tidak demokratik dan tidak berperlembagaan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam persempadanan semula bahagian pilihanraya baru-baru ini jelas menunjukkan bahawa ia bekerja di bawah pengaruh parti memerintah dan tidak bebas. Juga nyatakan amaun wang awam yang dibazirkan akibat pembatalan cadangan persempadanan semula.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Soalan ini menunjukkan ketidakjujuran dan kurang faham tentang apa tugas dan Cungi Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya adalah bebas dan tidak tertakluk kepada kehendak mana-mana pihak dan tindakannya adalah sentiasa adil. Soalan takut atau malu kalah apabila disaman oleh DAP tidak timbul dan tidak perlu diambil kira apabila Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan urusannya.

Buat masa kini, Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan Perlembagaan mengenai urusan persempadanan semula bahagian pilihanraya adalah sesuai dan memadai. Tidak ada wang dibazirkan. Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM198,000 telah dibelanjakan oleh Suruhanjaya Pilihanraya bagi menjalankan urusan persempadanan yang telah dibatalkan.

ORANG PELARIAN—JUMLAH

37. Tuan Haji Ishak bin Arshad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah orang pelarian yang telah masuk ke negara ini sehingga sekarang;
- (b) dari negara manakah mereka itu datang;
- (c) jumlah orang pelarian yang telah pun ditempatkan semula di negara ketiga;
- (d) jumlah orang pelarian yang dihantar balik ke negara asal;
- (e) jumlah yang masih berada di negara ini; dan
- (f) perbelanjaan yang terlibat yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Ong Ka Ting: Pada masa ini, jumlah orang pelarian yang masuk ke negara ini ialah seramai 57,197 orang.

Kesemua mereka adalah dari Filipina. Pelarian ini tidak ditempatkan di negara ketiga, sebaliknya akan dihantar pulang ke Filipina apabila keadaan sesuai. Perbelanjaan mengurus mereka ditanggung oleh pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian (UNHOR).

KEJADIAN-KEJADIAN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG— PENYIASATAN

38. Tuan Kerk Kim Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bagaimana Shamsul Ramli yang ditemui mati di tayar pesawat 747-200 Penerbangan Malaysia di Johannesburg pada 15hb Mac 1993 dapat menyusup ke kapal terbang itu;
- (b) bagaimanakah Ariff Salleh dapat masuk ke dalam pesawat jenis B737-400 Penerbangan Malaysia di Terminal 1 pada 2-4-1993 tanpa disedari oleh pengawal keselamatan; dan
- (c) berapakah orang kakitangan/pengawal Penerbangan Malaysia, Jabatan Penerbangan Malaysia dan Malaysia Airport Berhad dikenakan tindakan tatatertib bersabit dengan kejadian-kejadian tersebut.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- (a) Penyiasatan mengenai kes Shamsul Ramli yang ditemui mati dalam ruang tayar pesawat 747-200 Penerbangan Malaysia di Johannesburg sedang dijalankan oleh satu Lembaga Penyiasat yang ditubuhkan oleh Kementerian Pengangkutan. Oleh kerana penyiasatan ini masih berjalan,

buat masa ini saya tidak dapat menyatakan bagaimana Samsul Ramli dapat menyusup ke pesawat tersebut.

- (b) Hasil penyiasatan Polis menunjukkan bahawa Ariff Salleh telah masuk ke dalam kawasan udara atau 'airside' dengan cara melintasi conveyor begasi di sebelah kanan kaunter tiket Kelas Pertama di Terminal 2. Selepas Ariff Salleh masuk ke kawasan 'airside', beliau terus menuju ke arah sebuah kapalterbang yang dipakir di Bay 20, iaitu kira-kira 150 meter dari 'conveyor belt'.
- (c) Soalan ini tidak berbangkit buat masa ini. Walau bagaimanapun, jika didapati terdapat kakitangan yang cuai dalam menjalankan tugas mereka, tindakan tatatertib akan dikenakan.

BON SIMPANAN MALAYSIA— SAMBUTAN

39. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Kewangan menyatakan sambutan terhadap Bon Simpanan Malaysia yang dilancarkan baru-baru ini dan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengadakan pelancaran baru. Jika ada, bila dan jumlahnya dan bagaimanakah keuntungan terhasil berbanding dengan pelaburan dalam ASN/ASB.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Bon Simpanan Malaysia telah dilancarkan pada 16hb Pebruari, 1993. Walaupun dirancang untuk dijual dalam tempoh sebulan, terbitan tersebut telah mendapat sambutan yang sungguh menggalakkan. Tawaran permulaan pada nilai nominal sebanyak RM1 bilion telah menerima langganan lebih dalam masa tiga hari sahaja, dengan hasil perolehan sebanyak RM948 juta atau sebanyak RM1.4 bilion pada nilai nominal. Bon tersebut, dengan pulangan tanpa cukai sebanyak 48% pada akhir tempoh 5 tahun, telah menarik

minat pelabur. Walaupun pulangan ini adalah lebih rendah daripada pulangan ASB (12.5%) dan ASN (8.25%) bagi tahun 1992, ianya adalah lebih tinggi daripada kebanyakan alat tabungan lain yang ada pada hari ini.

Mengenai persoalan sama ada terbitan baru akan dilancarkan atau tidak, Kerajaan sedang mengkaji profil dan menilai kesan daripada terbitan pertama Bon tersebut sebelum mengambil keputusan untuk membuat terbitan yang lain. Ini adalah untuk memastikan yang Kerajaan dapat mencapai matlamatnya dalam menyemai tabiat menabung dan mewujudkan tabungan baru dan bukan menggalakkan peralihan tabungan daripada institusi kewangan kepada Kerajaan.

LEBUHRAYA GURUN-ALOR SETAR—KOS PEMBINAAN

40. Tuan Haji Mohamad hin Sabu minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah kos pembinaan semula Lebuhraya Gurun-Alor Setar.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Gurun-Alor Setar adalah sebahagian dari Lebuhraya Utara-Selatan yang diswastakan kepada PLUS Berhad.

Mengikut Syarikat PLUS Berhad, kos pembinaan semula Lebuhraya Gurun-Alor Setar yang dijangka siap pada akhir tahun 1993 ialah RM30.65 juta. Kos ini meliputi kerja-kerja berikut:

	RM
(a) Penurapan semula permukaan Lebuhraya dengan kaedah "Hot Inplace-Re-cycling"	18.35 juta
(b) Pembaikan kepada mendapan Lebuhraya dengan kaedah "stone column"	12.30 juta
Jumlah	30.65 juta

Mengikut pihak PLUS lagi, perbelanjaan di atas tidak termasuk kos penyenggaraan am yang berjumlah RM1.38 juta setahun.

MUSIM PERAYAAN—MASALAH

41. Dr. Nawawi bin Mat Awin minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- sama ada beliau sedar bahawa walaupun berbagai kenyataan dan amaran telah dibuat tiap-tiap tahun sebelum hari-hari perayaan, kekecohan, penipuan dan penindasan terhadap orang ramai yang memerlukan perkhidmatan pengangkutan di masa perayaan terus berleluasa seperti di masa Hari Raya Adil Fitri baru-baru ini; dan
- sama ada beliau akan mewujudkan pendekatan-pendekatan baru dan tindakan-tindakan yang lebih berkesan untuk membanteras amalan-amalan tidak sihat yang berlaku di musim-musim perayaan dan yang mengakibatkan ramai, terutamanya golongan pendapatan rendah, mengalami kesusahan.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:

- Kerajaan memang menyedari bahawa semasa musim perayaan berlaku, beberapa insiden kekecohan, penipuan dan penindasan terhadap orang ramai.
- Kerajaan telah pun mewujudkan mekanisma bagi mengatasi masalah ini. Mekanisma berkenaan adalah dengan meluluskan Permit Perubahan Sementara atau Temporary Variation Permit, dengan izin, mengadakan pengkalan-pengkalan sementara dan mengadakan kaunter pertanyaan/pengaduan di perhentian bas. Di

samping itu, untuk menentukan supaya pengusaha-pengusaha pengangkutan awam mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan, tindakan penguatkuasaan akan terus diadakan dalam tempoh musim perayaan tersebut.

BURUH ASING—LANGKAH-LANGKAH KAWALAN

42. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah buruh asing yang telah berdaftar di negara ini setakat ini mengikut berbagai sektor; dan
- (b) apakah langkah kawalan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas pengambilan pekerja-pekerja asing.

Tuan Ong Ka Ting: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Jumlah buruh asing yang berdaftar dengan Jabatan Imigresen Malaysia sehingga kini ialah sebanyak 464,213 orang, Pecahan mengikut sektor adalah seperti berikut:

(i) Pembinaan	244,822 orang
(ii) Perladangan	106,245 orang
(iii) Perkhidmatan Pembantu Rumah	43,138 orang
(iv) Pembuatan/Perkilangan	37,756 orang
(v) Lain-lain Perkhidmatan	32,252 orang
	464,213 orang

- (b) Antara langkah-langkah kawalan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas pengambilan pekerja-pekerja asing ialah:

- (i) agensi-agensi pekerja asing diwajibkan membayar wang

cagaran (security deposit) sebelum dikeluarkan lesen untuk membawa masuk pekerja asing ke negara ini.

- (ii) setiap pekerja asing dikenakan bayaran wang cagaran (security bond) bersama bayaran-bayaran lain sebelum pas kerja dikeluarkan.

Wang cagaran tersebut akan disita sekiranya didapati agensi-agensi dan pekerja asing melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan dan pekerja berkenaan akan dihantar pulang ke negara asal.

- (iii) pekerja-pekerja asing diwajibkan menjalani pemeriksaan doktor dan disahkan tidak mengidap penyakit berjangkit.

PROGRAM PENSWASTAAN— BILANGAN KAKITANGAN. SEKTOR AWAM

43. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Perdana Menteri menyatakan sehingga ke hari ini melalui program penswastaan, berapa ramaikah bilangan kakitangan sektor awam dapat dikurangkan dan berapa banyakkah penjimatan perbelanjaan dari segi pembayaran gaji.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Sejak tahun 1985 hingga bulan April 1993, sebanyak 18 agensi/perkhidmatan Kerajaan telah diswastakan. Program ini telah dapat mengurangkan seramai 87,316 orang kakitangan sektor awam. Melalui program ini juga, Kerajaan telah dapat menjimatkan belanja emolumen sebanyak lebih kurang RM996.48 juta setahun.

PENJUALAN BARANG-BARANG TIRUAN—BILANGAN SERBUAN

44. Tuan Ibrahim bin Mustafa minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:

- (a) apakah tindakan Kementerian terhadap penjualan barang-barang tiruan, terutama ubat-ubatan serta pakaian yang berlaku dengan berleluasa;
- (b) nyatakan bilangan serbuan yang telah dibuat sepanjang tahun lepas dan apakah kejayaan yang telah dicapai; dan
- (c) sejauh manakah Akta Perihal Dagangan 1972 didapati cukup berkesan untuk menangani masalah ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar):

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memandang berat kegiatan membuat, mengedar dan menjual barang-barang tiruan yang terdapat di negara ini. Memandangkan kepada hakikat ini, Kementerian telah, sedang dan akan terus berusaha menghapuskan kegiatan yang tidak sihat ini. Tindakan-tindakan berterusan diambil agar negara ini tidak dibanjiri dengan barang-barang tiruan, khususnya ubat-ubatan serta pakaian. Bagi maksud ini, Kementerian sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja, Polis DiRaja Malaysia, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya dalam usaha membanteras pembuatan, pengedaran dan penjualan barang-barang tiruan.

'Ingin dijelaskan bahawa aduan berkenaan pembuatan, pengedaran dan penjualan ubat-ubatan dan pakaian tiruan diberikan keutamaan serta perhatian yang berat oleh Kementerian dengan mengambil tindakan serbuan dan pemeriksaan dengan segera.

- (b) Sepanjang tahun 1992, sebanyak 1,086 serbuan berhubung dengan pembuatan, pengedaran dan penjualan barang-barang tiruan di seluruh negara telah dibuat dengan menghasilkan 866 kes dengan nilai rampasan barang-barang berjumlah RM2,907,021.77. Dari jumlah ini, 105 kes melibatkan urusaniaga pakaian tiruan dengan nilai rampasan berjumlah RM 179,433.60 dan 68 kes melibatkan urusaniaga ubat-ubatan tiruan dengan nilai rampasan berjumlah RM9,613.90.

- (c) Akta Perihal Dagangan 1972 adalah satu Akta yang digubal khusus untuk menentukan tidak ada sebarang penyelewengan dalam urusaniaga di negara ini khususnya pembuatan, pengedaran dan penjualan barang-barang tiruan. Dalam hubungan ini, pengwujudan Akta ini telah memberi kesan positif dalam tindakan berterusan. Kementerian menghapuskan penyelewengan atau salah perihal ke atas sesuatu barangan yang ditawarkan untuk jualan kepada para pengguna di semua peringkat. Dengan kata lain, Kementerian mendapati bahawa Akta Perihal Dagangan 1972 telah berjaya mencapai objektifnya sebagai suatu undang-undang yang mengawalselia apa-apa penyelewengan atau salah perihal ke atas barang-barang, perkhidmatan, kemudahan dan tempat tinggal.

PEMBINAAN LAPANGAN TERBANG DI BINTULU, SARAWAK

45. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah pihak Kerajaan bersetuju membina lapangan terbang di Bintulu, Sarawak, memandangkan pembangunan perindustrian pesat di situ dan keperluan penumpang yang kian bertambah.

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Projek Lapangan Terbang Baru Bintulu adalah di antara projek-projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6). Proses pengambilan balik tanah untuk projek ini sedang berjalan. Adalah dijangkakan kerja-kerja rekaan terperinci dapat dimulakan pada pertengahan tahun ini supaya kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan pada akhir tempoh RM6.

PENDATANG HARAM— MASALAH

46. Tuan Joseph Voon Shin Choi minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa masalah pendatang haram lebih teruk daripada masalah pembalakan haram di Sabah. Kalau sedar, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kuasa kepada angkatan tentera untuk menangkap para pendatang haram yang memasuki Wilayah Malaysia secara haram tanpa dokumen perjalanan. Kalau benar, bilakah Kerajaan akan melaksanakan dasar ini. Kalau tidak, kenapakah masalah pembalakan haram dianggap lebih penting dari masalah pendatang haram di Sabah. Apakah bukti-bukti kukuh yang menjadi asas kepada keputusan dasar Kerajaan ini.

Tuan Ong Ka Ting: Kerajaan tidak bercadang memberi kuasa kepada pihak tentera untuk menangkap pendatang tanpa izin yang memasuki negara ini. Kawalan ke atas pendatang tanpa izin

yang dilaksanakan oleh agensi-agensi penguatkuasa yang sedia ada adalah memadai.

Dakwaan Ahli Yang Berhormat menyatakan Kerajaan lebih memberi perhatian kepada masalah pembalakan haram dari menangani masalah pendatang tanpa izin adalah tidak benar.

Di sini sukalah saya tegaskan bahawa perlakuan yang bersalahan dengan undang-undang dan peraturan negara akan diambil tindakan sewajarnya, termasuklah kegiatan pembalakan haram di Sabah.

LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN (LDA)—PERLANTIKAN ANAK WATAN LABUAN

47. Tuan Joseph Voon Shin Choi minta Menteri Kewangan menyatakan adakah benar bahawa tidak ada wakil anak tempatan Labuan dalam Lembaga Pembangunan Labuan (LDA). Kalau benar, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk melantik anak watan, Labuan sebagai wakil dalam Lembaga itu seterusnya. Adakah Kerajaan bercadang untuk melantik anak Labuan sebagai Presiden Majlis Perbandaran Labuan.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Perlantikan ahli-ahli Lembaga, Lembaga Pembangunan Labuan adalah dibuat mengikut seksyen 5(1), Akta Lembaga Pembangunan Labuan, 1992. Pada masa ini, daripada 6 ahli Lembaga Pembangunan Labuan, seorang adalah anak tempatan Labuan.

Mengenai Majlis Perbandaran Labuan, perlantikan Presiden Majlis Perbandaran Labuan adalah berdasarkan kepada kesesuaian dan pengalaman seseorang pegawai tanpa mengira sama ada ia anak tempatan atau tidak. Pada masa ini, Presiden adalah bukan anak tempatan.

PENUKARAN KAD PENGENALAN LAMA KEPADA BARU—GERAKAN

48. Tuan Maidom P. Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa jika benar gerakan penukaran kad pengenalan lama kepada baru adalah atas arahan Kerajaan Pusat, mengapakah:

- (a) para Pegawai Jabatan Pendaftaran tidak mengadakan lawatan ke kampung-kampung demi untuk memudahkan masyarakat kampung membuat penukaran kad pengenalan mereka (seperti yang telah dilakukan oleh para pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran ketika mula-mula membuat kad pengenalan dahulu);
- (b) benarkah mereka yang menukarkan kad pengenalan lama kepada yang baru dikehendaki membuat pembayaran kepada Jabatan Pendaftaran (selain daripada harga setem); Kalau ya, mengapakah kadar bayaran itu tidak sama iaitu ada yang hanya setakat RM14.00, ada yang dikenakan RM80.00, ada pula RM120.00, RM250.00 bahkan ada sampai RM550.00. (Ini berlaku di daerah Kota Belud. Kalau ini dianggap tidak benar, saya mohon kepada Kerajaan agar menubuh suatu badan bebas untuk membuat kajian ke atas perkara ini sama ada benar atau tidak). Kalau ianya memang benar kerana peraturannya memang begitu, adakah benar bahawa ianya tidak payah mengeluarkan resit kepada pembayar seperti yang terjadi di Kota Belud sekarang ini;
- (c) Kalau seseorang yang tergolong sebagai rakyat termiskin tidak dapat menukar kad pengenalannya disebabkan ketermiskinannya, apakah kesalahan yang

boleh dikenakan kepadanya. Di bawah peraturan apakah ianya boleh disabitkan kesalahan; dan

- (d) apakah caranya untuk memohon pengecualian daripada pembayaran yang dikenakan.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Di Semenanjung Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara tidak mengadakan lawatan di kampung-kampung kerana terdapat kemudahan perhubungan dan pejabat-pejabat Pendaftaran Negara yang berdekatan. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, khususnya di pedalaman, lawaian ke kampung-kampung pedalaman telah pun dibuat melalui Unit Bergerak Jabatan Pendaftaran Negara dan perkhidmatan ini akan terus diberikan untuk kemudahan rakyat di sana.
- (b) Semua bayaran bagi penukaran kad pengenalan dikutip dalam bentuk setem di mana bayaran bagi pendaftaran untuk menukar kad pengenalan ialah sebanyak RM4.00. Walau bagaimanapun, kadar bayaran akan bertambah jika seseorang dikenakan bayaran denda kompaun kerana kelewatan gantian kad pengenalannya di mana bayaran kompaun minima RM20.00 dan maksimumnya tidak melebihi RM200.00. Kesemua bayaran yang dikenakan, termasuk bayaran kompaun, adalah dalam bentuk setem dan tiada resit tertentu dikeluarkan. Setem tersebut akan dilekatkan ke atas borang khas iaitu JPN 1/16 di mana pemohon dikehendaki menandatangani borang tersebut.
- (c) Tiada sesiapa pun dikecualikan daripada menukar kad pengenalan baru. Sesiapa yang gagal mematuhi kehendak Peraturan 28(2), Peraturan-peraturan

Pendaftaran Negara 1990 adalah melakukan kesalahan yang boleh dikenakan penjara atau denda atau kedua-duanya sekali.

- (d) Bayaran pendaftaran bagi menukar kad pengenalan sebanyak RM4.00 boleh dikecualikan mengikut budibicara pegawai pendaftaran atas alasan kemiskinan, daif dan sebagainya. Walau bagaimanapun, bayaran bagi mereka yang dikenakan kompaun kerana kelewatan gantian kad pengenalan tidak boleh dikecualikan tetapi ianya boleh dipertimbangkan oleh pegawai pendaftaran mengikut kadar dengan mengambil kira jua kemampuan kewangan pemohon.

PENGARUH MEDIA ELEKTRONIK DAN CETAK— KAJIAN

49. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian membuat kajian dan penyelidikan atas keberkesanannya pengaruh media elektronik dan cetak kepada pandangan, pendirian dan psikologi anak-anak muda di negara ini;
- (b) adakah benar pengaruh yang didapati menunjuk di dalam majalah-majalah dan televisyen yang sentiasa mempamerkan anak-anak Melayu yang beraksi dan bergambar telah mempengaruhi anak-anak Melayu lebih dari bangsa lain; dan
- (c) adakah benar pengaruh inilah puncanya kemerosotan moral dan akhlak anak-anak Melayu, maka terdapat lebih banyak anak-anak Melayu yang terjerumus menjadi penagih dadah dan pengidap penyakit AIDS. Adakah Kementerian bercadang untuk

mengurangkan pameran anak-anak Melayu di dalam kaca televisyen dan media.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey):

- (a) Kementerian Penerangan belum lagi membuat kajian atau penyelidikan atas pengaruh media elektronik dan cetak terhadap pandangan, pendirian dan saikologi anak-anak muda di negara ini tetapi ingin saya jelaskan di sini bahawa Kementerian ini berpandukan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pihak institusi tinggi dan juga institusi yang lain yang berkaitan dengan anak-anak muda di negara ini supaya pengaruh-pengaruh media elektronik dan cetak membawa kesan yang positif, baik dari segi saikologi, sosial dan juga pembawaan diri mereka, supaya mereka tidak mudah kalah kepada gejala yang negatif yang masih ada di dalam negeri atau di luar negeri.
- (b) Majalah dan siaran TV adalah untuk semua kaum. Ianya boleh mempengaruhi semua bangsa di Malaysia. Majalah-majalah dan siaran TV yang menggambarkan anak-anak Melayu dapat mempengaruhi anak-anak bukan Melayu dan sebaliknya.
- (c) Kementerian ini menyiarkan melalui TV apa yang patut disiarkan untuk masyarakat. Adalah tidak benar bahawa siaran-siaran ini mengakibatkan keruntuhan, kemerosotan moral, dan akhlak anak-anak Melayu sehingga ramai di antara mereka yang menjadi penagih dadah dan penghidap AIDS. Penyakit AIDS dan pengedar dadah adalah masalah sosial. Punca-punca masalah-masalah ini adalah disebabkan oleh banyak faktor.

Kementerian ini bersama dengan Kementerian-kementerian lain terus berusaha untuk membanteras masalah sosial, kesihatan dan lain-lain supaya ianya tidak menjejaskan pembangunan bangsa Malaysia sejajar dengan Wawasan 2020.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE IRAN—HASIL

50. Tuan Haji Awang bin Jabar minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hasil lawatan Perdana Menteri ke Iran; dan
- (b) adakah terdapat perbezaan antara Syiah di Iran dengan Syiah yang terdapat di Malaysia.

Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) Izinkan saya memaklumkan bahawa terdapat beberapa lagi pertanyaan daripada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mengenai perkara yang sama iaitu mengenai kejayaan atau hasil lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Islam Iran. Pertanyaan-pertanyaan tersebut ialah daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohamad bin Abdullah (27-4-93), Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan (27-4-93), Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (28-4-93), Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (28-4-93), Yang Berhormat Tuan Haji Mahbud bin Haji Hashim (5-5-93) dan Yang Berhormat Tuan Wong Sing Nang (20-5-93). Pertanyaan berkenaan telah pun saya jawab pada 27-4-93.
- (b) Mengikut maklumat yang ada pada pihak kerajaan, tidak terdapat perbezaan di antara Syiah

di Iran dengan Syiah yang terdapat di Malaysia kerana penyebaran fahaman gerakan Syiah di Malaysia merupakan lanjutan daripada dasar luar negara Iran yang ada hubungannya dengan revolusi di negara tersebut. Walau bagaimanapun, sudah terdapat usaha-usaha positif Kerajaan Iran untuk memperdekatkan fahaman di antara golongan Syiah dengan Sunni demi menjaga perpaduan ummah.

SIJIL KELAHIRAN DAN KAD PENGENALAN PALSU—JUMLAH

51. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan palsu yang sudah ditemui di seluruh negara;
- (b) nyatakan bilangan mengikut negeri bagi:
 - (i) Sijil Kelahiran palsu;
 - (ii) Kad Pengenalan palsu.
- (c) Apakah ciri-ciri atau perbezaan jelas di antara:
 - (1) Sijil Kelahiran palsu dengan Sijil Kelahiran sah/betul;
 - (ii) Kad Pengenalan palsu dengan Kad Pengenalan yang sah; dan
- (d) Apakah tindakan yang sudah diambil oleh pihak Kerajaan untuk mengatasi masalah ini dan apakah hukuman yang sudah dan akan dijatuhkan kepada mereka yang memalsukan Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan tersebut.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Semenjak tahun 1990 hingga Mac 1993, sebanyak 10 Sijil Kelahiran dan 2,173 Kad Pengenalan palsu telah dikesan di seluruh negara.

- (b) (i) Bilangan Sijil Kelahiran palsu mengikut pecahan negeri ialah 1 di Perak, 5 di Selangor, 3 di Wilayah Persekutuan dan 1 di Johor.
- (ii) Manakala bilangan Kad Pengenalan palsu bagi Negeri Selangor 680, Wilayah Persekutuan 526, Sabah 828, Sarawak 49, Negeri Sembilan 41, Johor 25, Perak 14, Pulau Pinang 6, Pahang 3 dan Kelantan 1.
- (c) (i) Sijil Kelahiran yang sah mengandungi ciri-ciri keselamatan seperti nombor daftar yang bersiri mengikut daftar negeri dan ibu pejabat, 'water mark', mutu kertas dan tanda-tanda keselamatan yang boleh dilihat di bawah cahaya 'ultra violet'.
- (ii) Ciri-ciri atau perbezaan kad pengenalan palsu pula dapat dikenalpasti melalui 3 aspek penting iaitu plastik penyalut, kertas kad pengenalan dan ciri-ciri keselamatan.
- (d) Tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini dengan memperkenalkan Kad Pengenalan bermutu tinggi, mengenakan syarat-syarat tertentu kepada mereka yang kehilangan dokumen-dokumen berkenaan dan seterusnya menangkap mereka yang terlibat dengan pemalsuan dokumen tersebut. Mereka yang telah disabitkan dengan kesalahan boleh dihukum di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, Peraturan Pendaftaran Negara 1990 dengan hukuman maksima 2 tahun penjara atau denda RM3,000 atau kedua-duanya sekali dan Akta Pendaftaran Kelahiran/Kematian 1957 dengan hukuman 1 tahun penjara atau denda RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

BORANG DAFTAR LEWAT KAD PENGENALAN—MASALAH

52. Tuan George Sangkin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa berlakunya kesukaran untuk mendapatkan borang untuk pendaftaran lewat Kad Pengenalan di Pejabat Pendaftaran Daerah Kota Marudu, Sabah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Jabatan Pendaftaran untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Ong Ka Ting: Permintaan borang daftar lewat Kad Pengenalan di Pejabat Pendaftaran Daerah Kota Marudu yang semakin meningkat telah menyebabkan kehabisan pembekalannya. Walau bagaimanapun, pada ketika ini borang-borang tersebut telah dapat dibekalkan.

RANCANGAN MALAYSIA KEENAM—JUMLAH PERBELANJAAN

53. Dr. Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan setakat manakala semua rancangan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dapat dilaksanakan dan apakah jumlah perbelanjaan. Bilakah Kajian Separuh Penggal untuknya dapat dibentangkan di dalam Dewan ini. Apakah kelemahan-kelemahannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan berusaha untuk melaksanakan semua program dan projek yang telah dicadangkan untuk dilaksanakan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam (RM6). Bagi tahun 1991 dan 1992, sebanyak RM19.4 ribu juta telah dibelanjakan iaitu lebih kurang sebanyak 80% daripada peruntukan yang disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan membentangkan Dokumen Kajian Separuh Penggal RM6 pada bulan Disember 1993. Dokumen ini akan mengandungi

penilaian kemajuan pelaksanaan dasar pembangunan negara secara keseluruhan, prestasi pelaksanaan program dan projek di dalam tempoh kajian serta prospek pelaksanaannya di dalam Separuh Penggal Kedua RM6 nanti. Setakat ini tidak ada sebarang kelemahan yang telah dikenalpasti.

TAHAP TEKNOLOGI DI NEGARA—PENCAPAIAN

54. Dr. Tan Seng Giaw minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, apakah tahap teknologi yang tercapai di negara ini. Apakah kriteria yang telah digunakan. Bagaimana teknologi ini diperolehi. Setakat manakah penyelidikan tempatan dapat memberi sumbangan kepada teknologi ini. Apakah amaun yang telah diperuntukkan bagi penyelidikan untuk tahun-tahun 1989, 1990, 1991, 1992 dan 1993.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tahap teknologi di negara ini adalah memuaskan. Kerajaan telah menyediakan Pelan Tindakan Teknologi Kebangsaan bagi pembangunan perindustrian pada tahun 1990. Pelan Tindakan tersebut digunakan sebagai panduan dan rujukan bagi pembangunan teknologi di negara ini. Dari segi R & D, Malaysia perlu mempertingkatkan lagi aktiviti tersebut memandangkan perbelanjaan R & D hanya 0.8% Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Kerajaan telah menetapkan bahawa Malaysia patut mencapai perbelanjaan R & D dalam lingkungan 1.6% KDNK pada tahun 2000.

Berhubung dengan perolehan teknologi, negara telah banyak bergantung kepada pelaburan luar negeri di mana syarikat-syarikat asing telah membawa masuk teknologi untuk mewujudkan tahap pengeluaran barang-barang bermutu untuk pasaran luar negeri. Kebanyakan syarikat-syarikat tempatan, khususnya perusahaan kecil

dan sederhana, memperolehi teknologi mereka melalui pembelian mesin daripada syarikat asing dan tempatan.

Kerajaan telah pun mengarahkan supaya institusi penyelidikan mewujudkan hubungan rapat dengan industri serta memindahkan teknologi kepada syarikat-syarikat tempatan. Kerajaan juga telah menubuhkan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) untuk membantu memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan secara usahasama dengan syarikat tempatan.

Kerajaan memberikan tumpuan yang khusus bagi pembangunan teknologi di negara ini melalui Program Penyelidikan dan Pembangunan di mana mekanisme TRPA (penumpuan penyelidikan di bidang keutamaan) telah wujud dan beroperasi mulai tahun 1988. Lima sektor yang di bawah mekanisme ini ialah Sektor Pertanian, Perindustrian, Perubatan, Sains Sosial dan Strategik di mana peruntukan yang diberikan pada tahun 1989 ialah RM97.21 juta, tahun 1990—RM98.42 juta, tahun 1991—RM156.10 juta, tahun 1992—RM137.94 dan tahun 1993—RM118.08 juta.

KEJADIAN KEGAGALAN BEKALAN ELEKTRIK— TINDAKAN DIAMBIL

55. Tuan Wong Wing On minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan Tindakan atau langkah-langkah yang Positif yang telah diambil untuk menyalak Kejadian Kegagalan Bekalan Elektrik yang berlaku pada jam lebih Kurang 11.00 malam 30-3-93 dan mengakibatkan Letupan serta Kerosakan alat-alat elektrik kepunyaan penduduk-penduduk Blok S, Taman Kampar, 31900 Kampar, Negeri Perak Darul Ridzuan (Rujuk kepada Report Polis 1417/93), dan juga nyatakan:

- (a) pampasan atau Kompensasi yang boleh dituntut oleh penduduk-penduduk berkenaan;

- (b) bila pampasan atau kompensasi dapat diberi dan;
- (c) Tindakan atau langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menjamin bahawa kemalangan sedemikian tidak akan berlaku lagi di tempat tersebut dan juga tempat-tempat yang lain.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Kerosakan alat-alat elektrik kepunyaan penduduk-penduduk Blok S, Taman Kampar pada 50hb Mac, 1993, lebih kurang jam 11.00 malam, disebabkan oleh lebihan voltan (over voltage). Lebihan voltan ini berlaku apabila dawai bumi ke peti sambung telah tercabut, yang mana sekaligus menyebabkan voltan bekalan di rumah-rumah berkenaan mengalami kerosakan. Pihak TNB telah membuat laporan mengenai kejadian ini kepada pihak berkuasa Jabatan Bekalan Elektrik (JBE) untuk siasatan seterusnya. TNB telah menjalankan kerja-kerja pembaikan penyambungan dawai bumi yang tercabut itu.

- (a) Pihak TNB telah pun menerima tuntutan kerugian dari segolongan penduduk-penduduk terlibat dan sedang mengkaji butiran-butiran senarai barang-barang yang didakwa rosak dalam kejadian itu.
- (b) Pihak TNB akan mempertimbangkan pembayaran pampasan sekiranya JBE mendapati kerosakan yang berlaku terhadap barang-barang kepunyaan penduduk-penduduk di situ adalah akibat dari kejadian voltan berlebihan kerana kecuaiannya. Jumlah tuntutan yang telah dibukti dan disahkan akan dikemukakan kepada pihak Insurans TNB. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pihak JBE masih menjalankan penyiasatan mengenai kejadian ini.

- (c) Ingin dimaklumkan bahawa TNB telah mengambil tindakan-tindakan berikut untuk mengelakkan kejadian seperti ini tidak berlaku pada masa depan:

- (i) telah menukar dawai yang lama kepada yang baru;
- (ii) telah dan akan mengseimbangkan beban untuk setiap masa;
- (iii) memeriksa dari masa ke semasa keadaan pendawaian; dan
- (iv) mengalu-alukan kerjasama orang awam untuk memberi laporan jika mereka mengesyaki keadaan luar biasa yang berlaku kepada pemasangan dan peralatan TNB di Kawasan mereka.

DASAR PENDIDIKAN DUA HALA DENGAN REPUBLIK RAKYAT CHINA— PERLAKSANAAN

56. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan dasar pendidikan dua hala dengan Republik Rakyat China yang mana penuntut-penuntut kita sama ada sekolah Kerajaan mahupun swasta boleh melanjutkan pelajaran ke sana, dan penuntut-penuntut mereka melanjutkan pelajaran di sini, bagi membolehkan negara mengimport kepakaran dan keilmuan dengan lebih meluas.

Dr. Leo Michael Toyad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai dasar, pada masa ini Kementerian Pendidikan belum lagi bercadang menjalankan pendidikan dua hala dengan Republik Rakyat China yang membenarkan penuntut-penuntut sekolah Kerajaan dan sekolah swasta melanjutkan pendidikan di negara tersebut ataupun sebaliknya. Walau bagaimanapun, pada

masa ini terdapat sebilangan kecil pelajar dari negara Republik Rakyat China yang mengikuti kursus di Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

PEMBINAAN JAMBATAN RAJANG DI DURIN— PELAN-PELAN

57. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kerja Raya menyatakan langkah apakah pelan-pelan Kementerianya sekarang atas cadangan membina jambatan nienyeberang Sungai Rajang di mana feri yang digunakan sekarang untuk menyambung Lebuhraya Kuching-Bintulu dan Miri. Kerana Lapangan Terbang Sibu yang baru akan siap tidak lama lagi, feri yang digunakan masa kini tidak dapat digunakan kerana terlalu banyak kereta dari kedua-dua tebing Sungai Rajang itu, apakah pelan-pelan buat sementara Kementerian itu untuk meringankan masalah itu.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sebanyak RM2 juta telah diluluskan untuk menjalankan kajian kemungkinan pembinaan Jambatan Rajang di Durin. Perlantikan juruperunding untuk kajian ini dijangka akan dapat ditentukan pada bulan Julai 1993. Permohonan peruntukan bagi pembinaan jambatan ini dijangka akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

KAD PENGENALAN DAN SIJIL BERANAK PALSU—JUMLAH BILANGAN DAN TINDAKAN

58. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan Kad Pengenalan palsu yang telah dikenalpasti oleh Kementerian;
- (b) jumlah bilangan Sijil Beranak palsu yang telah dikenalpasti oleh Kementerian, khususnya di Sarawak; dan

- (c) apakah tindakan yang akan diambil atau telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) bilangan Kad Pengenalan palsu yang dikenalpasti sejak tahun 1990 hingga Mac 1993 adalah sebanyak 2,173.
- (b) bilangan Sijil Kelahiran palsu bagi seluruh negara sejak tahun 1990 hingga Mac 1993 adalah sebanyak 10. Sehingga kini, tiada kes serupa itu dilaporkan di Negeri Sarawak.
- (c) tindakan yang telah dan akan diambil ialah mengenakan tindakan undang-undang kepada mereka yang terlibat. Projek KPT mengenakan syarat-syarat tertentu bagi dokumen-dokumen yang hilang dan meninggikan kualiti serta meningkatkan ciri-ciri keselamatan dokumen-dokumen berkaitan.

PENGETUA SEKOLAH RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH— JUMLAH

59. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah yang tidak mempunyai pengetua yang berkecualan di Sarawak, khususnya di Sibu; dan
- (b) apakah tindakan atau rancangan yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Dr. Leo Michael Toyad:

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini terdapat tujuh buah sekolah menengah di negeri Sarawak yang mempunyai pengetua yang tidak berkecualan. Walau bagaimanapun,

sekolah-sekolah tersebut mempunyai guru-guru yang berkemampuan untuk menjalankan tugas sebagai Pengetua atas dasar Khas Untuk Penyandang. Dua daripada jumlah sekolah tersebut terletak di Bahagian Sibuan. Manakala di sekolah rendah pula terdapat sejumlah 1,222 orang Guru Besar yang juga menjalankan tugas atas dasar yang sama. Daripada jumlah tersebut, 171 orang terdapat di Bahagian Sibuan, Sarawak. Keadaan ini timbul kerana pelaksanaan Dua Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan. Guru-guru besar ini sebelum pelaksanaan gaji dua skim adalah layak mengisi jawatan tersebut mengikut grad jawatan pada masa itu.

- (b) Urusan kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Bukan Siswazah sedang diuruskan untuk membolehkan jawatan berkenaan diisi secara haakiki.

PENUBUHAN AFTA— KEJAYAAN

60. Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang diperolehi di dalam usaha-usaha ke arah menubuhkan AFTA. Apakah halangan-halangan yang dihadapi baik dari dalam ASEAN dan juga dari luar ASEAN.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Dato' Seri Rafidah Aziz): Persidangan Ketua-ketua Kerajaan ASEAN ke 4 di Singapura pada bulan Januari 1992 telah mengenalpasti Skim CEPT (Common Effective Preferential Tariff) sebagai mekanisme utama penubuhan AFTA (Asean Free Trade Area) yang dijangka akan diwujudkan menjelang tahun 2007. Usaha-usaha ke arah penubuhan AFTA telah berjalan mengikut jadual yang dipersetujui. Tiap-tiap negara ASEAN telah mengumumkan

program pengurangan kadar tarif di bawah skim CEPT masing-masing. Di bawah persetujuan ini, tiap-tiap negara ASEAN bersetuju supaya kadar tarif di bawah Skim CEPT dilaksanakan mengikut dua cara, iaitu Trek Biasa (Normal Track) dan Trek Laju (Fast Track).

Di bawah Trek Laju, kadar tarif barangan yang terlibat akan diturunkan ke tahap 0% hingga 5% dalam jangka masa 7 hingga 10 tahun sementara di bawah Trek Biasa, kadar tarif barangan yang terlibat akan diturunkan ke tahap 0%-5% dalam jangka masa 10-15 tahun. Di dalam pelaksanaan penurunan kadar tarif, komitmen negara-negara anggota ASEAN adalah terhadap pencapaian kadar tarif 0%-5% dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Tarikh permulaan serta kadar penurunan tarif adalah terpulang kepada budibicara negara-negara anggota asalkan tarif matlamat dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis AFTA (AFTA Council) di peringkat Menteri telah ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan Skim CEPT ini serta penubuhan AFTA.

ASEAN tidak menghadapi sebarang halangan dalaman di dalam melaksanakan Skim CEPT atau penubuhan AFTA. Semua negara anggota telah sepakat dan memberikan komitmen untuk menjayakan usaha ini. Namun demikian, terdapat tekanan-tekanan dari pengusaha-pengusaha tempatan yang merasa terancam dari pelaksanaan Skim CEPT. Tekanan-tekanan ini tidak menjejaskan persefahaman di antara Kerajaan yang telah dicapai.

ASEAN juga tidak menghadapi sebarang halangan luaran, malahan telah menerima sokongan dari semua negara-negara maju rakan dialog ASEAN. Negara-negara ASEAN telah memberikan jaminan bahawa Skim CEPT/APTA adalah tidak bercanggah dengan peraturan-peraturan perdagangan GATT (General Agreement on Tariffs and Trade).

SKIM PINJAMAN NINJA— ADUAN

61. Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Haji Jarjis minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah Kementerian mengetahui terdapat satu skim pinjaman haram yang diberi nama Skim Pinjaman Ninja. Nama tersebut diberi kerana sipemberi pinjaman berkenaan memakai pakaian dan kenderaan serba hijau mirip ninja. Paedah yang dikenakan sangat tinggi iaitu \$13 sehari untuk pinjaman sebanyak \$1,000 dalam tempoh 100 hari. Skim pinjaman ini sangat berleluasa terutamanya di rancangan-rancangan FELDA Pahang Selatan. Akibat dari pergantungan kepada pinjaman jenis ini, ramai usahawan kecil di kawasan berkenaan yang telah gulung tikar;
- (b) kalau Kementerian mengetahui perkara ini, apakah tindakan yang akan diambil; dan
- (c) selain dari itu, apakah Kementerian mempunyai apa-apa cadangan untuk mengadakan skim pinjaman untuk usahawan kecil di rancangan tanah FELDA tanpa cagaran.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

- (a) Kementerian Kewangan setakat ini belum menerima apa-apa aduan daripada orang ramai mengenai wujudnya skim pinjaman haram yang diberi nama Skim Pinjaman Ninja yang dikatakan berleluasa, terutamanya di rancangan-rancangan FELDA di Pahang Selatan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkenaan kegiatan pemberian pinjaman wang seumpama itu adalah tertakluk di bawah Akta Pemberipinjam Wang 1951 dan sebarang kegiatan yang

disyaki melanggar peruntukan-peruntukan Akta itu seharusnya dilaporkan kepada pihak Polis untuk diambil tindakan sewajarnya. Kementerian Kewangan tidak mempunyai kuasa di bawah Akta tersebut.

- (c) Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan skim pinjaman khas tanpa cagaran kepada usahawan kecil di rancangan tanah FELDA. Ini adalah memandangkan bahawa pada masa ini telah sedia ada beberapa skim pinjaman tanpa cagaran yang dikendalikan oleh Syarikat Jaminan Kredit untuk semua golongan usahawan kecil. Ini termasuklah Skim Pinjaman Penjaja dan Peniaga Kecil dan Skim Pinjaman Khas Persatuan yang kedua-duanya menyediakan pinjaman tanpa cagaran dan tanpa penjamin sehingga RM 10,000.

SEKTOR INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA—PENCAPAIAN

62. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) pencapaian yang telah dicapai oleh sektor industri kecil dan sederhana di negara ini;
- (b) adakah pencapaiannya menyeluruh untuk semua sektor ekonomi;
- (c) apakah sumbangan yang diberikan oleh pelabur-pelabur asing terhadap perkembangan sektor ini. Adakah Kementerian berpuas hati dengan apa yang telah disumbangkan oleh pelabur asing terhadap perkembangan industri kecil dan sederhana di negara ini. Jika belum puas hati, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil; dan
- (d) apakah langkah khusus dalam IMP membanyakkan SMI.

25-4-93

2. Dr. T. Marimuthu minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam membangunkan Industri-industri Kecil dan Sederhana serta insentif-insentif yang diberi. Nyatakan bilangan Industri-industri Kecil dan Sederhana yang dibantu setakat Mac 1993 mengikut sektor dan hakmilik. Adakah Kerajaan menyediakan panduan untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana supaya mereka boleh mengetahui skim-skim yang wujud bagi kegunaan mereka.

5-5-93

52. Tuan Mohamed Khaled bin Nordin minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bidang sektor apakah yang menjadi asas kepada Industri Kecil dan Sederhana;
- (b) apakah langkah-langkah dan kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan untuk memperbanyakkan Industri Kecil dan Sederhana; dan
- (c) berapa peratuskah kadar pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana dan nilai sejak pelancaran Industri Kecil dan Sederhana.

70-5-93

41. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bilangan Industri Kecil dan Sederhana dalam berbagai negeri seluruh negara dan daripada jumlah itu, berapa banyak dianggap sebagai haram (bergerak tanpa apa jua bentuk permit sah) dan langkah-langkah diambil oleh Kerajaan untuk melegalise mereka;

(b) strategi-strategi diambil untuk membantu pembangunan dan pengembangan Industri Kecil dan Sederhana seperti kewangan, teknologi pembuatan, pengurusan, pembaikan mutu produk, pemasaran dan persaingan yang sihat, dan lain-lain; dan

(c) apakah peranan dan kepentingan Industri Kecil dan Sederhana dalam membantu Malaysia mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara industri yang maju dan ke arah matlamat ini, adakah Kerajaan merumus satu pelan induk bagi Industri Kecil dan Sederhana ini.

77-5-93

20. Tuan Ahmad bin Nor minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sejauh manakah program Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah dijayakan sejak tahun 1990 hingga sekarang mengikut negeri, dan berapakah peratusan kaum bumiputera yang telah berjaya dalam lapangan ini.

Dato' Seri Rafidah Aziz: Saya memohon untuk menjawab sekaligus soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Rompin pada hari ini serta soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Teluk Kemang pada 28-4-93, Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru pada 5-5-93, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi pada 10-5-93 serta Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru pada 11-5-93. Ini adalah untuk membolehkan semua pihak mendapat gambaran yang sepenuhnya tentang perkembangan IKS di negara ini.

- (a) Industri Kecil dan Sederhana (IKS) adalah satu sektor yang penting kepada ekonomi negara. Ini adalah kerana dari bilangan

pertubuhan ianya merupakan hampir 93%. Dari segi pekerjaan, sumbangannya ialah 40% dan kepada nilai ditambah, sumbangannya kira-kira 20%. Pembangunan IKS akan terus diberikan keutamaan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) memandangkan potensi IKS sebagai asas kepada struktur sektor perindustrian dan sebagai saluran penting sumber pelaburan tempatan dan IKS juga menjadi sektor yang dapat melahirkan usahawan tempatan, khususnya bumiputera.

- (b) Sektor-sektor utama atau sektor asas untuk pembangunan IKS ialah industri automotif, peralatan pengangkutan, elektrik, elektronik dan komunikasi, plastik, kejuruteraan mesin, 'mould and dies' dan berasaskan bahan sumber seperti kayu dan getah. Pihak Kerajaan menyedari sebahagian besar pertubuhan IKS masih beroperasi di tapak-tapak yang tidak dikhaskan bagi aktiviti-aktiviti perindustrian seperti di kawasan tanah pertanian dan kawasan perbandaran. IKS beroperasi di seluruh negara, terutamanya di kawasan-kawasan pinggiran bandar dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengan rangkaian pengangkutan dan jalan raya. Angka sebenar bilangan IKS yang terlibat sedang dikumpulkan dan dijangka dapat diketahui pada hujung tahun ini.

Sehingga Mac 1993, Kerajaan telah membantu tidak kurang dari 5,666 pertubuhan IKS di bawah pelbagai program bantuan yang dilaksanakan oleh Kementerian.

Pecahan bantuan mengikut sektor adalah seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Jenis Industri</i>	<i>Bilangan</i>
1.	Makanan dan Minuman	476
2.	Tekstil dan Kulit	221
3.	Kayu dan Perabot, Kertas Percetakan dan Alat Tulis	752
4.	Kimia	111
5.	Getah	411
6.	Plastik	654
7.	Bukan Logam	114
8.	Logam Asas	51
9.	Pabrikasi Logam	499
10.	Mesin dan Kejuru- teraan	1,675
11.	Elektrik dan Elektronik	295
12.	Automotif dan Keleng- kapan Pengangkutan	161
13.	Lain-lain	246
	Jumlah	5,666

. Bagi industri kecil iaitu yang mempunyai modal kurang dari RM500.000 adalah berjumlah 13,992 buah syarikat. Manakala taburan industri bersaiz sederhana belum dapat ditentukan sehingga selesai kajian pada penghujung tahun ini.

- (c) Pertumbuhan pesat sektor perindustrian di negara ini telah menarik minat banyak IKS asing dan sehingga pada akhir tahun 1992, terdapat sejumlah 379 buah semuanya.

Secara umum, pelabur-pelabur asing telah memberikan beberapa sumbangan bagi meningkatkan perkembangan sektor IKS tempatan. Antara sumbangan pelabur asing ialah seperti berikut:

- (i) Memberi peluang business kepada IKS menjadi pembekal (vendor) dalam pembuatan komponen dan perkhidmatan sokongan;
- (ii) Melalui aktiviti subkontrak,

mendedahkan pengusaha IKS kepada teknologi moden dan kaedah pengurusan yang lebih baik; dan

- (ii) Melalui rangkaian pemasaran, membantu produk-produk IKS menerokai pasaran eksport.

Bagaimanapun, pihak Kerajaan berpendapat masih banyak lagi sumbangan yang perlu diberikan oleh pelabur asing bagi membangunkan IKS tempatan. Di antaranya ialah:

- (i) Lebih banyak syarikat-syarikat asing yang besar menjadi syarikat anchor bagi program pembangunan vendor;
- (ii) Syarikat-syarikat asing haruslah memperolehi input dari IKS tempatan;
- (iii) Menyediakan lebih banyak peluang latihan-latihan kemahiran kepada penduduk tempatan; dan
- (iv) Menubuhkan lebih banyak syarikat usahasama dengan-IKS tempatan.

Penyertaan pengusaha-pengusaha bumiputera dalam IKS adalah menggalakkan berasaskan kajian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada tahun 1988/89 didapati sejumlah 4,642 pertubuhan industri kecil bumiputera terlibat dalam berbagai sektor perindustrian terutamanya dalam industri makanan, industri berasaskan kayu, industri berasaskan bahan binaan dan juga industri berasaskan logam. Di bawah program-program yang dilaksanakan oleh MITI sejak tahun 1990/91 (RM6), penyertaan syarikat-syarikat IKS bumiputera adalah juga menggalakkan dengan jumlah sebanyak 1,166 buah syarikat.

- (d) Menyedari hakikat wujudnya banyak masalah yang dihadapi oleh IKS, pihak Kerajaan melalui MITI telah mengambil langkah-langkah yang sesuai dan melak-

sanakan program-program yang saling berkait bagi membantu pembangunan IKS. Di antara langkah-langkah yang telah diambil ialah menyediakan garis panduan dasar pembangunan IKS termasuk di bawah Peian Induk Perindustrian (IMP). Langkah-langkah ini sekaligus bertujuan untuk membanyakkan IKS dan meningkatkan prestasi IKS.

Kedua, menyediakan-satu Pelan Tindakan Pembangunan IKS. Pelan Tindakan IKS ini merangkumi beberapa program iaitu:

- Program Promosi Pemasaran;
- Program Insentif;
- Program Penyediaan Tapak-tapak Kilang;
- Program Bantuan Teknikal;
- Program Kemudahan Kewangan;
- Program Penyebaran Maklumat; dan
- Program Pembangunan Sumber Manusia.

Pelaksanaan program-program yang telah disebutkan ini adalah dibuat secara bersepadu bersama-sama dengan agensi-agensi utama (lead agency) yang lain iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Perbendaharaan, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Sumber Manusia.

Selaku agensi utama bagi promosi pemasaran dan insentif, MITI telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi menyediakan peluang-peluang pasaran kepada IKS. Di antaranya ialah skim-skim pembangunan pembekal (vendor) seperti Skim Komponen Proton, Skim Komponen Elektrik dan Elektronik dan Skim Komponen Perabot General Lumber untuk eksport.

Skim Pembangunan Vendor ini merupakan satu mekanisma yang berkesan bagi menemukan bakal pembeli (syarikat besar) dan pembekal (IKS) serta sumber kewangan (institusi kewangan) bagi menjalankan aktiviti-aktiviti subkontrak komponen industri. Dengan cara ini, IKS bukan sahaja mendapat pasaran yang terjamin tetapi juga mendapat kemudahan pinjaman dan bantuan khidmat bimbingan dari pihak-pihak yang terlibat.

Di bawah Program Insentif, IKS disediakan kemudahan insentif termasuk taraf perintis sekiranya mereka mengeluarkan barangan-barangan yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bagi IKS yang beroperasi di tapak-tapak kilang haram atau yang tidak mendapat kelulusan dari Pihak-pihak Berkuasa Tempatan sedang disediakan tapak-tapak perindustrian di seluruh negara. Projek-projek" IKS yang berkenaan bolehlah menghubungi dan seterusnya memohon kepada Malaysian Industrial Estates Sdn. Bhd. (MIEL) bagi merancang pembangunan dan mendapatkan tapak yang sesuai di negeri-negeri yang mempunyai rancangan pembangunan taman-taman perindustrian IKS.

Bagi IKS yang menghadapi masalah mutu barangan tidak berkualiti dan tidak berdaya tanding di pasaran, disediakan Program Bantuan Teknikal meliputi penyediaan kemudahan bantuan kewangan. Di antaranya ialah Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian (ITAF) dan dua (2) tabung khas pinjaman mudah iaitu Skim Automasi dan Modernisasi dan Skim Industri Perabot dan Makanan. Tiap-tiap satunya menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta.

Maklumat perniagaan dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan aktiviti perindustrian adalah penting dalam membantu perancangan projek-projek IKS untuk meningkatkan daya saing

mereka. Bagi tujuan ini, MITI menyediakan program penyebaran maklumat melalui Pusat Maklumat Teknologi Perindustrian (MITIC) di mana disediakan 'Business Clinic' melalui sesi-sesi pertemuan dengan usahawan dalam bentuk ceramah, bengkel dan tayangan video serta lawatan ke kilang dengan kerjasama agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang berkenaan.

Kesemua IKS yang terlibat dengan program-program anjuran MITI dan agensi-agensi pembangunan IKS yang berkaitan adalah juga digalakkan menyertai aktiviti-aktiviti promosi pemasaran iaitu EXPO dan Seminar IKS yang diadakan secara tahunan. Dengan cara ini, barangan-barangan komponen dan juga barangan siap yang dikeluarkan oleh IKS dapat diketengahkan dan diuji oleh bakal pelanggan dengan harapan iaitu dapat menembusi segmen-segmen pasaran yang diutamakan.

Selain daripada itu, pengusaha-pengusaha IKS juga berpeluang menerima bantuan dari sumber luar seperti daripada agensi-agensi dan pertubuhan antarabangsa seperti pertubuhan di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu, JICA dan ADB. Bantuan-bantuan yang disediakan adalah dalam bentuk latihan, maklumat - mengenai teknologi, pasaran dan peluang usahasama.

Jelaslah bahawa langkah-langkah yang disediakan oleh Kerajaan melalui MITI merangkumi berbagai aspek pembangunan IKS dan ianya dilaksanakan secara bersama dengan agensi-agensi yang lain serta mempunyai tumpuan yang khusus supaya lebih berkesan.

NOTIS PEMBATALAN PARTI S.46 ALASAN-ALASAN

63. Tuan Sukri bin Haji Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah alasan-alasan yang diberi oleh

Pendaftar Pertubuhan sehingga notis untuk membatalkan pertubuhan Semangat 46 dikeluarkan.

Tuan Ong Ka Ting: Notis tunjuk sebab telah dikeluarkan oleh Pendaftar Pertubuhan kepada Pertubuhan Semangat 46 kerana pertubuhan itu dengan sengaja melanggar Pasal 1, Undang-undangnya dengan menggunakan nama Semangat (UMNO) 46 Malaysia dalam satu perhimpunan pada 3hb Januari, 1993 lalu di Dewan Balai Islam, Lundang, Kota Bharu, Kelantan, sedangkan nama yang dinyatakan dalam fasal itu dan yang didaftarkan ialah Semangat 46.

KES SERANGAN LANUN— TINDAKAN DIAMBIL

64. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh mana lanun-lanun yang menggugat keselamatan nyawa dan harta benda rakyat Malaysia, sama ada di dalam atau di luar negeri, dan

- (a) sebutkan jumlah nyawa yang terkorban serta kerugian nilai harta benda, termasuk rampasan dan wang tebusan sejak 5 tahun yang lalu;
- (b) berapa kes serangan lanun telah dilaporkan dan berapa kes dapat diselesaikan sehingga setakat ini; dan
- (c) terangkan tindakan-tindakan telah, sedang dan akan diambil oleh Pihak Berkuasa masing-masing.

Tuan Ong Ka Ting:

- (a) Kegiatan lanun di Malaysia pada masa ini adalah terkawal, di mana sejak tahun 1989 hingga sekarang tidak ada berlaku kemalangan jiwa bagi orang awam tetapi seramai 14 orang lanun telah

ditembak mati. Kerugian akibat kegiatan lanun sehingga sekarang berjumlah sebanyak RM597,395, dan pecahan kerugian mengikut tahun adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Kerugian Harta Benda termasuk Rampasan dan Wang/Tebusan</i>
1989	RM137,850
1990	RM3,500
1991	RM135,700
1992	RM144,625
1993	RM 175,720
Jumlah	<u>RM597.395</u>

- (b) Dari tahun 1989 hingga 1993, sebanyak 139 kes serangan lanun telah dilaporkan kepada pihak Polis dan hasil kerjasama orang ramai Pasukan Marin Polis telah berjaya menangkap 48 lanun. Pihak Polis juga berjaya merampas sebanyak 14 senjata ringan yang digunakan oleh lanun-lanun tersebut.
- (c) Tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Polis bagi mengawal kegiatan lanun ialah dengan mengadakan beberapa operasi di perairan Malaysia yang dikenali sebagai 'Ops Dagang' mulai 5hb Januari, 1992, dan operasi ini masih diteruskan. Selain dari itu ialah mengarahkan Unit Risikan Polis Marin mengumpulkan maklumat untuk membolehkan operasi dijalankan dengan lebih sistematik dan memperlekapkan lagi keupayaan Polis Marin dengan peralatan yang lebih moden. Kerjasama juga telah diadakan dengan Polis Indonesia dan Singapura.

Di samping itu juga, Jabatan Polis telah mengadakan perbincangan dengan lain-lain

agensi yang berkaitan dan mesyuarat dengan Biro Maritim Antarabangsa juga diadakan bagi mencari jalan mengatasi masalah ini.

JENTERA KERAJAAN— PENYALAHGUNAAN OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO

65. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan dengan lanjut sejauh mana jentera Kerajaan disalahgunakan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dalam usaha mereka untuk mendapatkan kedudukan dalam parti seperti yang didedahkan oleh beliau dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu.

Tuan Othman bin Abdul: Sepanjang yang diketahui, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah menyebut seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Sungai Besi itu. ,

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

KERUGIAN PERTUKARAN ASING OLEH BANK NEGARA MALAYSIA

3.38 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong); Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan 18 untuk mencadang:

"Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 18(1) Dewan ini memberi izin kepada Ketua Pembangkang Parlimen untuk mengusulkan penangguhan Dewan ini bagi tujuan membincangkan kerugian dari

RM10.1 bilion hingga RM12.8 bilion yang dialami oleh Bank Negara dalam urusan pertukaran asing kerana ia adalah satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan berdasarkan sebab-sebab berikut:

- (1) Kerugian pertukaran asing dari RM10.1 bilion hingga RM12.8 bilion Bank Negara adalah satu jumlah yang amat besar yang bersamaan dengan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan sepanjang tahun, atau empat hingga lima kali kerugian yang dialami dalam skandal Bank Bumiputera Finance.
- (2) Menteri Kewangan telah gagal memberi sebarang penjelasan kepada kerugian RM10.1 bilion hingga RM12.8 bilion sejajar dengan prinsip akauntabiliti, kebertanggungjawapan dan transparency khususnya kerana dua penjelasan yang diberikan oleh Bank Negara bahawa kerugian tersebut hanyalah kerugian di atas kertas adalah tidak memuaskan dan tidak dapat diterima oleh 18 juta rakyat Malaysia.
- (3) Parlimen dan seluruh negara berhak mengetahui keadaan sepenuhnya berkenaan kerugian pertukaran asing dari RM10.1 bilion hingga RM12.8 bilion tersebut.
- (4) Kegagalan Bank Negara dan Menteri Kewangan memberi penjelasan kepada kerugian pertukaran asing dari RM10.1 bilion hingga RM12.8 bilion amatlah menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap Kerajaan dan khususnya ke atas peranan Bank Negara dalam pasaran pertukaran asing.

- (5) Memandangkan betapa besarnya kerugian pertukaran asing Bank Negara dan kegentingan perkara tersebut Menteri Kewangan harus memberikan penjelasan sepenuh kepada Parlimen dengan seberapa awal yang mungkin pada sidang yang pertama sendiri dan penjelasan ini tidak boleh ditangguhkan sehingga akhir Perbahasan ke atas Titah Ucapan Diraja semasa penggulungan Menteri.

Sekian terima kasih. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli dari kawasan Tanjong pada 26hb April 1993, jam 3.50 petang.

Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuashati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat, iaitu:

- (i) perkara itu tertentu;
- (ii) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (a) perkara ini adalah perkara tertentu;
- (b) ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (c) perkara ini perlu disegerakan. *(Tepuk)*

Oleh yang demikian, mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3), maka inilah saya dengan izin Dewan ini membenarkan Usul ini dibahaskan dan saya menempohkan Usul ini untuk dibahaskan pada jam 5.30 petang hari ini juga. Seperti lazim, pihak Pembangkang akan diberi setengah jam pertama dan pihak Kerajaan akan diberi setengah jam lagi. *(Tepuk)*

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PENYEMBELIHAN

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi memudahkan penswastan rumah-rumah penyembelihan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG DUTI TIMBALBALAS DAN ANTI LAMBAKAN 1993

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk membuat peruntukan mengenai penyiasatan dan penentuan

subsidi yang berkaitan kepada dan lambakan dagangan yang diimport ke dalam Malaysia pengenaan duti timbalbalas dan anti lambakan untuk mengimbangi subsidi atau lambakan itu dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri; diBaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

3.46ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli yang hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, satu Usul yang telahpun dicadangkan seperti yang telahpun dibacakan tadi, saya kemukakan untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli yang hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH

3.48 ptg.

Tuan Abdul Malek Munip (Muar): Tuan Yang di-Pertua, saya Malek Munip, Ahli Parlimen Kawasan Muar mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Kelapan."

Tuan Yang di-Pertua, pada hari semalam kita semua telah berpeluang mendengar Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh setiap aspek dan setiap segi dalam perkembangan kehidupan masyarakat kebangsaan kita yang menzahirkan kemampuan Kerajaan mengendalikan pertumbuhan yang berterusan, terutamanya dalam bidang ekonomi dan sosial negara kita.

Kita yang hidup di tengah-tengah arus pertumbuhan ini barangkali kurang menyedari betapa hebat dan significantnya arus pertumbuhan yang sedang berlaku di sekeliling kita. Namun sekiranya kita mengimbas kembali perkembangan negara kita selama kira-kira 25 tahun yang silam, kita akan dapat menginsafi secara perbandingan betapa pencapaian lima tahun kebelakangan ini adalah jauh lebih mengagumkan daripada kejayaan pembangunan ekonomi dan sosial selama 20 tahun sebelumnya. Dan ini dalam banyak hal adalah pencapaian yang dimungkinkan dari kebijaksanaan pucuk kepimpinan kita, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad mengemudikan arus perkembangan negara di tengah-tengah kancah persaingan masyarakat antarabangsa.

Sekiranya kita amat-amati secara adil, dasar dan tindak-tanduk Yang Amat Berhormat itu, menzahirkan seorang pemimpin yang mempunyai minda yang amat strategis sifatnya. Beliau telah mewujudkan suasana yang amat liberal yang telah merangsang potensi pertumbuhan ekonomi dan sosial dalam semua bidang dan kepada semua lapisan dan golongan masyarakat. Di samping itu pula, menyedari betapa lambat dan susahnyanya membina pertumbuhan dalam penglibatan masyarakat bumiputera dalam sektor ekonomi yang established, maka peluang-peluang baru dalam sektor-sektor baru yang penting telah diwujudkan terutama melalui proses

penswastaan, mewujudkan arena ekonomi baru yang belum dimonopoli oleh mana-mana pihak, memungkinkan penglibatan bumiputera yang lebih saksama dalam bidang ekonomi negara amnya. Di peringkat antarabangsa pula diplomasi negara yang selama ini lebih dicorakkan oleh perhitungan politik beransur-ansur digandingkan dengan keperluan ekonomi, memelopori usaha memperluas rangkaian perdagangan dengan dunia luar seperti E.E.C, Latin Amerika, CIS, Iran dan mungkin tidak lama lagi dengan negeri China. Dan kita berharap juga dengan negara tetangga terbesar dan terapat dengan kita iaitu Indonesia. Dan di peringkat antarabangsa ini demi kepentingan pengeluaran eksport negara, pucuk kepimpinan kita ini tidak putus-putus menyarankan dan berusaha ke arah sistem ekonomi dunia yang liberal. Tetapi dalam pada itu pula peka dengan hakikat kemungkinan ancaman kolektif dari blok-blok tertentu maka kerjasama ekonomi yang lebih erat juga diikhtirakan di kalangan negara-negara serantau semata-mata untuk mengimbangi ancaman seumpama itu.

Pada hari ini pula saya kira adalah tidak keterlaluan bahawa diplomasi yang mengadunkan perhitungan politik dan ekonomi itu diperluaskan untuk membantu masyarakat Islam di Bosnia.

Kita ada mendengar khabar bahawa Britain merupakan satu-satunya negara Eropah yang menggag, yang degil, yang tidak menyetujui tindakan PBB yang lebih tegas ke atas orang-orang Serb. Maka memandangkan kemungkinan Britain boleh menikmati projek-projek raksasa Kerajaan seperti Lapangan-terbang di Sepang, maka kita memohon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memperhitungkan sama supaya kemungkinan penganugerahan projek yang seumpama itu dikaitkan juga dengan kesanggupan Britain membuangkan sifat kedegilan itu.

Tuan Yang di-Pertua, gambaran am yang mempamerkan sifat strategis pucuk

kepimpinan kita itu, yang dilengkapi dengan kebijaksanaan mewujudkan dan melaksanakan program pembangunan yang konkrit terutama di dalam negeri, inilah yang memungkinkan kita berada dalam tahap pencapaian sekarang dan kita wajib bersyukur dan merakamkan tahniah kepada beliau. Namun demikian, persaingan yang bertambah hebat dari negara-negara lain bererti kita perlu sentiasa mempertingkatkan kualiti dan memelihara kos pengeluaran kita. Ini juga bererti penyelidikan dan pembangunan (R&D) terpaksa dipergiat terutama dengan menggalak, kalau perlu memaksa perlibatan yang lebih daripada sektor korporat dan multinasional. Selain daripada itu, masalah infrastruktur masih terus-menerus diperluas memandangkan adanya kemungkinan tahap penyaluran penanaman modal dari luar secara perbandingan akan berkurangan, dan begitu juga dengan peningkatan kemahiran terutama di kalangan tenaga buruh yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga bernasib baik bahawa komitmen kepada pembangunan ini telah dilengkapi juga dengan komitmen kepada tanggungjawab sosial. Langkah Kementerian Kewangan umpamanya yang mewujudkan berbagai-bagai rancangan untuk membantu rakyat termiskin, apatah lagi dengan menggalak golongan swasta dan korporat memikul tanggungjawab yang sama adalah satu langkah yang diharapkan akan berkembang menjadi budaya bertanggungjawab yang lebih meluas lagi di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali dalam penganalisaan terakhir satu-satunya cabaran terbesar yang mesti dihadapi dan diatasi dalam pembangunan negara tidak dapat lari daripada masalah mengendalikan tenaga manusia melalui pendidikan.

Kita mengakui bahawa kemahiran manusia atau teknologi terkini jika

diperlukan boleh dibeli bila-bila masa sahaja. Namun, ini adalah merupakan penyelesaian jangka pendek. Tetapi dalam jangka panjangnya, kekuatan, ketahanan dan resilien serta kreativiti masyarakat yang berterusan, semuanya ini hanya boleh diwujudkan dari dalam diri kita sendiri, dari kalangan sumber manusia di negara kita sendiri. Kerana itu penyebaran ilmu dan kemahiran merupakan perkara yang asas dalam pembangunan negara yang berterusan.

Sehubungan dengan ini, saya menyanjung tinggi hasrat Kerajaan seperti yang terungkap dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, bahawa kita mempunyai cita-cita untuk menjadikan negara kita akhirnya sebagai pusat kegiatan ilmu sekurang-kurangnya untuk negara-negara membangun. Usaha Kerajaan seumpama ini yang meluaskan kemudahan pendidikan melalui penswastaan telah mewujudkan dengan bercambahnya di hampir setiap bandar-bandar utama, institusi-institusi pengajian swasta dan perkembangan ini sekaligus mewujudkan peluang pendidikan yang sangat luas di samping menyelamatkan kemungkinan pengaliran ribuan juta ringgit wang keluar negara. Namun demikian, perkembangan positif seperti ini jika diterapkan dalam rangka permasalahan pendidikan di negara yang lebih luas dan tanpa penelitian yang lebih prihatin mempunyai potensi akan mengakibatkan permasalahan baru yang lebih rumit.

Sejak negara mencapai kemerdekaan umpamanya satu-satunya bidang pembangunan yang telah dapat diterokai dengan jayanya ialah pendidikan rakyat. Kesan dari usaha-suaha raksasa Kerajaan meluaskan kemudahan pendidikan menengah di seluruh negara, maka dalam masa yang singkat pendidikan menengah sebagai fenomena urban dan hampir dimonopoli oleh masyarakat urban semata-mata telah dapat dipecahkan. Proses perluasan kemudahan pendidikan itu yang kadang-kadang dirujuk sebagai

proses pendemokrasian pendidikan itu akhirnya telah dapat menaikkan kemajuan pendidikan yang lebih meluas dan lebih seimbang di kalangan rakyat jelata sama ada di luar bandar dan estet-estet atau di bandar-bandar dan sama ada bumiputera atau non-bumiputera. Namun demikian, fenomena perkembangan pendidikan swasta sekarang yang lebih cenderung bersifat fenomena urban dan ditambah pula dengan masalah kos ekonomi yang tinggi, tidak dapat tiada akan menjurus kepada masalah lama iaitu masalah ianya menjadi semata-mata kemudahan yang dapat dinikmati oleh masyarakat urban yang mampu, dan masalah ini akan menjadi bertambah rumit lagi apabila dilihat dari segi nilai ekonomi dan pengorientasian masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan sekolah-sekolah swasta pada asasnya adalah semata-mata ditentukan oleh perhitungan ekonomi dan komersial. Oleh kerana itu bidang mata-matapelajaran dan bahasa pengantarnya adalah ditentukan oleh keperluan komersial, sedangkan seiring dengan itu wujud sistem pendidikan kebangsaan yang luas, yang mempunyai matlamat yang jauh lebih tinggi daripada sekadar masalah komersial semata-mata. Ianya dilabuhkan kepada prinsip membina bangsa Malaysia yang bersatu-padu dan bahasa pengantar serta seluruh pengorientasiannya mengarah ke arah matlamat yang mulia ini.

Dalam konteks perkembangan seperti inilah kita berharap bahawa Kerajaan akan terus-menerus meneliti, memonitor dan berikhtiar supaya dapat dihindarkan daripada kemungkinan munculnya dua aliran pendidikan yang mempunyai nilai ekonomi dan pengorientasian generasi kini dan generasi yang akan datang yang berbeza-beza. Sesungguhnya kita harus berani dan bersikap positif menjadikan masalah ini satu "advantage", mesti mempunyai kebijaksanaan seperti yang

diiilhamkan oleh Perdana Menteri kita supaya kita dapat mengadunkan ciri-ciri yang positif dari kedua-dua aliran pendidikan swasta dan aliran kebangsaan semata-mata untuk mempertingkatkan kualiti yang dapat dinikmati oleh bangsa kita seluruhnya.

Dalam rangka mempertingkatkan kualiti pendidikan ini beberapa perkara perlulah saya sebutkan di sini di samping kita mengucapkan syabas kepada Kerajaan yang telah berusaha untuk mewujudkan reformasi pendidikan di negara kita sejak beberapa tahun ini.

Namun, saya kira sudah sampai masanya, kita menilai semula keberkesanan dari usaha reformasi. Maklumat-maklumat penyelidikan yang baru, umpamanya, menunjukkan ada kecenderungan bertambah kurangnya minat untuk belajar di kalangan murid-murid sekolah. Matapelajaran-matapelajaran juga menjadi terlalu intensif apatah lagi pertambahan matapelajaran baru yang dalam banyak hal boleh diserapkan dalam matapelajaran-matapelajaran yang sedia ada.

Kita berharap supaya dapat dihindarkan daripada berlakunya di mana, dengan izin, "the joy of learning" akan berubah kepada "the agony of learning." Dan perkara ini boleh juga berlaku kepada guru-guru di mana "the enthusiasm of teaching" akan berubah menjadi "the frustration of working." Martabat dan moral para guru wajiblah dipelihara kerana kesannya amat penting ke atas generasi yang akan datang.

Begitu juga di peringkat pengajian tinggi yang menjadi puncak dalam seluruh sistem pendidikan kebangsaan kita. Satu perubahan yang radikal perlu diadakan. Sudah sampai waktunya kita menerima hakikat bahawa masyarakat universiti ialah masyarakat "intellectual community" dan perkhidmatannya tidak

boleh disamakan dengan 100% dengan perkhidmatan Kerajaan yang lain. Bahkan dalam banyak hal diakui bahawa satu-satunya masalah yang boleh menghambat pertubuhan universiti ialah proses pembirokrasian yang berlaku di institusi pengajian tinggi. Dan bila masalah perkhidmatan mereka disuarakan, ini adalah lambang bahawa sekian lama masalah ini tertanggung tidak dapat diatasinya. Amatlah wajar kita mengkaji supaya sistem yang wujud di universiti itu akan benar-benar jadi tarikan kepada golongan yang tercerdik atau "the better brain" untuk berkecimpung di dalamnya. Kita haruslah menginsafi bahawa semula-mulia investment akhir-akhirnya adalah dalam bidang manusia itu sendiri dan apatah lagi dalam bidang ilmu yang merupakan ibadat kita yang berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita sedang menyaksikan bagaimana pelancongan dalam masa yang singkat telah muncul menjadi salah satu industri yang besar di negara kita. Sebahagian besarnya, ini telah dimungkinkan oleh kebijaksanaan atau wisdom pucuk kepimpinan kita menggembelng tenaga dan mengatur strategi ke arah perkembangan dan sekali lagi kita mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Namun demikian, industri pelancongan ini dalam konteks negara-negara serantau adalah industri yang menghadapi persaingan yang paling hebat. Maka di luar daripada masalah khusus logistik seperti masalah pengangkutan atau masalah penginapan tempat, volume pengaliran pelancong-pelancong luar negeri sejak akhir-akhir ini dikatakan sudah mulai berkurangan berbanding dengan negara-negara asing seperti Thailand atau Indonesia. Memandangkan bahawa kita lidak terlalu kekurangan dari segi tarikan dari keindahan alam semula jadi, satu faktor yang menonjol barangkali yang belum dieksploitasikan dengan sepenuhnya ialah dalam bidang

kebudayaan negara kita. Dan di sinilah hikmatnya barangkali apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggandingkan bidang kebudayaan dengan bidang industri pelancongan.

Dalam Titah DiRaja semalam telah diungkapkan mengenai cita-cita Kerajaan untuk memajukan kebudayaan kita ke arah masyarakat yang berperibadi dan beridentiti. Sesungguhnya, ungkapan Seri Paduka Baginda ini, jika diamat-amati dengan saksama merupakan cabaran yang kita mesti melaksanakan dan ini bukan sahaja tanggungjawab oleh sebuah Kementerian tetapi oleh kita semua. Kita harus sedar bahawa memajukan kebudayaan yang berbagai ragam itu bukanlah sekadar untuk dieksploitasi dari segi komersialnya sahaja tetapi lebih dari itu.

Masalah kebudayaan adalah masalah identiti bangsa. Masalah maruah bangsa, masalah ketinggian martabat dan tamaddun bangsa. Kepada golongan yang sinis, istilah kata-kata seperti identiti, maruah atau martabat ini adalah rhetoric semata-mata. Tetapi kepada golongan yang berbudaya dan berilmu, ertinya adalah lebih jauh daripada itu. Dan saya kira adalah tidak wajar kita berdiscourse di Dewan yang mulia ini.

Tetapi memadailah dengan mengatakan bahawa masalah pembangunan kebudayaan ini perlu difikirkan dengan serius bukan sahaja dari segi falsafah tetapi dari segi implikasinya yang sangat luas itu. Di peringkat yang tampak yang nyata, ianya melibatkan seluruh landscape kebudayaan kita dari yang paling simple seperti nama-nama jalan, nama-nama perumahan, bentuk-bentuk bangunan membawalah kepada imej kemasyarakatan amnya seperti dari segi bahasa dan pekerti. Dari kesemua inilah yang akan menggambarkan keunikan keperibadian kita. Maka kalau orang tertarik pergi ke London kerana sifat Britishnya atau orang teringat teringin melawat Paris kerana sifat Perancisnya,

maka orang juga ingin melawat Kuala Lumpur kerana sifat Malaysianya yang unik. Tetapi keunikan sahaja tidak bererti apa-apa dan tidak menjadi tarikan apa-apa melainkan ianya mencerminkan cara hidup dan kebudayaan yang telah berkembang tinggi dan di sinilah seni budaya yang beraneka ragam itu memainkan peranannya. Kita harus menginsafi bahawa kegiatan-kegiatan seni dan hiburan bukanlah sekadar untuk menyuka-yukakan hati tetapi lebth dari itu kegemaran ini dari suatu segi adalah semula jadi, suatu yang berasaskan kepada sifat kreatif manusia. Maka itu lebih tepat ianya dianggap sebagai kegiatan-kegiatan kreatif masyarakat.

Sesungguhnya, sifat dan kebolehan kreatif masyarakat itu boleh disalurkan dan dipertingkatkan pencapaiannya ke peringkat yang canggih yang boleh dibanggakan. Dalam konteks seperti inilah kita wajib menyahut cabaran budaya seperti yang diungkapkan dalam Titah Seri Paduka dan selaras pula dengan Wawasan 2020. Kita mesti berani memimpikan dan berusaha merealisasikan bahawa pada suatu masa nanti, Kuala Lumpur mampu menjadi pusat budaya (cultural centre) Asia. Mungkin pada waktu itu, kita boleh mendengar lagu Asli yang digubah dan 'dimainkan oleh symphony orchestra atau panggung-panggung opera mempersembahkan drama-drama yang tinggi mutunya dan melihat seni tarian yang canggih dan memukau. Dan bila ini dicapai, industri pelancongan kita tidak perlu khuatir kepada persaingan sama ada dari Bali atau dari Bangkok.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya melengkapi ucapan ini dengan mengupas ringkas satu isu yang sekian lama telah mendominasi senario nasional kita, iaitu pindaan Perlembagaan mengenai kekebalan Raja. Pertamanya, ingin saya melafazkan kesyukuran kepada Ilahi

bahawa berkat dari kesungguhan dan kebijaksanaan pucuk pemimpin kita, isu ini telah dapat diatasi dengan sebaik-baik mungkin. Sekali pun begitu, terdapat juga kumpulan-kumpulan kecil suara-suara sumbang yang menentang tetapi ini adalah adat manusia biasa tidak akan wujud penyelesaian yang dipersetujui 100% kerana seperti pepatah kita "Di manalah bumi yang tidak ditimpa hujan, di manalah gading bertuah yang tidak retak." Namun, apabila diimbis kembali, suara-suara sumbang ini timbul kerana kononnya ada beberapa keresahan atau sikap tidak puas hati di kalangan tertentu yang sebahagian besarnya telah dieksploitasikan oleh pihak Pembangkang, khasnya Semangat 46, guna untuk membina tenaga baru pada saat nyawa politik mereka sedang berada di tahap nyawa-nyawa ikan dan besar kemungkinan akan berakhir menjadi mati katak digilis oleh perjalanan arus perdana politik tanah air yang berteraskan UMNO dan Barisan Nasional. Dan mereka hanya mampu menjadi baja kepada rumput-rumpai yang hidup liar di tepi-tepi jalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira tidaklah perlu kita mengimbis kembali dengan terperinci akan segala hujah pihak Pembangkang yang cuba memutarbelitkan tujuan asal pindaan Perlembagaan itu diadakan. Tetapi apa yang jelas, usaha meminda ini telah memaksa wujudnya satu proses kebangsaan di kalangan rakyat jelata untuk berfikir secara terbuka memahami dan menghayati atau, dengan izin, "a national process of educating the people" mengenai Perlembagaan yang menjadi kontrak sosial yang keramat, menjadi asas kepada pengwujudan masyarakat kita sebagai bangsa Malaysia yang unik, mengingatkan kita akan akar dan bumi tempat kita berpijak dan berlindung dan menghilangkan serta melenyapkan rasa terancam atau yang sering disebut sebagai budaya takut yang menghambat dan melembakan "national spirit" kita.

Perbahasan nasional mengenai isu pindaan ini juga mengingatkan kita bahawa Perlembagaan kita ini adalah suatu dokumen yang hidup, yang relevan, yang boleh berubah sejajar dengan perubahan kepada keperluan masyarakat bangsa kita. Tetapi pada hemat saya, terlebih istimewa daripada segala-galanya ialah hikmah bahawa jika pindaan ini diterapkan dalam rangka kesinambungan tradisi asal—saya ulangi tradisi asal—Institusi Raja Melayu iaitu institusi yang telah memancarkan kemunculan tamadun bangsa sebelum ianya mengalami proses keruntuhan dan korupsi terutama dengan bertembungannya dengan kolonial Barat, maka pindaan ini jika ditadbir dan digalak dengan bijaksana, ianya boleh merupakan langkah yang pertama yang penting ke arah memulihkan (reviving) Institusi Raja itu, memulihkan peranannya yang asal sebagai penaung, penggerak bahkan pelopor dalam kegiatan-kegiatan sosial dan kebudayaan bangsa yang luas hingga dapat mengangkat martabat tamadun bangsa Malaysia itu sendiri, memulakan zaman renaissance kepada tradisi kita yang positif. Sesungguhnya, semua yang disebutkan ini akan tercerna sebagai satu matlamat, sebagai satu cita-cita tinggi yang murni yang tersirat iaitu sejajar dengan cabaran dari matlamat unggul yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam Wawasan 2020nya. Kita sesungguhnya mengkagumi bagaimana Yang Amat Berhormat itu tidak pernah alpa dan sentiasa peka dengan hakikat bahawa Institusi Raja pun dari satu segi, boleh memainkan peranannya yang penting, turut serta menerokai era ke arah pembentukan bangsa Malaysia yang maju, adii, progresif dan bertamadun tinggi. Dan sebaliknya, tanpa pembendungan, tanpa berikhtiar untuk membendung kemungkinan golongan tertentu sama ada dari dalam atau dari luar, yang mempunyai niat dan kepentingan yang tertentu untuk mengeksploitasi Institusi Raja, maka institusi ini boleh terjerumus ke arah memudaratkan kesejahteraan bangsa kita sendiri.

Dalam rangka seperti inilah, kita wajib mempunyai kebesaran jiwa, dapat melihat pindaan Perlembagaan ini bukan sebagai titik pertentangan antara Raja dan rakyat. Tetapi sebagai suatu usaha bersama, satu national effort, satu perkongsian tindakan yang kalau berjaya akan membawa manfaat bersama dan kalau gagal akan mengakibatkan mudarat yang ditanggung bersama.

Maka kalau dalam tahun 1946, UMNO memaksa Raja jangan menandatangani Malayan Union semata-mata untuk memelihara kelangsungan Institusi Raja sebagai lambang ketinggian martabat bangsa, maka kali ini rakyat memohon restu mereka untuk menjamin kemuliaan institusi itu, menjamin supaya ianya terhindar daripada tindakan yang mencemarkannya.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali ramai di antara kita akan tertanya-tanya apalah pengertiannya dengan ungkapan kata bahawa adalah tradisi asal Institusi Raja kita itu menjadi sumber pemancar tamadun bangsa kita. Adakah pada zaman kegemilangan itu Raja-raja kita mempunyai kekebalan terlepas daripada tertakluk kepada prinsip keadilan dan tanggungjawab seperti yang diterapkan dalam sistem adat perundangan dan tradisi masyarakat kita yang melihat Raja sebagai perlindungan kepada kesejahteraan rakyat jelata atau adakah tepat dan benar hujah Semangat 46, Raja yang tidak kebal adalah bukan Raja. Lebih dari itu apakah bukti yang nyata dan konkrit bahawa kita pernah mewarisi satu tamadun yang katakanlah segagah tamadun China yang boleh dilambangkan dengan Tembok Besarnya atau tamadun Mesir yang berupaya mencipta piramid yang gagah berdiri selama ribuan tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya tidak berhajat untuk mengimbas gambaran sejarah empat lima ribu tahun dahulu yang penuh kekaburan dan spekulasi tetapi memadai melihat zaman lampau, zaman perkembangan Institusi Kesultanan yang masih kita warisi hingga

kini dan peranannya dalam mempertingkatkan tamadun bangsa kita.

Beberapa tahun yang silam, laporan daripada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ada menyebut bahawa satu-satunya nilaitara (criteria) yang membezakan antara masyarakat yang bertamadun atau masyarakat beradab dengan masyarakat yang kurang beradab yang belum bertamadun, ialah peringkat literacy atau tahap keupayaan masyarakat itu boleh menguasai kebolehan membaca, memahami dan menulis. Melalui keupayaan literacylelah, maklumat dan ilmu pengetahuan dapat disibar, dapat dihayati dan istimewa pula kegiatan kreatif masyarakat dalam bidang ilmu dan seni dan keintelektualan dapat disemai, dipupuk dan dirakamkan sebagai warisan kepada generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kriteria abad duapuluh yang disebutkan dalam laporan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini, jika diterapkan di dalam sejarah perkembangan masyarakat yang menggunakan Bahasa Melayu di persekitaran Selat Melaka selama kira-kira 500 tahun yang silam ini, akan mencernakan satu hakikat sejarah yang amat mengkagumkan sekali. Daripada perkembangan kajian ilmu yang muktakhir umpamanya, sekarang ini sudah dikenalpasti bahawa ada kira-kira 16,000 naskhah teks salinan tangan buku-buku dalam Bahasa Melayu berumur lebih daripada 300 tahun dan ini tidak termasuk daripada ribuan lagi buku-buku teks yang hancur kerana ditelan zaman dan iklim tropika atau kira-kira 6,000 naskhah lain kumpulan Munshi Abdullah yang tenggalam bersama-sama kapal "The Fame" dalam pelayarannya ke England pada abad yang lalu. Semuanya ini bererti bahawa adalah tidak keterlaluan yang pada satu zaman yang lampau kira-kira 400 hingga 500 tahun yang silam, masyarakat berbahasa

Melayu di persekitaran Selat Melaka yang jumlah bilangannya tidak seberapa dan tanpa kemudahan pena atau kertas telah berupaya mengeksploitasikan sifat kreatifnya dalam bentuk rakaman abadi, dalam bentuk buku-buku bertulis tangan yang berjumlah puluhan ribu sebagai warisan kepada anak cucu-cicitnya sekarang ini.

Melalui kajian, khazanah warisan penulisan ini mencakupi semua bidang kreatif masyarakat yang utama. Ada yang bersifat karya kesusasteraan tinggi atau "the great literature", ada yang berbentuk sejarah dan politik, ada yang mengupas hal-hal falsafah dan keagamaan dan ada yang merakamkan legenda-legenda masyarakat yang mashyur. Maka kalaulah kita menerima laporan Bangsa-bangsa Bersatu yang meletakkan literacy sebagai kriteria utama mengenai kemajuan tamadun manusia abad 20, maka kita sesungguhnya boleh menumpang bangga sebagai pewaris kepada satu tradisi bangsa yang menghargai kebolehan literacy tradisi ratusan tahun, menghargai ilmu dan menghormati orang-orang yang berilmu. Jika seluruh khazanah teks buku-buku Melayu lama ini kita kumpulkan menjadi tembok, tentunya Tembok Malaysia ini tidak mungkin setinggi piramid di Mesir atau sepanjang Tembok Besar di benua China. Namun ianya juga tidak akan melambangkan kerahan, paksaan dan pengorbanan tenaga dan jiwa ratusan ribu manusia. Tetapi setiap teks buku yang menjadi batu-bata Tembok Malaysia ini semata-mata melambangkan manifestasi dari kekayaan kreatif dan pemerahan tenaga intelek suatu masyarakat.

Tuan Yang dt-Pertua, sehubungan dengan ini kita harus menanyakan apakah barangkali yang telah mendorong atau lebih tepat lagi apakah yang telah membakar daya kreatif masyarakat berbahasa Melayu pada suatu zaman silam itu hingga dapat mewariskan

puluhan ribu khazanah buku-buku bertulis seperti ini.

Apakah sistem masyarakatnya pada masa itu? Adakah sistem pemerintahannya kejam dan menekan atau sebaliknya, pemerintahannya begitu enlightened, begitu terbuka, begitu adil hingga mendorong kelahiran para cendekiawan yang mampu dan berani melahirkan karya-karya yang dalam banyak hal mengandungi juga kritikan-kritikan yang tajam terhadap pemerintahan? Adakah golongan pemerintah, golongan Raja di zaman kegemilangan ini, golongan yang lazim dirujuk oleh penulis Barat sebagai raja yang absolute yang mempunyai kuasa mutlak dalam segala bidang, atau absolute monarchy? Adakah golongan ini terlepas daripada ikatan tanggungjawab dan tidak tertakluk kepada prinsip hukum-hakam dan keadilan yang telah diresapkan dalam sistem adat masyarakatnya. Apatah lagi dengan kedatangan agama Islam yang meletakkan prinsip hak dan martabat insan, hak dan dignity individu dalam sistem keadilan untuk hidup bermasyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencernakan satu jawapan yang seimbang mengenai persoalan ini, kita perlu meneliti dari khazanah penulisan penditapendita kita zaman lampau mengenai sistem beraja itu, dan kita banyak mewarisi penulisan mengenainya. Karya-karya agung mengenai sistem beraja seperti Tajol Salatin, "Mahkota Raja" oleh Ahli Tasauf yang masyur Bokhari Al-Johari atau Bustanul Salatin oleh Al-Raniri atau sejarah Melayu oleh Tun Sri Lanang, atau lebih hampir dengan kita karya Tammarat al-Muhimah oleh Raja Ali Haji. Semuanya ini ada menukilkan dengan terperinci akan segala syarat, segala hukum-hakam dan segala kewajipan yang mesti dipenuhi oleh seseorang yang diterima sebagai Raja, Dan yang sering ditekankan yang dijadikan priority dalam semua nukilan

ini ialah prinsip keadilan Raja. Raja tidak pernah terlepas daripada segala-galanya ini yang menjadi bahagian dalam sistem perundangan tradisional kita ini, atau dalam bahasa moden, Raja tidak pernah dirakamkan sebagai kebal daripada semua peraturan hidup sebagai satu masyarakat bangsa. Namun demikian, Raja-raja kita itu tidak pernah hilang kedaulatannya. Maka soal yang pokok ialah di manakah letaknya kedaulatan Raja itu?

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencari jawapannya sekali lagi kita perlu mengimbas beberapa matan perbincangan yang pernah dilafazkan di dalam Dewan yang mulia ini. Pertamanya, dalam bentuknya yang tradisional yang asli, Raja digelar 'Yang Dipertuan' yakni yang dijadikan tuan oleh rakyat, dan kerana itu kadang-kadang dibezakan daripada rakyat jelata dengan gelaran *ra'i* ataupun 'pemerintah', Penerimaannya sebagai 'Yang Dipertuan' diikuti pula dengan lafaz Tuanku dan ikrar 'Daulat Tuanku' oleh rakyat. Secara langsung semuanya ini menatijahkan bahawa dari segi prinsip Raja dan kedaulatannya datang daripada penerimaan rakyat, dan bukanlah sesuatu yang semula jadi, sesuatu yang natural begitu sahaja. Penerimaan rakyat terhadap kedaulatan Raja juga tertakluk kepada kemuliaan raja itu dari segi kaca mata rakyat. Dalam sumpah persetiaan atau wa'adat antara Raja dan rakyat seperti yang dinyatakan dahulu di Dewan yang mulia ini, Raja tertakluk kepada syarat memelihara maruah rakyatnya. Dan sekiranya Raja mengingkari sumpah persetiaan ini, atau dalam bahasanya yang asal, 'memfadhilatkan' yang bererti, dalam bahasa Inggeris, "scandalise" persetiaan ini, maka rakyat juga terlepas daripada sumpah persetiaan itu. Gugur kemuliaan raja, dan gugurlah juga penerimaan rakyat terhadap kedaulatannya. Kerana itulah terdapat banyak peristiwa yang dirakamkan oleh pendita-pendita Melayu dalam bentuk yang amat kritis tentangan rakyat kepada Raja-raja yang zalim, dan mengingkari

sumpah persetiaan itu. Harus'disebutkan di sini bahawa dalam minda orang Melayu, Raja tidak mungkin bersifat zalim, kerana kalau dia bersifat zalim, dia tidak layak dan tidak diizinkan menjadi Raja. Bahkan dalam tradisi Lontara atau penulisan Bugis pula seperti yang dirakamkan dalam buku "Ila Galigo" dinyatakan dengan lebih eksplisit bahawa rakyat berhak menukar Raja kalau baginda gagal menjalankan kewajibannya melindungi rakyat. Kerana itulah istilah zalim lazimnya dieja sebagai 'lalim' - lam alif lam ya mim - yang membawa maksud 'kealpaan, kecuaiian atau kerana kesejahteraan akalnya terganggu. Maka seperti kata Raja Ali Haji, seorang raja mesti memehuni syarat sebagai orang yang berakal sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, hakikat bahawa dalam zaman kegemilangan Raja-raja kita itu, mereka tidak kebal tetapi tetap tertakluk kepada hukum dan tanggungjawab, akan lebih jelas terlihat dari satu perkembangan sejarah yang paling penting sekali di alam Melayu ini, iaitu perluasan agama Islam. Kepada penuntut sejarah, perkembangan Islam di alam Melayu ini adalah satu fenomena yang menakjubkan, iaitu memandangkan ianya berlaku bukan pada saat kegemilangan Islam, kerana Spanyol telahpun jatuh ke tangan orang-orang Kristian ataupun kerana paksaan atau peperangan, kerana tidak ada peperangan agama yang penting di nusantara. Ataupun untuk mengisi kekosongan dan kehausan kepada agama kerana telah wujud pemerintahan-pemerintahan Hindu yang established di kepulauan ini. Tetapi yang jelas ialah bahawa perluasan Islam ini telah melahirkan zaman yang gemilang di persekitaran Selat Melaka. Dari segi politik, muncul Empire Melaka. Dari segi ekonomi telah muncul perdagangan Timur-Barat yang menandingi Venice di Eropah. Dan lebih istimewa dari segi perkembangan pemikiran telah memulakan zaman keghairahan untuk berkecimpung di

dalam bidang kreativiti seni dan intelektual yang terbukti dengan warisan ribuan khazanah penulisan dalam bahasa Melayu tadi hingga mengangkat martabat bahasa Melayu yang diucapkan sebagai bahasa ibu oleh hanya lima peratus masyarakat nusantara, tetapi telah berupaya muncul mendominasi bahasa dan loghat-loghat yang lain, muncul menjadi lingua-franca atau bahasa international di dunia sebelah sini. Maka salah satu kesan utama dari perluasan agama Islam seperti ini turut juga dirasai dalam bidang kepimpinan politik Melayu tradisional yang berubah menjadi kesultanan Melayu di mana nilai-nilai kepimpinan dalam Islam turut serta meresap dan menjadi syarat utama dalam pemerintahan.

Tanggungjawab pemerintahan seperti yang ditulis dalam BustanulSalatin adalah amanah Allah yang akan dipersoalkan nanti. Ataupun seperti dalam kitab Tamarat Al-Muhimah sebagai _ satu fardhu kifayah. Sesungguhnya penerapan sistem pemerintahan Melayu dalam rangka Islam seperti ini telah membangkitkan kesedaran tentang tanggungjawab Raja untuk turut serta memelopori kegiatan-kegiatan rakyat ke arah kemajuan. Maka dalam rangka Islam seperti ini, soal kekebalan Raja tidak timbul dan tidak relevant. Tetapi sebaliknya tanpa kekebalan, Raja-raja Melayu ini semacam dibakar oleh satu cita-cita tinggi, satu ilham moral untuk memelopori kebangkitan tamadun bangsa, iaitu seperti yang dilambangkan dari peristiwa Raja Melaka yang masih terus-menerus berguru dan bertemankan kitab Tauhid pada saat peluru-peluru musuh berterbangan menyerang Melaka. Maka semangat dan kebesaran jiwa seperti inilah yang telah mendorong Raja menjadi penaung, menjadi patron kepada kehadiran para ulama dan pendita di istana-istana, menggalak dan membebaskan mereka untuk merakamkan kreativiti keintelektualannya, sekalipun

kritis terhadap pemerintahan Raja sendiri. Peranan raja yang terlibat secara langsung menggalak kebebasan dan kehebatan pengaliran ide-ide seperti inilah yang telah menolong menjadikan Melaka muncul sebagai pusat utama perluasan Islam di Asia Tenggara. Tentunya peranan seperti inilah yang telah membina kemuliaan Raja mengangkat martabatnya dan akhirnya meninggikan kedaulatannya.

Tuan Yang di-Pertua, harus diingatkan di sini, bahawa semua karya-karya agung yang menjadi rujukan kita, karya-karya yang dengan terperinci menerangkan peranan Raja, sifat dan syarat-syarat menjadi Raja, kewajipan Raja, bahkan had-had kekuasaan Raja yang sah, semuanya adalah karya-karya yang telah dirakamkan di istana-istana Raja. Hakikat ini hanya memperteguh sahinya kesimpulan bahawa dalam institusi Raja kita yang asal terutama di zaman kegemilangannya selepas Islam, Raja adalah terikat atau tertakluk kepada suatu peraturan am yang menentukan hubungannya dan peranannya dalam mentadbirkan negeri.

Namun, tanpa kekebalan, tanpa bebas daripada terikat kepada tradisi hukum-hakam yang diadatkan itu, kedaulatan mereka tidak langsung terjejas, tetapi tetap terjamin iaitu melalui usaha membina asas kedaulatan itu sendiri. Dan asas kedaulatan Raja itu, adalah semata-mata dari penghormatan rakyat terhadap kemuliaan Raja yang dibina melalui peranannya yang berkesan dan adil dalam mentadbirkan negeri.

Satu perkara yang amat menonjol dan rata-rata terdapat dalam hampir semua teks agung mengenai Raja ialah yang menyentuh tentang prinsip keadilan. Dan kepentingan prinsip ini telah akhirnya diabadikan dalam kata-kata hikmat yang paling menyayat hati iaitu: "Biar mati anak, jangan mati adat". Memanglah, kepada kebanyakan daripada kita, kata-kata hikmat ini telah disogokkan dan

diputar-belitkan sebagai bererti masyarakat Melayu yang statik, yang beku, yang tidak mahu berubah dan terbelenggu dengan adat-adat yang lapuk.

Namun, apabila dinilai dari segi ilmu, rupa-rupanya ia mencernakan satu erti, satu sanjungan kepada ketinggian martabat keadilan dalam masyarakat Melayu kerana istilah adat mempunyai sekurang-kurangnya tiga dimensi erti iaitu adat sebagai undang-undang alam (scientific law) seperti adat air yang membasahkan atau adat api yang membakar dan prinsip undang-undang alam seperti ini tidak berubah.

Begitu juga adat yang diertikan sebagai fashion, atau adat yang diistiadatkan seperti mengenai pakaian kita dan ini senantiasa berubah mengikut peredaran zaman. Tetapi, terlebih penting dari segala-galanya ialah konsep adat yang merujuk kepada hukum-hakam, yang berpandu kepada prinsip keadilan, maka demi ketinggian martabat keadilan, kalau anak kita yang bersalah, dan hukumnya mati, maka matilah dia. Namun, prinsip hukum yang sudah diadatkan sekali-kali tidak boleh digadaikan. Dan prinsip ini lazimnya dilengkapi dengan pedoman-pedoman daripada Ayat suci Al-Quran Surah An-Nisa' Ayat 135 yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu berdiri dengan teguh, demi untuk keadilan sebagai para saksi kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, ibu bapa kamu dan kaum kerabat kamu".

Dan begitulah juga halnya dengan pengiktirafan akan martabat manusia dan pembinaan sahsiah sebagai manusia yang sempurna, manusia yang mempunyai personaliti yang bersepadu atau insan yang kamil. Ini juga tidak pernah diabaikan. Misalnya istilah budi atau 'buthi' yang diwarisi dari zaman Hindu yang bererti 'bijaksana', telah diperluaskan ertinya untuk mehcakupi juga erti tanggungjawab. Maka itu

lahirlah istilah-istilah seperti 'budi bahasa' atau 'budi pekerti' atau 'berbudi' yang bererti insan yang bijaksana dan bertanggungjawab sama ada dari segi bahasanya atau pekertinya.

Tetapi melalui proses kernantapan penerapan nilai-nilai Islam, sifat manusia yang bijaksana dan bertanggungjawab sahaja masih belum memadai, kalau ianya belurh berupaya turut serta menghayati prinsip yang paling asasi dalam Islam itu sendiri iaitu prinsip keimanan. Maka kerana itu, konsep manusia yang sempurna atau insan yang kamil, atau "a perfect gentleman" dalam tradisi masyarakat kita, akhirnya telah diintegrasikan dengan prinsip keimanan dan hasilnya istilah 'budi' telah diadunkan dengan istilah 'iman' menjadi 'budiman' yang bererti manusia yang bertanggungjawab, bijaksana di samping mempunyai keimanan yang luhur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka seperti inilah, saya ingin mengesyorkan supaya cogankata insan yang kamil seperti yang terdapat di sekolah-sekolah itu, dipertingkatkan dengan penggunaan istilah 'budiman' supaya generasi sekarang dapat terdedah dan menghayati salah satu tradisi kita yang cemerlang yang punya akar di bumi kita.

Begitu juga cogankata 'Masyarakat Penyayang', yang diambil dari kata 'caring society', barangkali juga boleh dimantapkan dengan menggunakan istilah masyarakat berbudi, yang terangkum di dalamnya juga erti kasih-sayang yang luhur.

Di samping itu pula, kemuliaan prinsip keimanan itu terus diterapkan dalam kegiatan harian manusia Melayu, Sebagai masyarakat yang membina tamadunnya, berdasarkan tradisi maritime, tradisi mengharungi cabaran lautan luas, kegigihan dan tekad untuk berusaha telah disimpulkan dalam etika kerja seperti, 'menyeluk pekasam biar sampai ke

pangkal lengan', 'sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit', atau lebih grafik dan dramatis lagi digambarkan sebagai, 'memegang bara api, biar sampai jadi arang'. Inilah etika kerja yang tidak kenal erti ketawa, tidak kenal erti azab sengsara dan tidak kenal erti bosan.

Namun tekad dan usaha yang gigih tidak semestinya berhasil. Ada kalanya gagal. Dan sebagai manusia Islam, manusia yang beriman, kegagalan selepas berusaha bermati-matian, tidak bererti putus asa dan membunuh diri seperti yang kerap berlaku di Jepun atau di negeri-negeri Scandinavia. Tetapi, tekad dan kegigihan bekerja diintegrasikan dengan sifat tawakal, berserah kepada kudrat dan iradat Tuhan. Justeru itu, etika kegigihan bekerja itu diimbangi dengan keinsafan bahawa "rezeki secupak tidak akan jadi segantang."

Sesungguhnya, inilah erti bagaimana kegagalan itu boleh bertukar menjadi sumber membina azam, sumber kekuatan dan akhirnya sumber keinsafan dan keimanan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah saya perikan ini, adalah secebis gambaran dari tradisi tamadun Melayu di zaman kegemilangan. Tradisi yang menjunjung tinggi prinsip keadilan, tradisi yang menghargai penghasilan kreatif dan intelektual, tradisi yang mementingkan pembangunan insan yang unggul dan tradisi yang memberikan nilai yang tinggi kepada etika kerja. Dan semuanya ini telah dapat dibina oleh masyarakat kita dahulu yang hidup dalam rangka sistem politik kesultanan di zaman kegemilangannya.

Di samping itu sistem beraja ini yang diterapkan dalam rangka Islam tidak pernah membebaskan Raja-rajanya daripada tertakluk kepada sistem hukum dan tanggungjawab. Tidak pernah memberikan Raja-rajanya kekebalan dari tradisi perundangan. Namun, tanpa

kekebalan ini, kemuliaan Raja-raja tetap disanjung tinggi, kesan daripada penglibatan mereka secara langsung sebagai penaung, penggalak dan pelopor dalam kebangkitan tamadun bangsanya. Dan di sinilah letaknya martabat kedaulatannya sebagai Raja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rangka seperti inilah pindaan undang-undang mengenai kekebalan Raja boleh bererti memulihkan "revive" semula tradisi kegemilangan kita. Mudah-mudahan dengan pindaan ini tenaga Di Raja dan sifat kreatif di Raja atau dengan izin, the total energy and creativity of the Royalty, akan kembali semula tersalur sepenuhnya ke dalam bidang kegiatan yang menjurus kepada peningkatan tamadun kita, memulakan kebangkitan semula atau 'renaissance' kepada kebesaran warisan tradisi kita yang disesuaikan pula dengan keperluan dalam abad yang akan datang. Sesungguhnya, inilah dia kebijaksanaan dan inilah dia cita-cita murni yang inti yang tersirat di sebalik keberanian pucuk pimpinan kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad menerokai usaha memantapkan dan memantapkan institusi Raja melalui pindaan Perlembagaan. Satu langkah yang amat istimewa dalam rangka menuju cita-cita asal ke arah Wawasan 2020, negara maju ala-Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri ucapan ini dengan mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tuan.

4.43 ptg.

Datuk Monggoh Orow (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan berkenaan dengan Titah Di-Raja yang telah disampaikan oleh Yang Dipertuan Agong dalam Dewan yang mulia pada hari kelmarin. Mengikut gambaran yang telah disampaikan di

dalam Dewan ini, negara kita telah mencapai keadaan ekonomi yang begitu cemerlang. Saya ucapkan syabas kepada pemimpin-pemimpin yang telah merancang dan mengurus pengurusan Kerajaan, tetapi apa yang sedih ialah kebelakangan ini banyak pemimpin-pemimpin daripada Pusat yang sentiasa melawat ke negeri Sabah dan tidak terlepas daripada mulut mereka yang mengatakan bahawa keadaan ekonomi di negeri Sabah sudah jauh kebelakangan pertumbuhannya jika dibandingkan dengan pertumbuhan ekonomi di Semenanjung Malaysia dan akibat daripada keadaan seperti ini, maka pemimpin-pemimpin daripada pusat sentiasa menyalahkan pemimpin-pemimpin Kerajaan negeri Sabah.

Sebagai seorang rakyat Malaysia dan sebagai salah seorang pemimpin di negeri Sabah, apa yang kita harapkan ialah bahawa Barisan Nasional sekarang yang memerintah negara Malaysia sepatutnya Kerajaan Barisan Nasional mengambil kira keseluruhannya mengenai dengan pembangunan negara. Apa yang kita ketahui ialah Jawatankuasa Pelaburan Asing (CIC) adalah dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Segala pelaburan-pelaburan yang bertaraf besar-besaran daripada luar negara adalah tertakluk kepada bidang kuasa ini dan jika sekiranya kurang pelaburan di negeri Sabah daripada luar negara dan daripada syarikat-syarikat asing, ini bukanlah disebabkan dari kelemahan pemimpin-pemimpin negeri. Kerana kalau sekiranya CIC ini tidak membenarkan pelabur-pelabur asing melabur di negeri Sabah, maka sudah tentu tidak ada pelaburan di negeri Sabah.

Saya hairan, kenapa pemimpin-pemimpin Persekutuan tidak sedar bahawa pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah juga mustahak untuk memainkan peranannya di dalam pertumbuhan ekonomi negara. Misalnya, jika tidak ada pelaburan di negeri Sabah sekarang, maka pertumbuhan ekonominya, sudah

tentu menjadi rendah dan apabila ini berlaku, pertumbuhan ekonominya tidak baik, maka peluang untuk pekerjaan akan menjadi kurang dan seterusnya income growth pun akan menjadi kurang. Akibatnya, income tax yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan pun akan menjadi kurang.

Alangkah baiknya, kalau Kerajaan Persekutuan memberi perhatian yang banyak kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah dengan menggalakkan pelabur-pelabur asing datang ke Sabah. Kita sedar bahawa di Sabah pada masa ini, geographical locationnya pun jauh, kos elektrik tinggi, infrastruktur kurang, jadi sebab itulah mungkin kurang pelabur asing datang ke Sabah.

Mengenai dengan bekalan elektrik, ini adalah di dalam bidangkuasa Kerajaan Persekutuan. Saya teringat, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sewaktu dia menjalankan upacara perasmian sebuah masjid di Membakut, beliau telah mengeluarkan kata-kata yang demikian "Jika sekiranya Barisan Nasional memerintah negeri Sabah, maka Barisan Nasional akan memberi peluang untuk membangunkan jalan-jalanraya, memberi bekalan elektrik, pendidikan dan sebagainya". Jadi, apa maksudnya kenyataan ini. "Jika Kerajaan Barisan Nasional memerintah negeri Sabah" - bukankah Barisan Nasional sekarang memerintah. negara kita? Jadi, siapa punya tanggungjawab memberi bekalan elektrik? Bukankah ini tanggungjawab Kerajaan Persekutuan? Ini seolah-olah Sabah ini bukan dalam Malaysia, apabila dia memerintah, baharu masuk Malaysia. Wah, gunturpun datang - ini barangkali betul. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan seperti ini yang datang dari pemimpin agung kita, tidak seharusnya keluar dari mulut beliau, yang mana kita sedar bahawa Barisan Nasional adalah pemerintah negara kita dan kita tidak boleh persalahkan pemimpin-pemimpin negeri, walaupun Kerajaan PBS sekarang

adalah pembangkang pada peringkat Persekutuan, tetapi rakyat sudah membuat keputusan bahawa pemerintah kita sekarang ialah Kerajaan Barisan Nasional. Ini termasuk Sabah. Jadi, tidak boleh dilengah-lengah pembangunan, pemberian bekalan asas termasuk elektrik.

Baru-baru ini ada juga dikatakan bahawa, oleh sebab keputusan STPM di Sabah tidak begitu baik, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyatakan bahawa faktor utama yang menyebabkan keputusan ini tidak bagus adalah disebabkan ibu bapa murid-murid cuai.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan telah mengeluarkan kenyataan bahawa guru-guru di Sabah dan Sarawak tidak dibenarkan sama sekali melibatkan diri di dalam politik, tetapi apa yang berlaku sebenarnya ialah banyak guru-guru pendidik kita - saya tidak tahu di Sarawak - di Sabah melibatkan diri dalam politik secara langsung, banyak guru-guru. Jadi, kenapa tindakan tidak diambil untuk menegahkan mereka berkecimpung dalam politik supaya guru-guru ini dapat menumpukan sepenuh masanya untuk mendidik budak-budak.

Di samping itu juga, yang sedih sekali ialah apabila pemimpin-pemimpin Barisan Nasional datang ke Sabah sewaktu sekolah, banyak murid-murid yang diarah berbaris di tepi jalan untuk menyambut....

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mendapat penjelasan, bukan mahu mengganggu Yang Berhormat dari Tuaran. Bukankah Yang Berhormat dari Tuaran menyokong Usul ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Untuk makluman Yang Berhormat, selepas Yang Berhormat dari Muar tadi berucap, sepatutnya ada seorang yang menyokong Usul itu. Jadi saya tidak nampak ada orang lain yang bangun kecuali beliau.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat menyokonglah. Kalau tidak menyokong tidak boleh bahas, dan perbahasan akan lapse sebenarnya. Apakah keadaan sekarang? Adakah Yang Berhormat menyokong atau tidak?

Datuk Monggoh Orow: Saya menyokong Titah DiRaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Menyokong Usul, itu yang dimaksudkan oleh Ketua Pembangkang.

Datuk Monggoh Orow: Usul tadi? Saya menyokong, lepas ucapan saya ini baru saya sokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat); Teruskan.

Datuk Monggoh Orow: Kalau saya tidak bercakap di sini, bagaimana saya menyokong?

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah murid-murid ini diheret keluar dari kelas-kelas mereka, maka sudah tentu masa yang keemasan itu terbuang dan murid-murid ini akan terganggu daripada matapelajaran mereka. Oleh yang demikian, saya menyeru di sini supaya pemimpin-pemimpin politik sama ada daripada Barisan Nasional ataupun parti-parti lain, janganlah heret murid-murid sekolah keluar daripada kelas-kelas mereka untuk menyambut kedatangan mereka di satu-satu lempat di Sabah kerana ini jugalah satu faktor yang menurunkan prestasi dan taraf pembelajaran murid-murid sekolah.

Saya senang hati mengetahui bahawa Kerajaan akan mengiktirafkan tarikh 16 September nanti. Walaupun dikatakan Hari Perpaduan, tetapi sekurang-kurangnya hari ini diiktirafkan. Kerajaan Negeri Sabah telah mencadangkan supaya hari 16 September ini diiktirafkan sebagai hari kelahiran Persekutuan Malaysia. Jadi, sebagai satu tarikh yang diiktirafkan maka ini kita jadi satu panduan, reference point, dengan izin. Dengan adanya reference point ini, saya berharap rakyat di negara kita ini akan bersatupadu dan perpaduan ini adalah penting sekali bagi negara kita untuk mencapai kemajuan di semua bidang sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial dan perhubungan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, pada 7hb April baru-baru ini, dua buah parti politik di Sabah iaitu PBS dan USNO telah membuat keputusan untuk bergabung menjalankan Kerajaan Negeri Sabah. Oleh sebab adanya pergabungan ini, sebahagian besar rakyat di negeri Sabah telah menyambut dengan baiknya, dengan hati yang senang, dengan gembira bahawa terdapat Kerajaan campuran di negeri Sabah.

Tetapi apa yang sedih, apabila ada kerjasama seperti ini, perpaduan yang erat, ada pula pihak-pihak tidak bersetuju. Ada segelintir pemimpin-pemimpin yang mengatakan kerjasama ini tidak sah, kerjasama ini haram. Tetapi pemimpin-pemimpin kita selalu melaung-laungkan bahawa kita mahu perpaduan di negara kita, kita mahu kerjasama di antara masyarakat yang berbilang kaum. Sekarang sudah dua kumpulan yang diikuti oleh dua kaum yang besar di negeri Sabah telah bergabung dari segi tenaga, fikiran, kerjasama untuk memerintah, tetapi tidak diakui oleh segelintir pemimpin. Ada yang mengatakan bahawa perkahwinan ini tidak sah. Tetapi bagaimana, kalau rakyat

sudah kasi Sijil Perkahwinan, nanti ada pula yang mengatakan ini tidak sah, sedangkan ada segelintir, satu orang pemimpinlah barangkali, yang kalau saya tidak salah, pada bulan Jun tahun lalu mengatakan, "Saya jatuh cinta dengan rakyat Sabah" Ini betul terjadi. (*Ketawa*)

Seorang Ahli: Kahwin satu.

Datuk Monggoh Orow: Dia kata tiap-tiap bulan mesti melawat Sabah tetapi bukan rakyat yang dilawati.

Seorang Ahli: Isteri.

Datuk Monggoh Orow: Sekarang apa yang kita ketahui, pemimpin agung kita ini sudah berkahwin di Sabah, tetapi yang malangnya saya tidak tahu perkahwinan ini sah atau tidak. Ini rakyat sahaja yang menentukan hukumannya nanti.

Jika kita inginkan rakyat yang "car-ing", penyayang, kita harus memikirkan supaya rakyat ini mempunyai kemudahan yang cukup. Saya teringat kepada kaum guru-guru yang mengajar di kampung-kampung terpencil di luar-luar bandar. Sedih sekali, tugas guru-guru ini adalah penting. Mereka membina satu masyarakat yang berguna di masa hadapan iaitu mengajar murid-murid sekolah.

Kalau kualiti murid-murid ini bagus, maka kualiti rakyat Malaysia ini dalam masa depan adalah bagus. Tetapi apa yang malang sekali oleh sebab kemudahan perumahan di kawasan luar bandar di kampung-kampung yang terpencil tidak cukup, maka guru-guru yang bertugas di luar bandar ini terpaksa tinggal di rumah-rumah yang sudah usang. Kalau saya boleh katakan, bukan merendah-rendahkan guru ini, tetapi keadaan itu—mereka ini seolah-olah kalau saya boleh katakan, tinggal di rumah setaraf dengan kandang ayam. Jadi, oleh sebab pelaburan dalam tenaga manusia ini adalah mustahak sekali, maka saya berharap pihak-pihak yang bertanggungjawab akan memberi perhatian berat untuk menjaga kebajikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul Ketua Pembangkang tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini silap. Usul itu bukan usul Ketua Pembangkang, usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Muar!

Datuk Monggoh Orow: Oh, maaf, saya tarik balik, (*Ketawa*) saya ingin menyokong usul Yang Berhormat dari Muar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah. Ketua Pembangkang.

5.04ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu satu penjelasan supaya Yang Berhormat dari Tuaran tidak salah sangka bahawa saya ada cuba untuk mengganggunya dan saya rasa apa yang berlaku hari ini ialah aneh di mana satu usul yang dikemukakan oleh Backbench pihak Kerajaan tidak disokong. Tentu dalam Pre-Council ada ditetapkan siapa yang cadang dan siapa akan sokong. Mana seconder itu? Mana seconder Barisan Nasional itu, satu jentera, satu parti yang begitu cekap, gentlemen, politik Barisan Nasional? Inilah malu! Malu kepada Barisan Nasional dan kita perlu datang untuk menyelamatkan Barisan Nasional! Yang Berhormat Tuaran, selamatkan Barisan Nasional! (*Disampuk*) Tak tahulah siapa kahwin siapa. Tak tahulah orang yang sudah kahwin itu ada di dalam Dewan ini atau tidak! Mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan lebih faham. Nanti di luar boleh beritahu saya! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mukaddimah sudah cukup ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya pun mahu mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan oleh kerana rela dengan sikap yang terbuka dan mempersetujui mengenai satu perbincangan khas mengenai perkara Bank Negara dan oleh kerana saya ada masa lebih sedikit, iaitu dari 5.30 petang, saya akan bermula dengan tajuk ini (*Tepuk*) (*Disampuk*) supaya saya akan dapat lebih masa (*Kelawa*) supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan ada lebih masa untuk mengkaji dan berfikir sungguhpun masa menjawab tetap setengah jam. Ini advantage. Sungguhpun undue advantage, tetapi properly dimiliki.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang memulakan perbahasan dalam Titah Ucapan DiRaja dan bermula dengan tajuk Bank Negara.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang di-Pertuan Agong bertitah dalam Titah Ucapan DiRaja kelmarin bahawa persembahan ekonomi negara yang harus diberi kepujian adalah hasil daripada pengurusan ekonomi pragmatik (pragmatic economic management), saya yakin Ahli-ahli Parlimen dari semua parti memikirkan satu subjek yang sama sahaja, ialah kerugian di atas kertas atau paper loss di antara RM10.1 bilion hingga RM12.8 bilion sebagaimana yang dinyatakan dalam Laporan Bank Negara akibat urusan pertukaran asing.

Dari Laporan Tahunan Bank Negara 1992, Lain-lain Rizab (Other Reserves) mengalami kerugian RM10.1 bilion. Ini adalah disebabkan kesemua Lain-lain Rizab 1991 sebanyak RM10.052 bilion telah dilupuskan dan RM800 juta terpaksa dipindahkan kepada Lain-lain Rizab daripada dana rizab umum (general reserve fund) atau central reserve. Akibat pemindahan RM800 juta tersebut, Lain-lain Rizab pada 1992 adalah RM752 menjadikan jumlah kerugian yang dialami oleh Lain-lain Rizab adalah RM10.1 bilion dan bukan RM9.3 bilion sebagaimana yang umum disebutkan selama ini.

Sebenarnya Bank Negara sengaja mengelirukan orang awam, misled orang awam tentang kerugian RM10.1 bilion dari Lain-lain Rizab dengan mendakwa bahawa kerugian hanyalah RM9.3 bilion. Justeru dalam Laporan Bank Negara Malaysia mukasurat 286 di bawah Capital Section of the Annual Accountis ada disebut di bawah Liabilities, Capital dan Reserves:

"Other reserves, which comprise the exchange rate fluctuation reserve, the investment fluctuation reserve, the insurance reserve and the contingency reserve decreased by RM9,300 million to RM752.6 million at the end of 1992."

Inilah misleading dan tidak patut berlaku dalam satu laporan tahunan Bank Negara.

Kemudian terdapat pula butir tanggungan contingent RM2.7 bilion sebagaimana nota 10 akaun Bank Negara 1992 menyatakan bahawa ia adalah the net liability on forward foreign exchange transaction.

Kedua-dua butir berjumlah RM12.8 bilion.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein ada berkata bahawa kerugian RM10.1 bilion atau kerugian dalam Lain-lain Rizab hanyalah kerugian di atas kertas dan berkenaan tanggungan contingent RM2.7 bilion, beliau berkata bahawa ia hanyalah menunjukkan saiz kontrak masa hadapan yang mana bank telah melibatkan dirinya melampaui akhir tahun 1992 dan bahawa hasil daripadanya akan bergantung kepada kadar pertukaran semasa pada masa kematangan kontrak.

Saya bersetuju bahawa tanggungan contingent sebanyak RM2.7 bilion bukanlah kerugian mutlak atau certain loss—definite loss dan bahawa pada akhirnya bank pun boleh mengalami keuntungan atau kerugian atau keseimbangan. Walau bagaimanapun, butir ini menunjukkan bahawa kerugian

pertukaran asing Bank Negara mungkin di antara RM10.1 bilion hingga RM12.8 bilion.

Ini adalah jumlah yang amat besar dan bersamaan dengan perbelanjaan pembangunan Kerajaan sepanjang tahun atau empat hingga lima kali kerugian yang dialami oleh/dalam skandal Bank Bumiputera Finance.

RM10 bilion adalah begitu besar sehinggakan adalah mustahil bagi orang biasa untuk membayangkan betapa besar jumlahnya. Jika jumlah ini dibahagikan sama rata di antara penduduk-penduduk negara ini, 18 juta rakyat Malaysia—orang dewasa, kanak-kanak dan bayi—setiap orang boleh menerima RM555.00. Atau dengan misalan lain ini akan bererti seseorang yang memenangi tiket loteri RM2 juta setiap hari untuk 5,000 hari atau setiap hari untuk 13.7 tahun—tiap-tiap hari menang RM2 juta loteri. Untuk RM12.8 bilion ini akan bererti memberi RM711.00 kepada setiap daripada 18 juta rakyat Malaysia atau seseorang yang memenangi RM2 juta setiap hari untuk 6,400 hari atau untuk tujuh belas setengah tahun tiap-tiap hari.

Selaku Menteri Kewangan, Yang Berhormat mesti menerima tanggungjawab persendirian sepenuhnya kerana kerugian pertukaran asing Bank Negara ini dan adalah ganjil sekali bahawa beliau belum lagi mengeluarkan sebarang kenyataan atau membuat apa-apa komen di atas perkara ini dalam empat minggu kebelakangan ini khususnya oleh kerana dua penjelasan Bank Negara yang menyifatkan kerugian sebagai 'kerugian' di atas kertas tersebut tidaklah memuaskan atau tidak dapat diterima. Mungkin nanti kita akan dengarlah.

Bank Negara adalah kurang terbuka dan kurang berterus terang di atas perkara ini kerana ia telah cuba menutup kerugian

pertukaran asing apabila Laporan Bank Negara 1992 diumumkan pada 30hb. Mac. Dalam kenyataan 19hb. April, Gabenor Bank Negara berkata bahawa beliau tidak dapat mendedahkan saiz dan butir-butir kerugian pertukaran asing Bank Negara kerana jika berbuat demikian beliau terpaksa membuka tangannya kepada pasaran atau show his hand to the market. Disebabkan beliau terpaksa mengumumkan butir-butir tertentu di atas urusan pertukaran asing bank komposisi resultnya, aspek operasi campurtangannya, strategi pengurusan resultnya dan komitmen masa hadapannya dalam berbagai matawang. Ini tidaklah dapat diterima kerana tidak ada orang yang meminta Bank Negara mendedahkan butir-butir urusan pertukaran asing bank atau komposisi resultnya tetapi rakyat nyata berhak, mengetahui sebab dan saiz berbagai kerugian pertukaran asing yang dialami oleh Bank Negara oleh kerana ini wang rakyat.

Berkenaan dengan jumlah kerugian yang disebabkan oleh pembendungan inflasi dalam menerap liquidity atau mop up liquidity, penilaian semula pegangan mata wang asing dan kenaikan nilai ringgit dan kerugian hasil daripada perniagaan dan spekulasi mata wang asing. Saya menggesa Yang Berhormat Menteri Kewangan nanti menjunjung prinsip akauntabiliti dan transparensi dengan mengumumkan angka-angka tersebut. Apa kerugian daripada fight against inflation, apa kerugian daripada revaluation mata wang dan depreciation ringgit, apa kerugian oleh kerana speculation dalam forex exchange di dunia ini?

Pertama sekali berapalah jumlah kerugian pertukaran asing yang dialami oleh Bank Negara akibat usaha pembendungan inflasi. Gabenor Bank Negara berkata bahawa pembendungan inflasi tidak murah dan bahawa terdapat kos dalam usaha dasar kewangan. Beliau

berkata bahawa pada 1992 dasar kewangan bank yang ketat mengalami masalah kerana kemasukan modal asing yang besar terutamanya dalam bentuk Dolar Amerika. Bank Negara selaku pembeli terakhir mata wang asing yang mengalir masuk terpaksa membeli Dolar Amerika tersebut. Pembelian ini mengembangkan liquidity dalam negeri melampaui kemampuan biasa sistem bank. Oleh yang demikian, Bank Negara terpaksa menyerap sumber dana yang berlebihan pada kadar faedah ringgit semasa iaitu lebih kurang 8% setahun dan berdasarkan andaian Dolar Amerika yang dibeli dan dilabur mendatangkan keuntungan 2.5% setahun dan kos menyerap ringgit adalah 8% setahun terdapat kerugian kira-kira 5.5% setahun oleh bank pada keseluruhan tahun. Memang tidaklah sukar atau berkemungkinan ia akan mengkompromikan integriti Kerajaan atau Bank Negara untuk Yang Berhormat Perdana Menteri—Yang Berhormat Menteri Kewangan—belum Perdana Menteri! (Ketawa) Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan kos Bank Negara dalam menyerap jumlah besar modal asing yang memasuki ke negara ini pada 1992 untuk membendung inflasi. Saya tidak mempunyai perangkaan yang dipunyai oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Bank Negara tetapi saya akan cuba membuat satu anggaran yang kasar dan saya bersedia untuk diperbetulkan, stand corrected jika Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh mengumumkan perangkaan yang betul.

Oleh kerana rizab luar telah bertambah sebanyak RM17 bilion pada 1992 berdasarkan andaian Bank Negara telah menyerap kesemua kenaikan, apakah kos kepada Bank Negara? Daripada Bulletin Bulanan Perangkaan (Statistik Disember 1992), kebanyakan pertambahan kemasukan dana asing sebagaimana yang dipamerkan dalam

ruangan emas dan pertukaran asing untuk rizab luar Bank Negara ialah selepas Jun dan angka-angkanya ialah seperti berikut:

Bulan	Dana Asing
Januari	RM 29,748.7 juta
Februari	RM 31,136.1 juta
Mac	RM 33,572.9 juta
April	RM 34,475.7 juta
Mei	RM 34,778.8 juta
Jun	RM 34,886.0 juta
Julai	RM 35,367.4 juta
Ogos	RM 38,371.8 juta
September	RM 41,563.4 juta
Oktober	RM 45,182.7 juta

Angka untuk November dan Disember 1992 tidak diberikan. Melihat siaran perangkaan bulanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara Disember ini kita boleh menganggarkan kos menyerap kemasukan dana asing yang besar berasaskan kerugian kira-kira 5.5% setahun sebagaimana yang dijelaskan oleh Gabenor Bank Negara seperti berikut:

- (i) Kos menyerap RM6 bilion pertama dari Januari ke Disember 1992 ialah lebih kurang RM 330 juta atau 5.5% kali 6 bilion.
- (ii) Kos menyerap RM 11 bilion lagi pada setengah tahun kedua 1992 ialah lebih kurang RM 302.5 juta, oleh kerana untuk 6 bulan, ini menjadikan jumlahnya RM 632.5 juta untuk cost fighting inflation.

Sangat kasarliah dengan angka-angka yang disembunyikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang sudah tentu merupakan anggaran berdasarkan keadaan yang amat tinggi, kerana kita menganggarkan bahawa RM 600 bilion yang pertama datang pada Januari 1992 dan yang bakinya RM 11 bilion masuk pada Julai 1992 apabila ia bukanlah keadaan yang sebenarnya.

Oleh yang demikian, kita boleh menganggarkan bahawa bank seharusnya tidak perlu membelanjakan kos lebih daripada RM 600 juta dalam kerugian pertukaran asing dalam penerapan liquiditi berlebihan akibat kemasukan dana asing yang besar.

Saya memahami bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan telah menyatakan dalam sebuah rencana akhbar bahawa Bank Negara menyerap RM 21.2 bilion dana asing pada 1992. Mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat memberikan angka yang betul dan kerugian pertukaran asing yang sebenar akibat operasi Bank Negara membendungkan inflasi dengan menyerap kemasukan dana asing pada pukul 6.00.

Seterusnya apakah kos Bank Negara dalam menilai semula atau revaluation pegangan matawang asing dan kenaikan Ringgit. Menurut Laporan Bank Negara, nilai Ringgit naik dalam 1992 berbanding dengan semua matawang asing yang utama dalam pasaran pertukaran asing. Dari segi perubahan komposit yang terdiri daripada matawang rakan perdagangan utama Malaysia, Ringgit naik sebanyak 5.6% pada 1992 dari tahap akhir tahun 1991. Jika Bank Negara menjalankan tugasnya dengan berhati-hati (prudent) sebagaimana yang dikehendaki oleh sebuah bank pusat yang mengambil berat kepentingan yang lebih besar dalam mengawasi peraturan dan kestabilan ekonomi (stability and orderliness of the economy), ia tidak akan menyeleweng terlalu jauh dari perubahan komposit matawang dan komitmen IMF (Kumpulanwang Kewangan Antarabangsa) bagi mengawasi kadar pertukaran Ringgit adalah di dalam lingkungan atau band 2 1/4% dalam matawang yang dipilih atau basket of currencies yang dipilih.

Menggunakan rizab luar Bank Negara sebanyak RM 47 bilion, ini bererti

bahawa penilaian semula rizab asing atau revaluation pada akhir tahun 1992 akan melibatkan kos RM 2.6 bilion ialah RM 47 bilion kali 5.6%. Sekali lagi ini adalah satu angka yang berdasarkan on the high side. Adalah lebih tepat, mungkin untuk mengirakan angka ini berdasarkan rizab luar RM 30 bilion pada akhir tahun 1991, kerana baki RM 17 bilion yang diperolehi pada 1991 akan lebih berkaitan kepada pergerakan matawang. Walau bagaimanapun, jika diambil angka yang tinggi (high side) pada RM 2.6 bilion sebagai kerugian pertukaran asing Bank Negara kerana kenaikan Ringgit ditambahkan dengan RM 600 juta, kos pembendungan inflasi (fighting inflation) mopping up liquidity, inflow of foreign funds, jumlah adalah RM 3.2 bilion di mana ia adalah jauh lebih rendah daripada kerugian pertukaran asing sebanyak RM 10.1 bilion yang dialami oleh Bank Negara. Manalah datang RM 6.9 bilion? From where do the RM 6.9 billion losses come? Apakah sebabnya perbezaan di antara kerugian pertukaran asing Bank Negara di antara RM 3.2 bilion dan RM 10.1 bilion pada tahun lalu? Adakah kerugian RM 6.9 bilion oleh Bank Negara disebabkan oleh aktiviti spekulasi pasaran pertukaran asing yang tidak bertanggungjawab? (*Tepuk*) Bersama dengan kerugian contingency sebanyak RM 2.7 bilion disebabkan oleh urusan pertukaran asing masa hadapan, apakah Bank Negara kerugian RM 6.9 billion hingga RM 9.7 billion kerana aktiviti spekulasi pertukaran asing (foreign exchange speculation)?

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Wawancara terkemuka baru-baru ini di RTM (*Tepuk*) menafikan bahawa Bank Negara telah terlibat dalam aktiviti spekulasi dalam pasaran pertukaran asing, tetapi ini kelihatan tidak sejajar dengan fakta. Pada 1989, adalah dilaporkan bahawa Bank Negara telahpun dikritik oleh pegawai kewangan Barat

kerana spekulasi dalam matawang Yen dan Dollar Amerika pada satu masa apabila Kumpulan 7 Industrialised Nations cuba menstabilkan pasaran matawang.

Pada April 1991, satu laporan agensi berita *Reuter* dari London menyifatkan Bank Negara sebagai satu kuasa dominasi di kancah pertukaran asing untuk beberapa tahun dan malah menuduh beberapa pengendali pertukaran asing sebagai "market bully", bahawa Bank Negara ialah "market bully". Inilah ada quote dalam laporan *Reuter* ini pada bulan April 1991, dan dengan izin, the report quoted London dealers, describing Bank Negara as "a dominant force on the foreign exchange scene for some years" and even accused by some forex operators as "a market bully". The report quoted London dealers as saying that Bank Negara "was by far the biggest market player, trading foreign exchange volume vastly in excess of any other in the market".

The Reuter report continued:

"Over the past two years it has stepped up its trading volume, and this year, it has started dealing in what dealers described as "really massive amounts"....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta duduk sekejap, sudah pukul 5.30 petang.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okay, dengan rasminya.

USUL

KERUGIAN PERTUKARAN ASING OLEH BANK NEGARA MALAYSIA

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Usul

yang telah diluluskan pada awal-awal mesyuarat tadi, sekarang kita akan membahaskan Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 yang dibawa oleh Ahli dari Tanjong. Seperti yang telah disebutkan pihak pencadang dan penyokong-penyokong akan diberi 30 minit dan bagi pihak Kerajaan juga 30 minit mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3). Yang Berhormat dari Tanjong sila kemukakan Usul.

5.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh sambung laporan Reuter ini mengenai "market bully". Yang Berhormat Menteri Kewangan kata jangan menggunakan perkataan-perkataan yang not respectful tetapi itu bukanlah perkataan-perkataan yang digunakan oleh saya dan inilah laporan *Reuter* bertarikh April 1991:

"Typically, Bank Negara operates in US\$50 million lots, compared with the market norm of US\$5 million or US\$10 million and deals with maybe six major banks in Eupore and six in New York"

Dealers said.

"One trader said the only dealers rivalling Bank Negara would be the Japanese funds."

"But while these funds enter the market no more than once or twice a year, Bank Negara is coming in and doing yards (billion) of dollars in a day."

"Its recent technique has been to hit major banks for US\$50 million each, then hit them 10 minutes later, dealers said.

Then it changes centre and does it all over again."

Tuan Yang di-Pertua, adakah tuduhan-tuduhan seperti ini benar bahawa Bank Negara telah menjadi peniaga pertukaran asing yang aktif, aggressive, forex trader—satu peranan yang mana tiada Bank Pusat yang berhati-hati- akan

melibatkan diri? Jawapan yang terbaik telahpun diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada hari Selasa minggu yang lalu semasa memberi komen terhadap penyertaan aktif Bank Negara dalam pasaran pertukaran asing, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa walaupun bukan semua Bank Pusat adalah pemain yang aktif, *active players in foreign exchange, forex markets*. Bank Negara telah menceburkan diri dalam pasaran pertukaran asing kerana ekonomi negara ini yang kukuh reserve yang besar dan juga kerana Bank Negara mempunyai kebolehan dan pengetahuan. Ini satu confession, satu admission bahawa Central Banks yang lain tidak jadi forex trading, Bank Negara ada oleh kerana ada knowledge, ability, strong economy, large reserves, so let's speculate. *(Tepuk)* Akibatnya Bank Negara ini telah mencederakan diri dan negara dengan kerugian di antara RM6.9 bilion hingga RM9.7 bilion. Dan ini jelas sekali merupakan cara yang mahal (*very expensive lesson*) untuk Malaysia memperoleh pengajaran akan apakah akan berlaku jika Bank Pusat menyeleweng dari tugasnya dalam mengurus dan mempertahankan matawang kepada menjadi peniaga forex dan mencari keuntungan. Apabila menyeleweng daripada charter untuk defend matawang dan menjadi aggressive forex trader untuk profit, kemungkinan apa yang berlaku tentu boleh berlaku.

Apabila menyatakan bahawa tidak perlu bagi beliau mengambil tindakan terhadap pegawai Bank Negara, beliau berkata bahawa tindakan sedemikian adalah tidak adil kerana tidak ada orang yang memberi kepujian apabila Bank Negara mengaut keuntungan yang besar hasil daripada serbuan atau foray ke pasaran forex pada waktu yang lebih awal. Siapakah yang akan memberi kepujian kepada Bank Negara apabila selama ini Kerajaan telah menafikan dengan sekeras-kerasnya bahawa tidak ada forex speculation bahawa ia telah

menjadi speculator aktif dalam pertukaran asing, bagaimana? Inilah sebabnya saya ada menyeru Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan satu Kertas Putih di atas operasi pertukaran asing Bank Negara *(Tepuk)* sejak ia mula berniaga dalam matawang pada pertengahan 1980 dengan menyatakan keuntungan setiap daripada aktiviti-aktiviti spekulasi forex setahun.

Saya tidak akan berasa terkejut jika kesemua keuntungan yang diperolehi oleh Bank Negara sepanjang tahun-tahun tersebut daripada aktiviti-aktiviti spekulasi pertukaran asing telahpun luput akibat kerugian phenomenal yang dialami oleh Bank Negara pada tahun lepas di antara RM6.9 bilion hingga RM9.7 bilion. Kita harap Yang Berhormat Menteri nanti boleh enlighten bukan sahaja Dewan yang mulia ini tetapi 18 juta rakyat Malaysia dan wang ini bukan wang Bank Negara, bukan wang Gabenor Bank Negara, bukan wang Menteri Kewangan, tetapi wang rakyat Malaysia. *(Tepuk)*

Gabenor Bank Negara telah berkata bahawa semua kerugian pertukaran asing Bank Negara ialah hanya "paper losses". Beliau berkata kesemua keuntungan forex yang diperolehi oleh Bank Negara sejak beliau menjadi Gabenor Bank Negara pada Jun, 1985 adalah "paper profits". Dalam menyokong hujahnya bahawa kerugian pertukaran asing Bank Negara adalah kerugian di atas kertas, beliau berkata bahawa seperti stok dan saham nilai pegangan pertukaran asing Bank Negara berubah mengikut perubahan nilai pasaran. Dengan hujah ini maka tidak wujudlah kesalahan atau luar biasa jika Bank Negara menjadi speculator yang aktif dalam stock exchange tempatan atau antarabangsa kerana kerugian sedemikianpun boleh sentiasa disifatkan sebagai kerugian di atas kertas.

Saya tidak percaya bahawa seseorang yang mengalami kerugian contohnya RM200.000 kerana saham yang dipegangnya dalam pasaran stok yang

telah jatuh dalam nilainya akan menganggap kerugian ini sebagai kerugian di atas kertas walaupun stok tersebut masih belum dilupuskan.

Saya yakin seseorang yang memegang saham seperti ini akan bersetuju bahawa kerugian di atas kertas sedemikian adalah sama mustahak, sama menyakitkan hati, seakan-akan beliau sudahpun mengalami kerugian sedemikian. *(Tepuk)* Jika Bank Negara telah mengalami kerugian di antara RM6.9 bilion ke Rfvl9.7 bilion kerana aktiviti spekulasi dalam pasaran pertukaran asing, maka rakyat Malaysia berhak menuntut penjelasan yang sepenuhnya, kerana nyatalah sekali Bank Negara telah melampaui bidangkuasa atau charternya sebagai Bank Pusat dalam kegagalan bertindak dengan cermat, sebagaimana yang dikehendaki.

Melainkan Yang Berhormat Menteri Kewangan secara jujur dan ikhlas menjelaskan dengan sepenuhnya keadaan sebenar yang mengakibatkan kerugian besar Bank Negara pada tahun lalu, rakyat hanya boleh membuat andaian akan apa yang hakikat scenario-scenario yang boleh mengakibatkan kerugian tersebut. Satu scenario yang mungkin berlaku ialah bahawa Bank Negara mengalami kerugian pertukaran asing yang besar semasa krisis matawang dalam mekanisme kadar pertukaran Eropah, susulan penolakan Maastricht Treaty mengenai European Monetary Union dalam pungutan suara Denmark pada 2hb Jun, 1992 yang memaksa pengantungan pound sterling dari Exchange Rate Mechanism (ERM) from European Monetary System (EMS). Akibatnya, Ringgit mencatatkan kenaikan nilai yang paling besar berbanding dengan pound sterling ialah 29.1%.

Adalah dilaporkan bahawa Bank of England telah membelanjakan berbilion-bilion paun untuk mempertahankan paun British pada masa itu. Yang ini sememangnya boleh difahami tetapi mengapa Bank Negara juga mahu

selamatkan pound sterling? *(Ketawa)* Mengapa Bank Negara juga menukar berbilion-bilion atau berpuluh-puluh bilion ringgit? Saya tidak tahulah, mungkin dapat penjelasan. Sungguhpun saya tidak tahu dalam apa..., mungkin dalam apa jenis matawang asing kepada pound sterling untuk membantu dan mempertahankan pound British atau adakah Kerajaan Malaysia sudah tukar dasar pada masa dahulu—"Buy British Last" sekarang "Defend British First." *(Ketawa)* *(Ditepuk)* "Safe British First" dengan ringgit-ringgit wang rakyat Malaysia. Saya tidak percayalah bahawa Kerajaan Malaysia atau Bank Negara adalah "Defend British First Policy". Dan saya tidak percaya bahawa sebuah Bank Negara membeli paun yang merugikan tersebut semasa krisis matawang sterling pada tahun lepas adalah kerana Perdana Menteri kita mahu selamatkan John Major *(Mahathir to rescue John Major)* *(Ketawa)* *(Tepuk)* dan paun British. Tetapi kerana Bank Negara dan orang-orang yang bertanggungjawab dalam operasi Foreign exchange mengira dan berharap mendapat satu "killing" atau "to get and go for a killing." Oleh kerana terdapat mengaut keuntungan yang besar dengan mengambil pendirian buy along mengharapkan paun membolehkan kedudukan dengan sokongan Kerajaan British oleh kerana pada masa itu British rela dan ada belanja berbilion-bilion paun untuk menyelamatkan paun. Itulah kita mahu tahu.

Memandangkan betapa besarnya kerugian pertukaran asing Bank Negara, satu Suruhanjaya Siasatan Di-Raja adalah diperlukan pun *(Ditepuk)* untuk memperolehi dan menentukan fakta dan keadaan sepenuhnya berkenaan dengan urusan pertukaran asing dan juga peranan dan tingkahlaku Bank Negara.

Saya bersetuju dengan Gebenor Bank Negara bahawa ringgit yang kukuh akan menyebabkan kerugian rizab tetapi adalah tidak benar bahawa kenaikan ringgit sedemikian merupakan sebab

utama. kerugian pertukaran asing sedemikian. Malah perolehan daripada kenaikan ringgit sebagaimana yang didakwa oleh Gabenor Bank Negara seperti kejatuhan dalam hutang luar negeri yang disebutkan dalam matawang asing tidak setanding dengan kerugian yang dialami. Dan menurut laporan Bank Negara Malaysia 1992, di mukasurat 196, terdapat penilaian semula pemulihan sebanyak RM2.2 bilion dalam hutang luar negeri kita akibatnya kenaikan ringgit. Ini adalah satu pertukaran yang amat teruk, exchange di mana negara ini kerugian RM10.1 bilion untuk memperolehi keuntungan RM2.2 bilion daripada external debt.

Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan satu analisa kos faedah tindakan ini yang menyatakan bagaimanakah ia telah memanfaatkan negara ini? Di samping itu, bagaimana Yang Berhormat Menteri Kewangan menyokong fakta bahawa RM10.1 bilion yang begitu susah payah dikumpulkan dalam lain-lain rizab dalam tempoh 8 tahun boleh diluputkan dalam tempoh masa satu tahun sahaja? Bukankah ini merupakan ketidakupayaan dan ketiadaan profesionalisme yang amat sangat. Kerugian dalam lain-lain rizab mungkin juga akan lebih tinggi kerana penilaian semula dalam emas berdasarkan nilai pasaran pada 31hb Disember, 1992. Dalam mana-mana penilaian semula aset kepada kos semasa seharusnya terdapat jumlah yang sepadan di seksyen tanggungan dalam kunci kira-kira yang biasanya dinamakan "akaun penilaian semula aset" (asset revaluation account). Dengan izin. in any revaluation of assets to current cost, there should be a corresponding amount in the liability section of the balance sheet which is usually called the "asset revaluation account." Dan inilah generally accepted accounting practice bukan sahaja di Malaysia tetapi di dunia. Adakah perlu bagi Yang Berhormat Menteri Kewangan yang menyatakan apakah keuntungan penilaian semula aset untuk emas ini atau apa "revet asset revaluation gain

for gold" untuk rakyat Malaysia supaya rakyat Malaysia boleh mengetahui setakat manakah kerugian yang sebenar yang berlaku? Misalnya, jika terdapat kenaikan dalam nilai emas berikutan tindakan penilaian sebanyak RM4 bilion, ini bererti oleh kerana tidak ada corresponding provision in liability section, ini bererti bahawa rakyat Malaysia telah mengalami kerugian RM4 bilion yang mana tidak dinyatakan dalam kunci kira-kira dan bererti lebih daripada RM12.8 bilion. Lebih daripada itu, apa? Kita harap boleh dapat satu penjelasan.

Adalah luar biasa bahawa Bank Negara tidak memasukkan akaun penilaian semula aset sedemikian atau adakah asset revaluation account telah dimasukkan dalam lain-lain rizab (other reserves)? Jika demikian, ini akan bererti kerugian dalam "other reserves" adalah lebih Hnggi daripada RM10.1 bilion. Kegagalan sedemikian boleh mengakibatkan Bank Negara dituduh sebagai mengamalkan creative accounting (*Ditepuk*) dan saya rasa ini akan menjadi satu irony oleh kerana Gabenor Bank Negara adalah seorang Chartered Accountant.

Dengan tiadanya penjelasan yang memuaskan dan yang dapat diterima oleh kerugian pertukaran asing Bank Negara di antara RM10.1 bilion ke RM12.8 bilion, keyakinan orang awam ke atas Bank Negara dan Kerajaan akan terjejas.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyatakan sokongan beliau kepada prinsip akauntabiliti, pertanggungjawapan dan transparensi pegawai-pegawai sektor awam, dan ini adalah satu kes ujian sama ada beliau benar-benar berkepercayaan dalam prinsip- prinsip ini dengan meminta Kabinet menubuhkan suatu Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menyiasat kerugian pertukaran asing Bank Negara.

Sebelum saya mengakhiri perkara ini, saya mahu menegaskan di sini bahawa tidak ada apa-apa sangkaan dibuat

bahawa adalah pecah amanah jenayah atau any criminal breach of trust yang berlaku oleh sesiapa dalam Bank Negara—tidak ada apa-apa cadangan atau suggestion. Soalan ialah apakah punca kerugian-kerugian forex dan adakah peranan yang dimainkan oleh Bank Negara itu selaras dengan charter Bank Negara dengan tujuan untuk menjaga matawang. Saya harap ini satu perkara yang penting dan tidak patut disembunyikan. Saya juga harap oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan rela mengambil satu sikap terbuka bahawa kita boleh dapat satu penjelasan yang memuaskan dan oleh kerana masih ada 10 minit, mungkin ada seorang Ahli dari pihak Pembangkang yang ada pandangan untuk diutarakan. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong, minta sudahkan ucapan dalam masa 9 minit.

5.5/ *ptg.*

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, tadi daripada hujah Yang Berhormat Tanjong kita dapati timbulnya banyak soalan yang belum lagi dijawab oleh pihak Kementerian Kewangan. Yang pentingnya ialah setakat ini kita tidak tahu apakah polisi perakaunan untuk emas dan foreign reserves, kerana daripada dasar inilah semua angka-angka yang kita dapati di dalam Laporan Bank Negara 1992, berhubung dengan bukan sahaja kerugian RM9.3 bilion, seperti mana yang disebutkan sebagai 'paper loss' bahkan juga lebih daripada itu.

Di sini oleh kerana ada 9 minit sahaja, saya hendak Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab apakah dasar perakaunannya sejak satu dekad ini kerana inilah dekad yang cemerlang seperti yang disebutkan. Apakah exchange rate fluctuation reserve untuk tiga

tahun ini? Apakah irvestment fluctuation reserve dan apakah insurance reserve dan contingency reserve? Kerana daripada reservey inilah kita boleh dapat angka-angka yang lebih tepat dan daripada laporan bank kita tidak nampak angka-angka ini disebutkan oleh Gabenor Bank Negara sebagai "the hands tied cannot reveal all the facts", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua —cannot reveal all the facts because if you reveal all the facts, the other players will know what is it all about. Is it the case? Adakah ini alasan yang sebenarnya ataupun alasan yang pincang?

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Melaka minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta jalan dari Yang Berhormat dari Kepong. Adakah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju bahawa kalau Tan Sri Jaffar Hussain, Gabenor Bank Negara, memberitahu bentuk kerugian daripada rezab lain, dan jumlah kerugian dari rezab yang lain ini, ini tidak akan menimbulkan satu keadaan di mana Bank Negara akan "show their hands", dengan izin, kepada pasaran pertukaran wang asing. Ini adalah kerana kalau Bank Negara tidak memberitahu apakah jumlah kerugian dan apakah jenis kerugian yang dialami, mereka tidak akan tahu kerana matawang yang didagangkan terpulang kepada jumlah yang didagangkan, depends on the volume, dengan izin, dan juga bergantung kepada masa (timing). Kalau kita tidak ada kedua-dua element ini, timing and volume, pakar forex tidak akan tahu apakah jenis atau, dengan izin, what is the composition of foreign exchange reserves that are held by Bank Negara. Oleh sebab itu, tidak ada sebab mengapa Bank Negara tidak boleh memberitahu apakah jenis dan jumlah kerugian yang dialami daripada rezab lain.

Saya rasa kenyataan Gabenor Bank Negara bahawa "show their hands", kalau beritahu jenis dan jumlah, tidak masuk akal sama sekali, tanpa timing dan volume of foreign exchange traded, tidak munasabah. Adakah Yang Berhormat dari Kepong bersetuju dengan pandangan ini? Sekian, terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, daripada prinsip perakaunan saya bersetuju dengan....(Diganggu) Arau, saya di sini hendak beritahu sama ada Yang Berhormat daripada Arau bersetuju bahawa kita mesti ada akauntabiliti dan transparensi. *(Tepuk)* Adakah dia bersetuju? Kita bukan menyoal dari segi criminal breach of trust, cuma kita persoalkan adakah Bank Negara menceburkan diri di dalam spekulasi walhal ia tidak sepatutnya berbuat demikian. *(Tepuk)* Itulah soalan yang pokok sekali. Jadi, Yang Berhormat Arau tidak begitu endah-mengendahkan hal yang begitu penting.

Tuan Yang di-Pertua, yang peri mustahaknya ialah ada orang yang mengatakan dengan pasaran foreign exchange ini, pasaran terbuka semacam ini, Bank Negara memainkan peranan yang begitu positif. Di dalam aktiviti-aktiviti Bank Negara itu adalah satu kebiasaan timbulnya paper loss seperti ini. Saya tidak boleh menerima 100%. Memang ada kerugian dari semasa ke semasa. Tetapi yang penting sekali itu bolehkah Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu Dewan yang mulia ini, apakah amaun inflow of foreign funds pada tahun 1992 yang menyebabkan mopping operation itu mengakibatkan kerugian yang begitu besar. Memang ada turun naik, memang ada—saya bersetuju. Memang ada kerugian sedikit dari semasa ke semasa, ada naik ada turun, pasang dan surut, itu saya bersetuju, Padang Terap pun bersetuju. *(Ketawa)* Tetapi saya percaya kebanyakan di sini tidak bersetuju dengan spekulasi Bank Negara. Itu tidak setuju. *(Tepuk)* Kalau berani, bangun. *(Ketawa)* *(Tepuk)*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, kita ada dua minit Yang Berhormat, dua minit sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Kepong sama ada Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa spekulasi ini judi. Yang Berhormat tidakkah hairan bagaimana Menteri Kewangan boleh membenarkan kegiatan perjudian seperti ini? *(Sorak)*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan juga. Mungkin Yang.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, satu minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu minit. Mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan terlalu sibuk dan baru sahaja mengambil jawatan Menteri Kewangan dan tidak sempat lagi untuk meninjau semua keadaan. Tetapi inilah masa yang paling tepat, persis untuk beliau meninjau secara teliti apakah spekulasi-spekulasi yang dilakukan oleh Bank Negara. Itu yang penting sekali. Tadi kata ada dua minit lagi. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Satu minit sahaja untuk menggulung.

Dr Tan Seng Giaw: Ya. Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi, iaitu mengenai contingency reserve, apakah untuk tahun 1992 contingency reserve. Adakah contingency reserve itu untuk tahun 1992? Adakah contingency reserve ini RM3 bilion, RM4 bilion ataupun lebih? Dan apakah terjadi dengan contingency reserve ini, kerana di dalam foreign exchange, dalam semua rezab yang ada sekarang, kita tidak nampaknya

di dalam laporan bank. Kerana kacau sangat, minta diberi injury time, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup, Yang Berhormat, tiga puluh minit sahaja.

Dr Tan Seng Giaw: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri Kewangan.

6.00 *ptg.*

Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong yang mengemukakan persoalan ini di sidang ini untuk memberi kesempatan kepada saya untuk memberikan penjelasan.

Saya telah memilih untuk tidak membuat kenyataan awal, pertama setelah saya menekankan bahawa pengurusan rezab negara selama ini merupakan bidang tanggungjawab Bank Negara, walaupun diawasi oleh Kementerian Kewangan. Saya telah meminta Gabenor Bank Negara untuk memberikan penjelasan, dan beliau telah memberikan kenyataan yang terperinci pada 19hb April, 1993 bagi memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara yang diahggap penting untuk menjelaskan kepada masyarakat umum. Saya telah memilih Dewan yang mulia ini untuk memberikan penjelasan bagi menghormati Dewan ini, dan saya tidak fikir ini menjadi satu masalah kepada Yang Berhormat dari Tanjong. Sebab-sebab kejatuhan sebahagian besarnya memang telah dijelaskan. Tetapi kita juga harus cuba bersabar meneliti permasalahan dan alasan-alasan kerana secara kebetulan memahami isu ini juga rumit dan agak complex. Kalau ditanya secara rambang seperti mana yang ditanya oleh Yang Berhormat dari

Kepong tentang dasar perakaunan ataupun mengapa dibuat beberapa keperluan tanggungan luar jangkaan dan sebagainya, maka jawabannya tidak lari dari prinsip perakaunan yang sedia dimaklumi. Saya ingin mempertahankan kewibawaan Bank Negara dan integrity Gabenornya dalam isu pengurusan rezab negara ini kerana saya sendiri meneliti laporan-laporan mutakhir Bank Pusat di negara-negara luar—di Barat dan juga di Timur. Sukar kita cari satu laporan Bank Pusat yang telus atau separuh transparent sekalipun.

Pengurusan rezab ini merupakan satu nadi untuk menjamin pengukuhan sistem pengurusan ekonomi negara. Ia bukan satu pertimbangan mikro, tetapi ada hubungan dengan usaha menstabilkan ekonomi makro negara. Sebab itulah "kerugian-kerugian" dialami dan agak tidak wajar bagi saya, dalam kedudukan saya untuk menyebut negara-negara berkenaan. Tetapi baik ASEAN, baik Asia Timur ataupun Eropah, sukar dicari bank pusat atau Bank Negara yang memberikan maklumat terperinci, kerana maklumat tersebut boleh menjejaskan pengurusan rezab, kedudukan ekonomi dan kedudukan matawang negara itu sendiri. Kalau kita tunduk sepenuhnya kepada kehendak Yang Berhormat dari Tanjong, maka kekuatan ekonomi kita, kekukuhan ringgit kita itu menjadi bukan lagi satu rahsia kita dalam strategi pengurusan ekonomi dan kewangan negara. Mengapa kita harus tunduk kepada keperluan pakar Barat atau media Barat? Agak anih Yang Berhormat dari Tanjong nampaknya sepanjang ini menggunakan maklumat yang diperolehi dari media Barat untuk menyerang Bank Negara Malaysia. Sejak bila harus...

Seorang Ahli: Jawab.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya akan jawab, saya akan jawab, jangan bimbang.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya akan jawab. Umpamanya sebaik sahaja ada satu maklumat mengatakan kita aktif dan aggressive forex traders in the world, mungkin second to the Japanese, saya hendak beritahu Yang Berhormat dari Tanjong supaya jangan menggunakan sumber enteng yang dikutip di tepi jalan. Sumber sebenarnya, dan ini saya boleh pertahankan, jumlah transaction forex harian itu dianggarkan satu trillion US dollars - satu trillion US dollars. Dan bagaimana Malaysia, melainkan Yang Berhormat dari Tanjong memberikan keyakinan yang luar biasa kepada saya, untuk menguruskan rezab sebanyak ratusan bilion dollar Amerika? Tak siapa yang siuman boleh percaya kenyataan itu. Sebab itulah untuk mengatakan bahawa Bank Negara Malaysia merupakan satu bank pusat yang memainkan peranan yang maha penting—walaupun perkataan "maha" ini tidak kita galakkan sekarang (*Ketawa*), melainkan "Mahathir" (*Ketawa*)—dalam pengurusan rizab sukar diyakini. Tetapi saya ingin menjelaskan, kita harus memberi keyakinan kepada sistem kita sendiri. Saya tidak pertikaikan hak Yang Berhormat untuk mengemukakan persoalan. Saya pertikaikan kebijaksanaan membuat tuduhan. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana sekurang-kurangnya kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Pembangkang tidak mengaitkan apa yang berlaku dalam kemerosotan nilai rizab itu dengan penyelewengan, salah pengurusan atau pecah amanah, walaupun dalam usul itu dikaitkan dengan BMF. Tetapi ini bagi saya suatu kenyataan yang agak melegakan. Saya tidak pertikaikan hak bertanya, tetapi cuba kita lihat kekuatan rezab kita. Cuba lihat secara keseluruhan dan positif sebelum kita jawab secara terperinci.

Pada tahun 1984, mengapa saya pilih 1984 ialah kerana Tun Daim mengambilalih Kementerian Kewangan dari Yang Berhormat dari Gua Musang. Pada tahun 1984, rizab antarabangsa berjumlah RM9.5 bilion. Pada akhir bulan Pebruari, 1993 rezab antarabangsa kita meningkat kepada RM51.1 bilion (*Tepuk*) merupakan di antara satu kekuatan terbesar bagi mana-mana negara membangun. Ini jumlah terkumpul yang sungguh besar, pertambahan yang tinggi yang harus kita banggakan, dan sedikit-sebanyak terletak kepada kebijaksanaan pengurusan ekonomi Kerajaan, dan juga pengurusan Bank Negara Malaysia.

Pada tahun 1989, rezab berjumlah RM21.6 bilion; tahun 1990 - RM27 bilion; tahun 1991—RM30.4 bilion; tahun 1992—RM47.2 bilion. Peningkatan rizab ini terus dicapai walaupun kita menggunakan sebahagian daripada rizab itu untuk membuat pra-pembayaran ke atas pinjaman luar negara. Kalau kita tidak gunakan rizab ini untuk buat prepayment, jumlah rizab itu tentu akan meningkat lebih tinggi. Mengapa ini tidak diambilkira?

Dalam tahun 1984, rezab antarabangsa yang dibacakan tadi, berjumlah 1.5 kali ganda berbanding dengan jumlah matawang dalam edaran, money in circulation, dengan izin. Pada masa ini, ianya meningkat kepada 3.5 kali ganda daripada jumlah matawang dalam edaran. Dua angka telah digunakan oleh Yang Berhormat mengenai jumlah kemerosotan nilai rezab ini—RM10.1 bilion dan RM12.8 bilion. Bank Negara dan saya ingin sahkan kemerosotan sebenar rezab ialah RM9.3 billion. Angka RM800 juta yang merupakan pindahan antara rizab dan dicampurkan dengan angka rizab lain (other reserves) menjadikan kemerosotan berjumlah RM9.3 bilion. Perkara ini tidak dilihat semudah itu. Angka itu tidak diluputkan, angka yang dipindahkan dalam penjelasan masih kekal. Ia masih ternyata dan tercatat dalam laporan ini. Kalau angka itu dihilangkan, ini satu perkara yang dipertikaikan. Angka ini

ada dalam pengurusan akaun, itu dijelaskan dan diberikan alasan. Saya ingin ulangi, tidak ada laporan Bank Negara atau bank pusat lain yang memberikan nota akaun kepada perkara ini. Tidak ada nota penjelasan. Sekali lagi saya sebut, saya tidak berupaya menyebut nama negara, kita boleh lihat semua laporan Bank Negara dan Bank Pusat lain sebab ini menjadi kebijaksanaan pengurusan wang rizab negara.

Ada negara yang menggunakan pengurusan bank pusat mereka dengan perbendaharaan sebagai satu persefahaman di mana untung atau ruginya dipindahkan kepada Perbendaharaan jadi tidak dicatat. Kita jauh lebih telus dan transparent. Dan kerana kita transparent, kita ditanya. Kalau kerana kita transparent kita dihukum, itu tidak adil. *(Tepuk)*

Masalahnya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini, dia kira dua kali. Sebab itu jumlahnya datang sekejap RM10 bilion, sekejap RM12 bilion, sekejap dia kata mungkin RM14 bilion. Ini kira-kira apa? Kerana tanggungan angka-angka akaun mengenai tanggungan luar jangkaan (contingency liability), dengan izin, bagi tahun 1992 ialah RM2.7 bilion. Contingency liability dalam prinsip perakaunan ini, liabiliti kontinjen kalau nyata ada kerugian atau masalah atau kemerosotan, rizab yang diambil kira dalam perkiraan kita ini, dia berterusan. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengatakan, ketika itu begitu, bila kita sebut untung—tidak ada untung. Mengapa kalau lost jadi paper loss? Saya hendak jelaskan, bila untung, untung itu dipulihkan sebagai cash (tunai) dipindahkan ke dalam negara dibayar kepada Kerajaan/Perbendaharaan. Sebab itu untung itu, untung in real terms, in cash terms. Rugi yang disebut oleh Gabenor Bank Negara sebagai paper loss itu, rugi masih atas kemerosotan nilai matawang yang masih dipegang. Umpamanya kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, ada US\$1 juta, mungkin

lebih,—*(Ketawa)* disimpan di New York, rugi itu in ringgit terms, sebab nilai ringgit bertambah.

Jadi, US\$1 juta (Dollar Amerika) masih kekal US\$1 juta, tetapi apabila dari segi ringgit sudah merosot 8% atau 9%, tengok kepada tempohnya. Ini basic economic, *(Ketawa)* saya hendak beri kuliah sedikit. Walaupun Ahli-ahli Yang Berhormat pun tahulah, Ahli Yang Berhormat dari Kepong kata baru, tetapi baru pun boleh tahan, boleh ikuti perkembangannya sedikit. Boleh beri kuliah kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan daripada Jelutong. Bukan Jelutong, daripada Kepong. Jangan "dok usik Jelutong sekarang. *(Ketawa)*

Jadi, sebab itu contingent liability dalam konsep penjelasan kita, tidak boleh dianggap satu kerugian. Saya tahu perkara ini memang dianggap sebagai bukan satu helah, kerana contingent liability itu ada disebutkan. Kalau dihilangkan, itu soal lain. Kalau kita sebut RM9.3 bilion, contingent liability disebut RM2.7 bilion, itu disebut, tidak dilarikan. Kalau hendak dikatakan total lost thereibre, dengan izin, hendak diiambah RM9.3 bilion, ditambah RM2.7 bilion, ditambah lagi, itu dia boleh tambah, kerana diikut prinsip accounting baru DAP, itu dia boleh kiralah. Tetapi, kalau ikut prinsip perkiraan kita, kita jelaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ambil keputusan untuk menghilangkan, melenyapkan, saya terima. Maknanya adalah satu percubaan untuk menutup, tetapi tidak. Sebab itu dalam kenyataan Gabenor dan saya ulangi di sini, angka-angka itu dibaca dan diulang, tidak dengan maksud untuk menafi dan mengeneipikan. Dan nyata dalam akaun ini, dijelaskan dan sudah ada akaun yang dijelaskan, tetapi dipermudahkan di halaman-halaman terakhir tentang semua kenyataan yang disebutkan. Kalaulah maksud kita untuk menutup dan mempersulitkan kefahaman ramai, perkara ini boleh diluputkan dan style

serta cara pengurusan kewangan-boleh dipinda.

Saya ulangi, kalau ringgit kukuh, ada masalahnya, ada kekuatannya. Keseluruhan pertimbangan ekonomi makro negara untuk menstabilkan ekonomi negara, tentulah kekukuhan ringgit bermakna keyakinan terhadap sistem ekonomi negara. Tetapi, ringgit yang kukuh bermakna, rizab akan kerugian. Jumlahnya, itu yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, berapa sebenarnya dalam perkiraan ini, saya akan sampai ke situ nanti. Masalahnya ringgit ini bertambah naik, sejak akaun ditutup akhir tahun lalu, sekarang dia 500 point dibandingkan dengan Dollar Amerika.

Maknanya ringgit terus naik. Orang heboh sebut tentang kemerosotan nilai rizab kita, mereka kata kerugian, tetapi ringgit masih terus kukuh. Tetapi kalau ini berlaku, bermakna kita harus menjangkakan ada impact, kesannya kepada kekuatan rizab kita. Nasib baik, Alhamdulillah, rizab kita terus bertambah. Tetapi kalaulah tidak kerana ringgit itu tambah kukuh, jumlah rizab itu akan jauh lebih besar. Apakah bermakna Kerajaan mengambil keputusan untuk devalue?. Kalau mahu jawab senang, saya katakan, baik, kita turunkan nilai ringgit, biarkan rizab bertambah. Tetapi, apakah itu jawapan pengurusan ekonomi yang baik, jawabannya tentu tidak.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong minta jalan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya ada sampai pukul 6.30 petang. Esok masa debat, sebutlah apa hendak sebut pun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong, dia tidak beri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:

Umpamanya saya katakan sekali lagi, dan ada untungnya—importnya, hutang luar negara kita kurang kerana ringgit kukuh, hutang negara secara sendirinya merosot, pra pembayaran boleh dibuat, import lebih murah. Kalau saya katakan, kalau orang hendak bercuti ke luar negeri contohnya tidak berapa baiklah kerana kita tidak menggalakkan orang keluar banyak sangat. Tetapi, kalau nilai ringgit pada masa ringgit itu kukuh, katalah dibandingkan dengan Sterling, ini juga disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, itu sampai bezanya 34%, maknanya kalau rizab kita tidak banyaklah dengan Pound Sterling, memang betul tidak banyak dengan Sterling, tetapi andaianya kalau ada RM10 bilion rizab kita disimpan dalam Pound Sterling, dia jatuh dengan sendiri dari segi nilai 34%. Pound Sterling masih jumlah sama tetapi dari segi nilai ringgit, "in ringgit terms" jatuh 34%. Masalahnya kita, kalau kita lihat dalam masa kekuatan di tahun 1992, yang paling kuat dengan Deutschmark—18%, Yen—16%, Swiss Franc—22%, Sterling—34%, Dollar Amerika—10%, Dollar Australia—20%, Dollar Kanada—20%.

Seorang Ahli: Dollar Singapura?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Singapura bukan kita simpan duit sangat. DAP sahaja yang simpan. (*Ketawa*)

Jadi, oleh yang demikian kalau kita ambil begini, soalnya sekarang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, mengapa tidak boleh diberitahu. Saya kata, mana ada pengurusan rizab di dunia yang boleh beritahu, never mind, saya simpan US\$20 billion, Deutschmark—5 billion, ini main "kut" di kampung bolehlah. Tetapi kalau pengurusan rizab negara yang jumlahnya RM50 bilion hendak diberitahu di mana kita simpan, saya rasa tidak boleh. Soalnya kalau begitu apakah kita terlibat dalam spekulasi. Saya tahu, *Harakah* pun banyak isu, saya sekarang popular kerana front page headline, every week, every

issue. Saya hendak tanya sekarang ini, mengapa kita terikat dengan apa yang dikehendaki oleh negara asing, oleh media barat, wang rizab kita banyak, harus ada sedikit wang itu yang diurusniaga.

Kalau tidak diurusniaga kita rugi. Wang itu mesti simpan rizabnya di luar. Itu keperluan dalam mempertahankan kestabilan ekonomi makro negara kita, mengukuhkan sistem ekonomi negara kita. Mengapa kita tidak boleh urusniaga. Saya katakan, dari awal saya menjawat jawatan Menteri Kewangan, saya tidak setuju sama sekali dengan spekulasi, dengan campurtangan Bank Negara dalam apa bentuk urusniaga berlebihan. Tetapi saya hendak pertahankan hak Bank Negara Malaysia untuk berurusniaga bagi mempertahankan kepentingan rizab kita. *(Tepuk)*

Jangan kita korbakan rizab kita kerana kita takut Bank Negara itu berurusniaga, kalau wang yang RM50 bilion, dan Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya dari DAP nasihatkan kepada saya, jangan buat apa-apa, simpan diam-diam dan doa agar selamat. Kita harus simpan rizab itu dalam basket of currencies, ini juga ada disebut, tetapi sebahagiannya untuk protect reserve, kita kena urusniaga. Bukan spekulasi dalam erti kata perjudian yang tentunya tidak dibuat oleh Bank Negara. Tetapi dalam bentuk urusniaga yang sihat untuk mempertahankan—umpamanya, kalau nampak deutschemark akan jatuh, akan menyebabkan kita kerugian, maka kita pindahkan deutschemark dan letak di dollar, kalau nampak dollar itu kukuh dan sebagainya—ini adalah satu kepakaran dan kemahiran yang harus ada dan tentunya media dari negara-negara Barat tidak senang, sebab rizab kita kuat dan pengurusan ekonomi kita juga bolehlah tahan sedikit di mana kadang-kadang naik jumlahnya dan kadang-kadang merosot sedikit.

Tetapi saya sebut juga bahawa hutang luar negara sekarang RM41 bilion.

berbanding dengan RM50 bilion pada akhir tahun 80an, ini adalah disebabkan faktor yang saya sebutkan tadi juga. Apabila nilai ringgit Malaysia meningkat, nilai hutang juga menunjukkan kadar pengurangan. Rakyat beruntung, sektor swasta beruntung—ini adalah soal pertanggungjawapan dan ketelusan, iaitu "Accountability" and "transparency"—high sounding terms. Sebab itu saya beritahu kepada Bank Negara bahawa penjelasan yang teliti harus dibuat. Dalam sejarah negara ini belum pernah Bank Negara Malaysia memberikan penjelasan terperinci mengenai masalah ini, sejak merdeka. Jadi, untuk mengeneipkan sama sekali seolah-olah Bank Negara tidak bertanggungjawab dalam hal ini atau tidak transparent atau tidak telus adalah tidak adil. Bank Negara tidak boleh lebih transparent, sehingga menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap Bank dan menghimpit atau menjejaskan kepentingan bank itu pada keseluruhannya. Sebab itu saya katakan, bandinglah dengan Bank Pusat lain, banding dengan laporan Bank Negara lain, di dunia Barat, Timur, Utara, Selatan—dengan bank-bank di Latin Amerika dan Afrika, tidak payah banding—tetapi sekurang-kurangnya dengan negara yang maju, kita boleh banding.

Soal yang berikutnya ialah apakah kos mopping-up liquidity. Ini adalah peranan Bank Negara sebagai sumber penyerapan yang terakhir. Liquidity dalam sistemnya banyak, kalau tidak di "mop-up", kesannya adalah kepada ekonomi negara dan inflasi. Saya hendak sebut di sini bahawa pada tahun 1992, jumlah yang di "mop-up" bukannya RM10 bilion atau RM15 bilion, tetapi lebih daripada RM21 bilion. Kos ini ditanggung oleh Bank Negara dan sudah tentulah jawapannya, kemerosotannya tidaklah sampai kepada RM9 bilion, tetapi saya sebut beberapa faktor yang keseluruhannya harus diperhatikan. Beberapa tahun yang lalu, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong dan beberapa rakan lain menyerang Bank Negara dengan begitu kuat dan hebat mengenai Draxel Benham Lambert

(DBL)—tetapi sebenarnya tidak dengan DBL tetapi adalah dengan anak syarikat. Sekarang terbukti, jika kita lihat long-term, urusan dengan DBL dan anak syarikatnya adalah membawa keuntungan, bukan kerugian pada ketika itu, iaitu pada ketika yang berkenaan yang dipertikaikan dan yang disebut oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka seperti "timing". Timing apa? Saya pun tidak tahu, tetapi dari segi waktu, itu memang betul. Pada ketika itu timingnya tidak betul, jadi kita rugi. Tetapi kita hendak lihat akaun pengurusan bank pada satu ketika ataupun pada keseluruhannya. Dana pemegang saham Bank Negara pada akhir tahun 1984 berjumlah RM1.4 bilion, 1991 dana ini meningkat kepada RM13.6 bilion iaitu peningkatan sebanyak RM 12.82 bilion dalam tempoh masa enam tahun yang dapat mengambil kira bayaran sebanyak RM4.2 bilion kepada Kerajaan.

Kejatuhan sebanyak \$9.3 bilion dalam rizab ini mestilah dilihat bersama dengan peningkatan lebih sebanyak RM16.4 bilion dalam dana pemegang saham. Keseluruhan urusan dengan rizab dari tahun-tahun yang saya sebut menyebabkan kelebihan kepada negara RM16.4 bilion, potonglah RM9.3 bilion, lebih itu cukup memuaskan dan membanggakan. Mengapa yang dikutip hanya angka RM9.3 bilion, mengapa tidak dilihat keseluruhan faedah dan keuntungan kepada negara sebanyak RM16.4 bilion. Ini juga nasihat saya kepada PAS dan 46 supaya jangan terperangkap dengan taktik dan muslihat orang-orang depan ini, biar cerdik sedikit dalam hal ini. Rizab kita adalah melebihi RM50.1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merumuskan bahawa kenyataan ini tidak apa dan sekali lagi saya katakan bahawa saya memilih untuk menerima ulasan dan kebebasan menghormati Dewan yang mulia untuk mengemukakan usul supaya saya memberikan penjelasan, tetapi jangan sehingga keyakinan terhakis. Rizab negara bertambah. Rizab tahun

1992 ialah RM47 bilion, dua bulan yang pertama sehingga Pebruari, angka terakhir yang belum diumumkan, rizab bertambah—jadi RM51.1 bilion. (*Tepuk*) Ringgit, walaupun dihebahkan oleh seluruh media asing yang sibuk dengan kerugian rizab, kononnya, ringgit bertambah kukuh. Saya tidak mahu memberikan secara terperinci berbanding dengan basket of currencies, tetapi ringgit adalah bertambah kukuh.

Pasaran saham, walaupun saya telah memberi peringatan supaya jangan ada spekulasi, lihat fundamental syarikat, jangan terbawa-bawa dengan personaliti dan sebagainya, tetapi pasaran saham di negara kita masih segar bugar. Pelaburan dalam negara (domestik) dan juga luar negara, juga bertambah. Eksport negara dalam bulan Januari adalah meningkat kepada 10.7%, eksport pembuatan meningkat 24%, pengeluaran industri Januari-Pebruari, mencatat satu rekod yang membanggakan 12.2%.

Saya masih ingat jangkaan unjuran pertumbuhan tahun 1993 yang dibuat oleh Kerajaan ialah 8%. Semua angka-angka akan saya bacakan—eksport pembuatan (pengeluaran industri)—12.2%, semuanya meningkat. Kadar inflasi - tahun lalu saya umumkan 4.7%, Januari 4.5%, angka terbaharu bulan Februari, ialah 4.4%. Angka-angka ini harus menambah keyakinan kita bahawa pengurusan ekonomi negara pada keseluruhannya adalah cukup baik.

Kalaulah semangat yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memastikan bahawa pengawasan terhadap pengurusan rizab Bank Negara itu harus diteliti, saya jawab "ya", kita harus teliti supaya kita dapat menangani masalah ini dengan lebih terperinci dan sama-sama lebih bertanggungjawab. Tetapi memadailah setakat ini saya memberikan penjelasan. Saya menaruh keyakinan sepenuhnya kepada Bank Negara Malaysia di bawah pimpinan Gabernornya Tan Sri Jaffar dan saya anggap kita harus pertahankan kerana

rekod cemerlang Bank Negara dan sistem pengurusan ekonomi negara keseluruhannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut perbincangan di bawah peruntukan Peraturan Mesyuarat 18, apabila sampai pukul 6.30 petang, maka cadangan menangguhkan Mesyuarat itu, jika belum diselesaikan lagi adalah lucut dan perjalanan-perjalanan yang ditangguhkan tadi hendaklah diteruskan dan diuruskan menurut Perenggan 4. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup 6.30 petang dan kita akan berbalik kepada urusan kita tadi iaitu perbincangan untuk Titah Di Raja. Oleh itu, saya meminta supaya cadangan dikemukakan oleh Menteri.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa dengan tidak menghiraukan peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(4), Dewan ini mengikut

peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, hendaklah ditangguhkan sekarang.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan supaya Majlis ini ditangguhkan dengan tidak menghiraukan peruntukan peraturan Mesyuarat 18 (4) hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,:

"Bahawa dengan tidak menghiraukan peruntukan peraturan Mesyuarat 18(4), Dewan ini mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, hendaklah ditangguhkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan sekarang sehingga hari esok jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.